Ekonomi Malaysia pada Tahun 2001

2-11 Tinjauan Keseluruhan
11-26 Kajian Mengikut Sektor
27-30 Keadaan Permintaan Dalam Negeri
31-38 Harga dan Guna Tenaga
38-56 Sektor Luar Negara
56-58 Aliran Dana

Ekonomi Malaysia Pada Tahun 2001

KDNK benar kekal positif pada tahun 2001, disokong oleh langkah-langkah kitar balas dan struktur ekonomi yang pelbagai


TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia kekal kukuh pada tahun 2001 dalam persekitaran luar negara yang mencabar. Walaupun kelembapan ekonomi global pada tahun 2001 lebih teruk daripada yang dijangkakan, Malaysia dapat mengelak daripada kemelesetan ekonomi dan pertumbuhan pada tahun ini kekal positif. Pengangguran juga kekal pada paras yang rendah.


Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang terbuka, kesan negatif daripada kelembapan ekonomi AS dan kemerosotan industri elektronik global telah mula dirasai pada awal bulan Mac 2001. Keadaan ini ditunjukkan oleh kejatuhan dalam pengeluaran perkilangan dan pertumbuhan eksport yang negatif. Langkah bersepadu semenjak krisis kewangan untuk meningkatkan pertumbuhan daripada sumber domestik dan mengurangkan penggantungan yang berlebihan terhadap eksport telah menyebabkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 0.4% pada tahun 2001. Langkah-langkah rangsangan fiskal dan dasar monetari yang akomodatif telah menyebabkan perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan pertumbuhan positif dalam perbelanjaan swasta.

Graf 1.1
Ekonomi pada Tahun 2001 (pada harga malar 1987)

Penawaran barangan dan perkhidmatan (RM414.3 bilion)




Permintaan barangan dan perkhidmatan (RM414.3 bilion)




[1] Termasuk stok

Graf 1.2
KDNK Benar dan Kadar Inflasi



Graf 1.4
KDNK Benar dan Permintaan Agregat Dalam Negeri




Pada tahun ini, perbelanjaan pelaburan awam meningkat sebanyak 15.5%, sementara penggunaan awam meningkat sebanyak 11.9%. Sumbangan langsung sektor awam (tidak termasuk perusahaan awam bukan kewangan) adalah besar, menyumbang sebanyak 3.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2001.

Dengan pelaksanaan beberapa dasar, penggunaan kekal kukuh walaupun pendapatan eksport lebih rendah. Sementara tabungan negara kekal tinggi pada 34.9% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), jumlah penggunaan domestik mencakup lebih separuh daripada KDNK. Kekukuhan dalam penggunaan swasta berserta pertumbuhan perbelanjaan sektor awam yang tinggi telah mengimbangi kesan sektor luar ke atas ekonomi domestik serta penguncupan dalam pelaburan swasta berikutan konsolidasi sektor korporat.


Daripada segi penawaran, pertumbuhan dalam industri perkilangan berorientasikan eksport yang lembap telah diimbangi oleh pertumbuhan positif dalam sektor lain, terutamanya sektor perkhidmatan, industri perkilangan berorientasikan permintaan domestik dan sektor pembinaan. Secara keseluruhan, keberkesanan langkah-langkah dasar dan struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai telah menyederhanakan kesan kelembapan yang dihadapi oleh industri berorientasikan eksport.

Oleh itu, kadar pengangguran dapat dikawal di bawah 4%. Pemberhentian pekerja berlaku cuma

Graf 1.3
Pertumbuhan KNK dan KNK per Kapita



Graf 1.5
Sumbangan Kepada Pertumbuhan KDNK Benar: Permintaan Dalam Negeri dan Eksport Bersih



Jadual 1.1: Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	1999	2000	2001*a*	2002*r*
Bilangan (juta orang)	22.7	23.3	23.8	24.3
Tenaga pekerja (juta orang)	9.2	9.6	9.9	10.2
Guna tenaga (juta orang)	8.9	9.3	9.5	9.8
Pengganguran (% daripada tenaga buruh)	3.4	3.1	3.7	3.6
KDNK per kapita (RM)	12,304	13,412	12,889	13,272
(AS$)	3,238	3,529	3,392	3,493
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar	6.1	8.3	0.4	3.5
(RM bilion)	193.3	209.4	210.2	217.5
Pertanian, perhutanan dan perikanan	0.4	0.6	2.5	1.0
Perlombongan dan kuari	–2.6	3.1	0.2	3.0
Perkilangan	13.5	21.0	-5.1	4.2
Pembinaan	-4.4	1.0	2.3	2.4
Perkhidmatan	4.8	4.8	4.9	3.8
KDNK nominal	4.3	11.7	-1.7	5.3
(RM bilion)	279.5	312.2	306.7	323.1
KDNK benar	4.0	5.9	1.1	3.1
(RM bilion)	179.7	190.3	192.4	198.3
Permintaan agregat dalam negeri benar[1]	2.0	14.5	2.3	2.8
Perbelanjaan swasta[1]	-3.8	16.0	-2.9	4.2
Penggunaan	3.3	12.2	2.8	5.0
Pelaburan	-21.8	28.7	-19.7	1.2
Perbelanjaan awam[1]	17.1	11.4	13.9	0.0
Penggunaan	18.5	1.7	11.9	4.1
Pelaburan	15.9	19.9	15.5	-3.0
Tabungan negara kasar (% daripada KNK)	41.1	39.5	34.9	33.8
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan dagangan	86.0	79.2	69.9	73.0
Ekport (f.o.b.)	319.6	374.0	334.3	349.1
Import (f.o.b.)	233.5	294.8	264.5	276.1
Imbangan perkhidmatan	-10.7	-11.2	-8.4	-11.6
(% daripada KNK)	-3.8	-3.6	-2.7	-3.6
Pendapatan	-20.9	-28.6	-25.9	-27.5
(% daripada KNK)	-7.5	-9.1	-8.5	-8.5
Pindahan semasa	-6.6	-7.5	-8.1	-8.4
Imbangan akaun semasa	47.9	32.0	27.4	25.5
(% daripada KNK)	17.1	10.2	8.9	7.9
Rizab Bank Negara Malaysia, bersih[2]	117.2	113.5	117.2	-
(bulan import tertangguh)	5.9	4.5	5.1	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2000=100)	2.8	1.6	1.4	1.8
IHPR(1989=100)	-3.3	3.1	-5.0	2.6
Upah purata di sektor perkilangan	3.0	5.0	1.5	-

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan.

[1] Tidak termasuk stok.

[2] Berikutan penetapan kadar pertukaran ringgit/dolar AS pada bulan September 1998, semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambilkira dalam akaun Bank pada tahun semasa. Rizab antarabangsa pada 31 Disember 1999 adalah bersamaan dengan AS$30.9 bilion.

a Awalan

r Ramalan

Jadual 1.2 - Penunjuk Monetari dan Kewangan

	1999	2000	2001*a*
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)			
Hasil	58.7	61.9	79.6
Perbelanjaan mengurus	46.7	56.5	63.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	21.5	25.0	34.2
Imbangan keseluruhan	-9.5	-19.7	-18.4
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-3.2	-5.8	-5.5
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor kerajaan	46.4	50.4	68.2
Imbangan keseluruhan sektor kerajaan (% daripada KDNK)	2.3	0.7	-4.9
HUTANG LUAR NEGARA			
Jumlah hutang (RM bilion)	161.1	157.7	169.8
Hutang jangka sederhana dan panjang	138.7	140.3	146.4
Hutang jangka pendek	22.4	17.5	23.3
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan & perkhidmatan)			
Jumlah hutang	6.1	5.3	6.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	5.7	4.9	5.8

	Perubahan 1999		Perubahan 2000		Perubahan 2001	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
WANG DAN PERBANKAN						
Bekalan wang M1	19.3	35.7	4.8	6.5	2.5	3.2
M2	40.7	13.7	17.6	5.2	7.8	2.2
M3	33.1	8.3	21.9	5.0	13.0	2.8
Deposit sistem perbankan	20.4	4.7	14.6	3.2	8.6	1.8
Pinjaman sistem perbankan	0.6	0.1	23.6	5.5	16.4	3.6
Perkilangan	0.4	0.6	2.2	3.3	...	0.1
Sektor harta benda	3.4	2.3	8.6	5.6	12.6	7.7
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-4.1	-10.7	0.4	1.3	0.9	2.7
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)	83.1%		84.3%		85.9%	

	1999 %	2000 %	2001 %
Kadar faedah (purata pada akhir tahun)			
Antara bank 3 bulan	3.18	3.25	3.27
Bank perdagangan			
Deposit tetap:3 bulan	3.33	3.48	3.21
12 bulan	3.95	4.24	4.00
Deposit tabungan	2.76	2.72	2.28
Kadar berian pinjaman asas (BLR)	6.79	6.78	6.39
Syarikat kewangan			
Deposit tetap: 3 bulan	3.49	3.52	3.22
12 bulan	4.13	4.27	4.01
Deposit tabungan	3.50	3.44	2.94
Kadar berian pinjaman asas (BLR)	7.95	7.95	7.45
Bil Perbendaharaan (3 bulan)	2.71	2.98	2.73
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	3.37	3.36	2.93
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	5.21	4.80	3.18

	1999 %	2000 %	2001 %
Perkembangan ringgit (pada akhir tahun)			
Perubahan berbanding komposit	-1.3	3.2	3.5
Perubahan berbanding SDR	2.7	5.2	3.8
Perubahan berbanding AS$[1]	0.0	0.0	0.0

[1] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=AS$1 pada 2 September 1998

a Awalan

dalam industri yang terjejas akibat kelembapan pasaran elektronik global. Langkah-langkah fleksibil yang dilaksanakan dalam pasaran pekerja turut mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan. Bilangan pekerja yang bersetuju menerima potongan gaji dan bekerja kurang masa meningkat pada tahun 2001 sementara syarikat-syarikat menyusun semula operasi untuk mengekalkan margin. Fleksibiliti dalam pasaran pekerja ini kekal sebagai satu asas yang kukuh bagi ekonomi Malaysia. Fleksibiliti ini membolehkan penyesuaian dibuat terhadap perkembangan negatif dari luar negara.

Tekanan inflasi kekal rendah di mana harga barangan, seperti dicatat oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat dengan sederhana sebanyak 1.4% (tahun 2000: 1.6%). Keadaan inflasi yang sederhana ini adalah disebabkan terutamanya oleh keadaan lebihan kapasiti dalam beberapa sektor dalam ekonomi, peningkatan yang sederhana dalam ringgit berbanding mata wang selain dolar AS, dan inflasi diimport yang lebih rendah. Keadaan inflasi yang lebih rendah ini juga selari dengan jurang keluaran yang melebar, dianggarkan pada kadar 5.6% daripada paras keluaran potensi (butiran terperinci mengenai anggaran keluaran potensi dikemukakan dalam rencana khas).

Kedudukan sektor luar negara kekal kukuh pada tahun 2001. Kelembapan ekonomi global telah menjejaskan prestasi eksport, tetapi import barangan dan perkhidmatan bagi pengeluaran eksport juga turut berkurangan. Dengan itu, akaun semasa mencatat lebihan sebanyak 8.9% daripada KNK. Dalam akaun kewangan, aliran dana secara relatifnya adalah stabil. Aliran dana jangka panjang terus merangkum sebahagian besar akaun kewangan. Pelaburan langsung asing yang disalurkan ke sektor perkhidmatan semakin meningkat. Aliran masuk ini adalah lebih kecil dari segi purata saiz dolar dan mempunyai kandungan import yang rendah, tetapi telah membawa bersama teknologi dan kemahiran lain yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti negara. Pelaburan oleh syarikat Malaysia di luar negara adalah kecil oleh kerana syarikat Malaysia yang terjejas akibat daripada kelembapan ekonomi global membawa pulang perolehan yang diterima daripada penjualan perniagaan luar negara mereka pada separuh kedua tahun ini.

Lebihan dagangan dan aliran masuk modal jangka panjang yang berterusan telah meningkatkan rizab antarabangsa. Paras rizab naik turun pada awal tahun 2001 berikutan keadaan kemudahubahan dalam pasaran pertukaran asing. Rizab yang menurun pada awal tahun 2001, bertukar arah untuk meningkat dari akhir bulan Jun, berikutan asas ekonomi yang bertambah kukuh dan kadar faedah yang rendah di luar negara. Pada akhir tahun 2001, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) meningkat kepada RM117.2 bilion atau AS$30.8 bilion (iaitu AS$4.9 bilion lebih tinggi daripada paras terendah pada tahun 2001). Rizab meningkat lagi kepada RM119.6 bilion atau AS$31.5 bilion pada 28 Februari 2002. Paras ini adalah cukup untuk membiayai 5.2 bulan import tertangguh dan sebanyak 5.1 kali hutang luar negara jangka pendek.

Walaupun hutang luar negara meningkat pada tahun 2001, jumlah yang belum dijelaskan kekal rendah, iaitu sebanyak 55.4% daripada KNK (paras tertinggi sebelum krisis Asia adalah 64%). Nisbah keseluruhan khidmat hutang kekal rendah pada 6.2%, walaupun nilai eksport berkurangan. Profil hutang kekal kukuh dengan hutang jangka pendek mencakup hanya 13.7% daripada jumlah hutang.

Sistem perbankan kekal kukuh walaupun keadaan ekonomi tidak menggalakkan. Pada tahun 2001, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) kekal melebihi kadar 12% pada sepanjang tahun, sementara peningkatan nilai pinjaman tidak berbayar (NPL) pada tahun ini dikawal pada tahap yang boleh diurus. Kenaikan nilai NPL bagi institusi perbankan pada separuh kedua tahun ini adalah seperti jangkaan. Pada akhir tahun 2001, nisbah bersih NPL mengikut asas 6 bulan adalah pada kadar 8.1% (11.5% pada asas 3 bulan). Langkah-langkah yang telah diambil sejak kebelakangan ini untuk mempercepatkan penstrukturan semula korporat telah memperbaiki kedudukan kewangan sektor korporat, dan seterusnya telah menyumbang kepada pengukuhan sistem perbankan. Penyelesaian skim penstrukturan hutang bagi syarikat dalam sektor pengangkutan pada suku keempat tahun 2001 telah mengurangkan nilai NPL sebanyak 0.7 mata peratusan. Pada akhir tahun 2001, nisbah modal berwajaran risiko bagi bank-bank berada pada kadar 12.8%, iaitu lebih tinggi daripada keperluan sebanyak 8% seperti yang direncanakan dalam Basel Capital Accord. Kedudukan modal akan bertambah kukuh berikutan keuntungan yang kukuh sebanyak RM7.4 billion yang dicatat pada tahun ini.

Dengan pengukuhan dalam ekonomi, Danamodal, syarikat tujuan khas yang ditubuhkan pada tahun 1998 untuk memodalkan semula institusi perbankan

Potensi Pengeluaran Ekonomi Malaysia

Unjuran terbaru BNM bagi potensi pengeluaran menunjukkan jurang pengeluaran telah meningkat pada tahun 2001 disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran benar yang perlahan sebanyak 0.4% berbanding dengan peningkatan potensi pengeluaran sebanyak 3.3%. Justeru, jurang pengeluaran telah mengembang kepada 5.6% daripada potensi pengeluaran pada tahun 2001 (tahap tertinggi: 12.3% daripada potensi pengeluaran pada suku tahunan ketiga dan keempat tahun 1998).

Seperti yang ditunjukkan pada unjuran terdahulu, potensi pengeluaran telah meningkat pada kadar yang sederhana sejak 1999. Seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.3, potensi pengeluaran meningkat


Jadual 1.3
Keluaran Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK benar	Keluaran potensi	Pelaburan	Buruh	Jurang pengeluaran
	Pertumbuhan tahunan dalam %				(% drpd potensi pengeluaran)
1992-1997	9.2	8.2	14.1	3.9	-1.3
1998	–7.4	3.2	–43.0	–2.1	–10.9
1999	6.1	1.3	–5.9	3.7	–6.8
2000	8.3	4.0	24.1	4.3	–2.8
2001	0.4	3.3	–2.1	2.4	-5.6

sebanyak 2.8% pada tempoh 1999-2001, berbanding dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.9% yang dicatatkan pada jangkamasa yang sama. Pada tahun 2001, penyederhanaan pertumbuhan potensi pengeluaran kepada 3.3% adalah disebabkan oleh kemerosotan pelaburan (-2.1%) dan pertumbuhan tenaga buruh yang lebih perlahan (2.4%).

Selaras dengan unjuran terdahulu, keanjalan jangka pendek buruh mengatasi keanjalan jangka pendek modal, membayangkan perubahan dalam guna tenaga membawa kesan yang lebih besar ke atas pengeluaran. Firma-firma mencapai tahap pengeluaran yang lebih tinggi dalam jangka pendek dengan mengupah lebih banyak pekerja tanpa menambah pelaburan modal. Keanjalan modal yang rendah dalam jangka masa pendek adalah disebabkan oleh pelaburan besar dalam projek infrastruktur yang mempunyai tempoh penyiapan yang panjang sebelum memberikan pulangan hasil.

Graf 1.6
Keluaran Benar dan Keluaran Potensi



Walau bagaimanapun, keanjalan model jangka masa panjang (0.5) adalah lebih tinggi berbanding dengan 0.4 dalam unjuran terdahulu, menunjukkan pulangan kepada modal adalah lebih tinggi pada tahun 2001. In mungkin disebabkan oleh peningkatan penggunaan stok modal yang dilaburkan terdahulu, dengan pelaburan dalam infrastruktur pada tempoh 1990an mula menyumbang kepada pengeluaran yang lebih tinggi.

yang berdaya maju, menerima pembayaran balik sebanyak RM2.3 bilion pada tahun 2001 daripada jumlah belum dijelaskan sebanyak RM4.4 bilion pada akhir tahun 2000. Oleh itu, jumlah pelaburan tertunggak dalam tiga institusi perbankan yang telah dipermodalkan semula ialah sebanyak RM2.1 bilion. Semenjak penubuhannya, Danamodal telah menyuntik sejumlah RM7.1 bilion ke dalam sepuluh institusi perbankan.

Dengan peningkatan dalam NPL kekal pada paras yang boleh diurus, Danaharta, syarikat pengurusan aset yang ditubuhkan pada tahun 1998 untuk mengambil alih NPL daripada institusi perbankan, telah menukar fokusnya kepada pengurusan dan pemulihan aset pada tahun 2001. Pada akhir tahun 2001, jumlah terkumpul NPL yang telah distrukturkan semula atau yang telah diluluskan untuk distrukturkan semula berjumlah RM47.7 bilion atau 99.9% daripada jumlah NPL dalam portfolio Danaharta. Danaharta menjangkakan purata kadar pemulihan sebanyak 56%, dengan andaian kadar pemulihan sifar ke atas kes yang mungkir.

Penstrukturan semula sektor korporat yang berasaskan pasaran bertambah rancak pada tahun ini, beralih daripada penstrukturan semula kewangan kepada penstrukturan semula operasi. Secara amnya, penstrukturan semula korporat menyumbang kepada kedudukan kewangan korporat yang lebih baik dan daya saing yang menyeluruh bagi ekonomi. Pada tahun ini, perubahan institusi yang besar telah dilaksanakan. Perubahan institusi termasuk pertukaran menyeluruh garis panduan CDRC untuk mempercepatkan kerja-kerja penstrukturan semula syarikat-syarikat di bawah bidang kawalannya. Perubahan garis panduan CDRC juga termasuk memperbaiki rangka kerja dan pendekatan bagi mempercepatkan usaha-usaha penstrukturan semula, penetapan tempoh bagi penstrukturan semula dan pendedahan dan laporan yang lebih komprehensif. Dengan inisiatif baru ini, penstrukturan semula beberapa kes yang besar dan sukar telah disempurnakan. CDRC bercadang untuk menyelesaikan penstrukturan semula hutang tertangguh pada bulan Julai 2002. Pada peringkat korporat, penstrukturan semula hutang juga dilaksanakan berserta penstrukturan semula operasi dengan menjual aset yang tidak penting. Pengurusan yang profesional telah dilaksanakan oleh pemegang-pemegang saham. Pemisahan pemilikan dan pengurusan dijangka boleh memperbaiki proses urus tadbir korporat.

Pengurusan Makroekonomi

Pada tahun 2001, dasar makroekonomi telah memberi tumpuan kepada menguruskan risiko yang meningkat disebabkan oleh kelembapan yang dialami oleh negara-negara perindustrian. Dasar-dasar ekonomi telah disasar untuk menghasilkan suasana di mana permintaan dalam negeri boleh membantu pertumbuhan. Memandangkan ketidakpastian mengenai tahap kelembapan pada tahun 2001, dasar-dasar ekonomi perlulah mengatasi risiko kitaran jangka pendek yang muncul di sepanjang tahun dengan tujuan untuk meminimumkan kesan negatif ke atas ekonomi Malaysia.

Penilaian awal ialah pertumbuhan KDNK Malaysia menunjukkan arah aliran yang menyederhana pada dua suku pertama tahun 2001, dengan pemulihan pada separuh kedua tahun ini. Walau bagaimanapun, apabila keadaan kemerosotan ekonomi global menjadi semakin ketara, dasar-dasar pengembangan perlu dilaksanakan. Asas ekonomi yang kukuh telah membolehkan Malaysia melaksanakan dasar pro pertumbuhan tambahan sebagai tindak balas kepada kejutan luaran tanpa mengakibatkan ketidakseimbangan dalam ekonomi.

Memandangkan prospek dorongan dari sektor luaran adalah tidak jelas pada tahun 2001, keseluruhan defisit belanjawan untuk tahun 2001 yang diumumkan pada bulan Oktober 2000, telah dijangka akan kekal tinggi, pada RM16.5 bilion atau –4.7% daripada KDNK. Adalah dijangkakan bahawa konsolidasi awal kedudukan fiskal tatkala menghadapi keadaan luaran yang mencabar akan mengakibatkan kesan yang buruk ke atas ekonomi. Akibatnya apabila risiko ke bawah yang dihadapi ekonomi dunia meningkat pada awal tahun 2001, Kerajaan mengumumkan pakej rangsangan fiskal

sebanyak RM3 bilion pada 27 Mac. Berikutan meningkatnya keadaan ketidaktentuan selepas peristiwa 11 September, pakej rangsangan tambahan sebanyak RM4.3 bilion telah diumumkan pada 25 September.

Dalam Belanjawan Tahun 2002 yang diumumkan pada bulan Oktober 2001, keseluruhan defisit Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM22.4 bilion atau –6.5% daripada KDNK, iaitu peningkatan sebanyak RM5.9 bilion daripada peruntukan asal yang diumumkan setahun sebelumnya. Rangsangan tambahan ini adalah bersamaan dengan 2.2% daripada KDNK. Untuk memastikan pencapaian yang maksimum daripada peningkatan perbelanjaan, usaha telah dipergiatkan untuk memperbaiki pelaksanaan dasar, terutamanya untuk mengurangkan projek yang tertunda dan meningkatkan kecekapan untuk membuat pembayaran.

Belanjawan Tahun 2001 dan dua pakej fiskal rangsangan tambahan yang diumumkan pada bulan Mac dan selepas 11 September tidak hanya mengandungi peningkatan dalam kedua-dua penggunaan dan perbelanjaan awam, tetapi juga insentif-insentif cukai untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan mengurangkan kos perniagaan. Langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah termasuklah rebat cukai yang lebih tinggi, elaun kakitangan awam dalam kategori tertentu yang lebih tinggi dan penurunan sementara kadar sumbangan pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kesan daripada pengumuman langkah-langkah baru untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dalam Belanjawan Tahun 2002 juga telah membantu meningkatkan penggunaan swasta. Langkah-langkah ini termasuklah penurunan cukai pendapatan persendirian di antara 1-2 mata peratusan dan kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10%, berkuat kuasa 1 Januari 2002.

Keadaan monetari pada tahun 2001 juga menyokong peningkatan dalam aktiviti-aktiviti sektor swasta. Kadar faedah sudah berada pada paras yang terendah dalam sejarah pada akhir tahun 2000 dengan pengurangan kadar faedah yang agresif sebanyak 550 mata asas yang dilaksanakan di antara tahun 1998 hingga tahun 1999. Sehingga bulan September 2001, dasar kadar faedah kekal tidak berubah memandangkan pengurangan sebelum ini telah berjaya menggalakkan pemberian pinjaman bank. Berikutan peristiwa 11 September, BNM mengurangkan Kadar Campurtangannya pada 20 September sebanyak 50 mata asas kepada 5%. Ini adalah sebagai langkah awalan untuk menangani risiko yang boleh memburukkan lagi keadaan. Kesannya, purata kadar berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan jatuh lagi, masing-masing kepada 6.39% dan 7.45% (masing-masing sebanyak 6.78% dan 7.95% pada akhir tahun 2000).

Kadar faedah yang rendah dan inisiatif untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan telah mengakibatkan pinjaman belum dijelaskan bagi sistem perbankan meningkat sebanyak 3.6%. Berserta hutang sekuriti swasta (PDS) yang diterbitkan oleh sektor swasta telah mengakibatkan jumlah pembiayaan berkembang sebanyak 6%. Usaha-usaha memastikan bahawa sektor terpilih, terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS), mempunyai peluang mendapatkan pembiayaan, terus dipertingkatkan. Saiz dan skop beberapa tabung khas yang terpilih juga dikembangkan dan kadar pinjaman juga direndahkan. Hasilnya, pinjaman yang diberikan kepada IKS oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 3.1% pada tahun 2001.

Dalam melaksanakan dasar pengurusan permintaan yang mengembang pada tahun 2001, perhatian telah diberi supaya langkah-langkah fiskal dan monetari yang dilaksanakan tidak menimbulkan ketidakseimbangan yang akan menjejaskan potensi pertumbuhan jangka panjang, kestabilan harga serta kedudukan imbangan pembayaran yang kukuh. Khususnya, meningkatkan aliran masuk pelaburan langsung asing masih penting. Insentif-insentif yang ditawarkan telah memastikan aliran masuk pelaburan asing langsung adalah lebih pelbagai, iaitu dari segi lokasi serta sektor. Walaupun terdapat usaha untuk menarik pelaburan dalam bidang baru, adalah penting untuk memastikan keadaan yang lebih baik bagi pelabur-pelabur yang sedia ada untuk mengembangkan operasi mereka di Malaysia.

Dasar yang membenarkan 100% pemilikan asing bagi industri yang terpilih, tidak mengira nilai eksport, telah dilanjutkan ke tahun 2003. Sebagai langkah mempercepatkan pembangunan Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan yang telah diberikan dan yang akan tamat pada tarikh 31 Disember 2000 telah dilanjutkan selama lima tahun lagi. Berkuat kuasa 25 April 2001, garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing mengenai pemilikan harta tanah telah dilonggarkan.

Struktur insentif bagi pelabur domestik dan asing, telah dirancang bagi menarik pelaburan berkualiti untuk menggalakkan pemindahan teknologi, dan bukan sekadar untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran. Satu perubahan penting bagi skim insentif Belanjawan Tahun 2002 ialah untuk melanjutkan tempoh elaun pelaburan semula kekal dikuatkuasakan. Syarikat-syarikat perkilangan dan pengeluar barang makanan sekarang diberikan elaun tersebut bagi tempoh 15 tahun berturut-turut berkuat kuasa dari tahun pertama pelaburan dibuat dan tidak lagi bagi tempoh 5 tahun seperti yang dibenarkan sebelum ini.

Secara keseluruhannya, asas makroekonomi yang bertambah baik telah mengurangkan risiko bahawa tekanan inflasi akan muncul pada jangka masa sederhana atau ketidakseimbangan yang nyata dalam kadar pertukaran akan berlaku. Walaupun Malaysia telah melaksanakan dasar fiskal yang mengembang bagi tempoh empat tahun berturut-turut, hutang Kerajaan Persekutuan dikekang pada kadar 43.8% daripada KDNK. Kadar tabungan domestik yang tinggi memberi fleksibiliti untuk membiayai defisit dengan menggunakan terutamanya sumber pembiayaan domestik yang tidak menimbulkan tekanan inflasi. Keadaan mudah tunai yang lega dalam sistem kewangan, disokong oleh lebihan yang kukuh dalam imbangan pembayaran, telah membolehkan defisit tersebut dibiayai melalui sumber pembiayaan domestik tanpa meminggirkan sektor swasta.

Keadaan sebenar kedudukan kewangan Kerajaan adalah lebih baik daripada yang dijangkakan. Kedudukan keseluruhan Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit keseluruhan yang lebih rendah berjumlah RM18.4 bilion atau pada kadar -5.5% daripada KDNK. Oleh kerana kurangan bagi perbelanjaan pengurusan dan pembangunan masing-masing adalah rendah iaitu di bawah 5%, perkembangan ini adalah disebabkan terutamanya oleh hasil pendapatan yang lebih baik daripada yang dijangkakan, sebahagian besarnya daripada perolehan cukai pendapatan yang lebih tinggi.

Teras dasar yang diperkenalkan pada tahun 2001 ialah untuk menangani isu-isu struktur jangka lebih panjang bagi meningkatkan kapasiti domestik, pembangunan institusi dan peningkatan kemahiran. Kerajaan melancarkan Pelan Jangka Panjang Perspektif Ketiga (OPP3) pada bulan April 2001, yang telah mendokumenkan rangka kerja dan strategi pembangunan ekonomi bagi tempoh sepuluh tahun, bagi tempoh 2001-2010. Pada masa yang sama, Kerajaan telah melancarkan Rancangan Malaysia Kelapan, bagi tempoh 2001-2005, yang mana telah merangka fasa pertama pelaksanaan OPP3 tersebut. Dalam rangka kerja baru untuk ekonomi tersebut, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti masing-masing telah mengambil langkah-langkah untuk membangunkan strategi jangka lebih panjang pembangunan sektor kewangan dan pasaran saham.

Objektif utama OPP3 tersebut ialah untuk membina negara yang berdaya tahan dan berdaya saing bagi meningkatkan keupayaan Malaysia untuk menghadapi cabaran globalisasi yang pesat dan kemajuan dalam bidang teknologi informasi dan komunikasi. Pelan tersebut juga mengambil kira keperluan untuk mengukuhkan kebangkitan ekonomi, kewangan dan sosial Malaysia bagi menghadapi kejutan luaran. Khususnya, OPP3 bertujuan:

- Membangunkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan yang mana ilmu pengetahuan, kemahiran dan pembaharuan akan meningkatkan pertumbuhan produktiviti dalam semua sektor;
- Menjana sumber pertumbuhan domestik dengan mengukuhkan pelaburan domestik dalam sektor pertumbuhan baru, manakala terus menarik pelaburan asing langsung bagi sektor strategik; dan
- Mengorientasikan semula strategi untuk pembangunan sumber manusia untuk menyokong ekonomi berasaskan pengetahuan.

Untuk memajukan dasar bagi meningkatkan aspek pengetahuan ekonomi negara, satu pelan induk bagi peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan telah disiapkan pada tahun 2001.

Dengan itu, Belanjawan Tahun 2001 dan Tahun 2002 memberikan penekanan kepada pembangunan sumber manusia. Perbelanjaan pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran mencakupi sebanyak 23% daripada Belanjawan dan 6.1% daripada KDNK. Usaha telah dimulakan bagi menggalakkan kebolehan menggunakan komputer di antara pelajar dan pekerja untuk memperbaiki cara-cara mengajar dan belajar. Kurikulum yang digunakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi sedang dikaji untuk memastikan ianya menepati keperluan ekonomi yang sentiasa berubah. Had potongan cukai bagi pembayaran bonus yang sebelum ini ditetapkan pada tahap dua bulan telah dimansuhkan untuk memberi majikan kebebasan untuk menawarkan pampasan yang selaras dengan produktiviti pekerja. Sementara tumpuan diberikan untuk meningkatkan pembangunan kemahiran melalui

latihan, latihan semula dan skim perintis, usaha-usaha untuk mengumpulkan pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi dari Malaysia dan luar negara telah juga dipertingkatkan. Belanjawan Tahun 2001 telah menyediakan insentif untuk menarik minat rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi yang bekerja di luar negara untuk pulang ke Malaysia.

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), yang dilancarkan pada bulan Mac 2001 menggariskan strategi jangka sederhana dan panjang untuk pembangunan sektor kewangan. Objektif PISK ialah untuk membangunkan sistem kewangan yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik, berdasarkan amalan terbaik antarabangsa. Ini akan menyediakan suasana yang menyokong perkembangan ekonomi jangka panjang. Fasa satu PISK tersebut, yang bermula pada tahun 2001 dan merangkumi tempoh tiga tahun, bertumpu kepada meningkatkan kapasiti dan keupayaan ekonomi. Di dalam fasa kedua, persaingan domestik akan diperhebatkan dan di dalam fasa ketiga, kepantasan penyepaduan dengan pasaran antarabangsa akan dipertingkatkan.

Sekretariat PISK dan jawatankuasa pemandu PISK telah ditubuhkan di BNM, yang bertanggungjawab bagi merumuskan mekanisme untuk melaksanakan syor-syor PISK dengan berkesan. Pada akhir tahun 2001, daripada 119 cadangan, sembilan syor telah dilaksanakan keseluruhannya dan 22 syor telah dilaksanakan atas dasar sedang diusahakan.

Pelan Induk Pasaran Modal telah dilancarkan pada bulan Februari 2001 bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan strategik dan melakarkan arah masa hadapan pasaran modal Malaysia. Daripada 152 syor yang dicadangkan di dalam pelan induk tersebut, 14 syor telah dilaksanakan keseluruhannya, 24 lagi telah dilaksanakan sebahagiannya manakala 48 lagi sedang diusahakan. Kemajuan telah dicapai dalam bidang konsolidasi industri broker saham dan bursa saham, peraturan berdasarkan penzahiran dan pembangunan pasaran bon korporat.

Secara keseluruhannya, Malaysia mengakhiri tahun 2001 dalam keadaan yang lebih kukuh dengan tanda-tanda kestabilan dalam ekonomi disokong oleh pemulihan secara beransur-ansur dalam permintaan eksport, asas ekonomi yang semakin kukuh dan kemajuan ketara yang dicapai dalam menangani isu struktur jangka panjang. Indeks penunjuk pelopor yang memberikan tanda-tanda awal ekonomi, telah meningkat bagi tempoh lima bulan berturut-turut semenjak bulan Julai 2001, menyokong prospek pemulihan ekonomi bagi tahun 2002.

KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor Perkilangan

Prestasi keseluruhan keluaran sektor perkilangan telah terjejas akibat kelembapan di negara-negara perindustrian utama dan juga kemerosotan kitaran elektronik dunia. Sementara pengeluaran industri berorientasikan eksport merosot, industri yang bergantung kepada permintaan dalam negeri terus berkembang, hasil daripada kesan-kesan positif program rangsangan fiskal dan kadar faedah yang rendah. Permintaan dalam negeri untuk kenderaan penumpang dan barangan berkaitan pembinaan kekal kukuh sepanjang tahun. Kesannya, penggunaan kapasiti dalam industri berorientasikan pasaran tempatan kekal tinggi iaitu menghampiri 80%. Kekukuhan dalam sektor berorientasikan pasaran tempatan sebahagiannya telah mengimbangi penguncupan yang lebih teruk dalam aktiviti perkilangan yang berorientasikan eksport.

Pengeluaran industri berorientasikan eksport, yang lebih berdaya tahan pada suku pertama tahun 2001, lebih teruk terjejas oleh kelembapan permintaan luar negara yang ketara pada suku-suku berikutnya. Walau bagaimanapun, dengan munculnya tanda-tanda persekitaran luar negara yang bertambah baik menjelang penghujung tahun, kemerosotan aktiviti perkilangan telah

Jadual 1.4
Sektor Perkilangan: Nilai Ditambah dan Pengeluaran

	2000	2001
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (Harga malar)	**21.0**	**-5.1**
Pengeluaran keseluruhan	**25.0**	**-6.4**
Industri berorientasikan eksport	**25.7**	**-10.2**
di antaranya:		
Elektronik	44.8	-20.1
Barangan elektrik	28.7	-1.9
Bahan kimia dan keluaran kimia	15.1	-7.6
Kayu dan keluaran kayu	4.0	1.3
Tekstil dan pakaian	8.7	-8.5
Keluaran getah	4.0	3.3
Pemprosesan di luar estet	11.7	7.7
Industri berorientasikan pasaran tempatan	**22.1**	**7.4**
di antaranya:		
Kelengkapan pengangkutan	19.1	20.6
Keluaran petroleum	19.9	19.3
Barangan berkaitan pembinaan	18.6	5.0
Keluaran logam yang direka	33.8	4.0
Keluaran makanan	16.2	4.4


menyederhana pada suku keempat tahun 2001, dengan kedua-dua eksport dan pengeluaran barangan perkilangan mencatatkan kemerosotan yang lebih kecil. Berikutan perkembangan ini, kemerosotan dalam keseluruhan pengeluaran dan nilai ditambah perkilangan bagi 2001 telah dibendung pada kadar satu angka iaitu masing-masing sebanyak 6.4% dan 5.1% (2000: masing-masing sebanyak +25% dan +21%).

Walaupun beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang lebih lembap pada tahun ini, sesetengah pengeluar telah mengambil peluang untuk konsolidasi dan memperkemas operasi mereka bagi meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik dalam pasaran dunia yang semakin berdaya saing. Ini adalah jelas dengan penempatan semula industri-industri berintensifkan buruh dan operasi bernilai rendah dari Malaysia ke negara-negara pengeluar yang berkos lebih rendah seperti Negeri Thai. Pada masa yang sama, terdapat juga pemindahan operasi-operasi bernilai tinggi ke Malaysia untuk mengambil peluang daripada kemudahan perkilangan yang maju, struktur insentif yang berdaya saing dan juga tenaga kerja yang terlatih dan fasih dalam Bahasa Inggeris.


Selain daripada itu, terdapat peningkatan dalam usaha pengeksport untuk meneroka peluang eksport di pasaran-pasaran tertentu. Pada tahun ini, eksport barangan perkilangan Malaysia ke Timur Tengah meningkat sebanyak 20.4%, dengan bahagian daripada jumlah eksport perkilangan meningkat kepada 2.4% daripada 1.8% pada 2000. Barangan utama yang dieksport termasuk elektronik, barangan elektrik, keluaran kayu dan perabot, keluaran makanan dan keluaran kimia. Pada masa yang sama, eksport perkilangan Malaysia ke China juga berada pada arah aliran yang meningkat, berkembang dengan nyata sebanyak 41.2% untuk mencakup bahagian yang lebih besar daripada jumlah eksport perkilangan iaitu sebanyak 3.9% pada tahun 2001 (2000: 2.5%). Di antara barangan perkilangan yang dieksport ke China, barangan elektronik dan elektrik mencakup bahagian yang terbesar, diikuti dengan keluaran kimia, keluaran kayu dan keluaran logam.

Industri elektronik adalah yang paling terjejas akibat kelembapan dalam permintaan dunia pada tahun 2001. Pada tahun ini, kebanyakan pengeluar elektronik menghabiskan inventori yang dikumpul setahun ekoran pengembangan kapasiti yang kukuh pada tahun 2001. Apabila kelembapan dalam sektor IT global menjadi lebih ketara sejak suku kedua 2001, pengeluar elektronik telah mengambil langkah untuk merasionalkan operasi. Ini termasuklah pemotongan gaji dan waktu bekerja yang lebih pendek untuk memperbaiki keberkesanan kos dan juga melatih semula pekerja bagi berpindah ke operasi bernilai tinggi. Satu perkembangan yang menggalakkan pada separuh tahun kedua ialah peningkatan dalam permintaan daripada pasaran-pasaran tertentu untuk barangan seperti pemacu cakera untuk sistem permainan video dan perakam video peribadi yang menyokong operasi pengeluar-pengeluar pemacu cakera yang berpusat di Malaysia.


Graf 1.7
Pengeluaran Perkilangan dan Eksport



Graf 1.8
Utilisasi Kapasiti di Sektor Perkilangan




Graf 1.9
Utilisasi Kapasiti Industri Berorientasikan Eksport



a Awalan

Graf 1.10
Utilisasi Kapasiti Industri Berorientasikan Pasaran Tempatan




a Awalan

Keteguhan sektor yang berorientasikan pasaran domestik mengurangkan kesan penguncupan industri berasaskan eksport. Pertumbuhan paling nyata dicatat oleh industri berkaitan dengan pengangkutan.

Pengeluaran **industri barangan elektrik** adalah lebih berdaya tahan pada separuh tahun pertama 2001 dan hanya mula menyederhana pada separuh tahun kedua, disebabkan permintaan luar negeri bagi barangan audio-visual dan produk komunikasi

Graf 1.11
Pengeluaran dan Eksport Industri Elektronik



merosot. Eksport ke pasaran-pasaran utama, terutamanya AS, Jepun, Singapura, Hong Kong SAR dan Eropah merosot, disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi barangan tahan lama pengguna, seperti pemain cakera digital video (DVD), pemain cakera padat video (VCD) dan TV berpermukaan rata. Walau bagaimanapun, eksport ke beberapa negara di rantau ini seperti China, Negeri Thai, Indonesia dan Timur Tengah kekal mapan.

Prestasi **industri tekstil dan pakaian** telah terjejas teruk akibat keadaan permintaan luar negara yang lemah. Pada tahun ini, kedua-dua pengeluaran dan eksport tekstil dan pakaian merosot disebabkan oleh permintaan yang rendah dari pembeli-pembeli utama, iaitu AS, Hong Kong SAR, Singapura dan Eropah.

Hampir 50% daripada output **industri keluaran kimia** adalah berkaitan dengan pengeluaran elektronik dan barangan elektrik. Akibatnya, permintaan yang lebih rendah bagi resin dan barangan plastik serta penggunaan gas industri dalam industri elektronik dan barangan elektrik yang lebih rendah telah menjejaskan pengeluaran keluaran kimia. Pada masa yang sama, permintaan luar negera yang lebih perlahan untuk resin, barang dandanan

diri dan produk farmaseutikal juga menyumbang kepada kemerosotan dalam output industri ini. Sementara pengeluaran keluaran kimia yang lebih berorientasikan eksport merosot, barangan yang mempunyai kaitan yang lebih rapat dengan aktiviti berorientasikan domestik terus mengalami pertumbuhan output. Barangan ini termasuklah cat, varnis dan lakeur yang digunakan dalam pengeluaran kenderaan dan aktiviti pembinaan.


Pada tahun ini, **keluaran yang diproses di luar estet** telah meningkat, seiring dengan permintaan yang mapan dan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi. **Industri keluaran getah** memperoleh manfaat daripada permintaan luar negara yang lebih tinggi bagi sarung tangan, terutamanya dari AS, berikutan ancaman ketakutan *anthrax*. Walaupun pengeluaran meningkat, hasil kutipan eksport bagi keluaran getah terus merosot pada tahun ini, disebabkan oleh harga eksport sarung tangan yang kekal rendah ekoran persaingan yang sengit terutamanya dari Thailand. Sarung tangan mencakup lebih kurang tiga perempat daripada jumlah pengeluaran dan eksport keluaran getah. Pengeluaran tayar dan tiub juga telah terjejas akibat persaingan daripada import yang lebih murah dari Thailand dan Indonesia dan juga tayar yang lebih berkualiti dari Jepun.

Pengeluaran **keluaran kayu** juga mapan pada tahun 2001, mencerminkan terutamanya aktiviti mengilang papan yang giat pada awal tahun ini. Pengeluaran merosot menjelang pertengahan tahun apabila permintaan luar negara semakin bertambah buruk. Seperti industri keluaran getah, jumlah keluaran kayu yang meningkat tidak menghasilkan kutipan eksport yang lebih banyak, kerana harga papan lapis dan kayu digergaji kekal rendah di pasaran dunia dalam suasana permintaan yang lembap dari Jepun dan AS. Begitu juga permintaan luar negara yang lemah turut menyebabkan kemerosotan dalam eksport perabot dan bahagiannya pada 2001.


Disokong oleh permintaan dalam negeri yang kekal kukuh, kebanyakan daripada industri yang mengeluar untuk pasaran tempatan terus mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2001. Khususnya, keluaran industri kelengkapan pengangkutan dan keluaran petroleum terus mencatatkan pertumbuhan dua angka. Pengeluaran **kelengkapan pengangkutan**, termasuk kenderaan penumpang dan juga bahagian dan aksesori kenderaan bermotor berkembang sebanyak 20.6% tahun ini. Permintaan yang lebih tinggi ini dirangsang oleh langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan keadaan pembiayaan yang memuaskan. Prestasi pengeluaran industri kelengkapan pengangkutan yang kukuh ini telah memberi kesan yang baik kepada permintaan tempatan terhadap **keluaran petroleum**. Pendapatan eksport keluaran petroleum terus meningkat lagi walaupun pada kadar yang lebih perlahan, mencerminkan terutamanya harga minyak mentah yang lebih rendah menjelang pertengahan tahun.

Kesan positif program rangsangan fiskal telah dicerminkan oleh pertumbuhan pengeluaran **barangan berkaitan pembinaan** yang berterusan

Graf 1.12
Prestasi Pengeluaran Industri-industri Berorientasikan Eksport Terpilih



Graf 1.13
Prestasi Industri-industri Berorientasikan Pasaran Tempatan Terpilih



bagi memenuhi permintaan daripada sektor pembinaan. Pengeluaran keluaran besi dan keluli dan juga keluaran galian bukan logam, termasuk keluaran simen dan konkrit, jubin dan keluaran seramik terus berkembang sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, eksport keluaran galian bukan logam merosot, mencerminkan sebahagian besarnya, persaingan harga yang sengit (terutamanya dari Indonesia) bagi keluaran jubin dan seramik dan juga keluaran rangka tanah liat di pasaran antarabangsa. Barangan ini mencakup lebih kurang 28% daripada jumlah eksport industri keluaran galian bukan logam.

Pengeluaran kesemua sub sektor **industri keluaran logam yang direka** meningkat, kecuali keluaran untuk sub sektor tembaga dan aluminium yang terjejas akibat permintaan yang rendah daripada industri elektronik. Sementara itu, pengeluaran sub sektor seperti keluaran logam berstruktur dan yang direka , keluaran wayar dan tin aluminium adalah mapan dengan aktiviti yang berterusan dalam sektor pembinaan dan juga industri minuman.

Pengeluaran **industri kertas dan keluaran kertas** berkembang dengan perlahan, akibat kemerosotan dalam pengeluaran kontena, kotak kertas dan papan kertas, kerana aktiviti pembungkusan terutamanya dalam industri-industri berorientasikan eksport menurun. Disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kekal kukuh, **keluaran industri makanan, minuman dan tembakau** terus mengekalkan pertumbuhan positif pada tahun ini.

Sektor Pembinaan

Program rangsangan fiskal, penswastaan projek infrastruktur dan pembangunan perumahan menyumbang kepada pertumbuhan **sektor pembinaan** yang lebih kukuh sebanyak 2.3%. Aktiviti pembinaan di dalam subsektor bukan kediaman terus menguncup akibat banyak ruang pejabat dan perniagaan yang tidak diisi.

Sub sektor kejuruteraan awam mendapat banyak manfaat daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terhadap projek-projek berkaitan dengan pembinaan, terutamanya projek dalam sub sektor pengangkutan, pendidikan dan kesihatan. Pertumbuhan dalam aktiviti pembinaan juga telah dihasilkan daripada permulaan empat projek penswastaan yang berkaitan dengan jalan raya dan satu projek loji jana kuasa persendirian. Projek jalan raya termasuk Skim Penyuraian Jalan Lingkaran Kajang, Lebuhraya Ipoh-Lumut, Lebuhraya Koridor Guthrie dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth sementara loji jana kuasa persendirian pula terdiri daripada Teknologi Tenaga di Perlis. Aktiviti pembinaan juga telah dijalankan ke atas projek yang sedang dalam pembinaan yang berkaitan dengan lapangan terbang, rel, pelabuhan, pembuangan sisa, pengairan dan pembentungan. Di antara projek besar yang dilaksanakan pada tahun berkenaan ialah Lebuhraya Baru Pantai, Lingkaran Rel Ekspress, Sistem Monorel Kuala Lumpur dan pembangunan Putrajaya. Memandangkan pembiayaan untuk projek infrastruktur adalah penting untuk menyokong pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad telah meluluskan sebanyak RM7.4 bilion pada tahun 2001 berbanding RM7.6 bilion pada tahun 2000 dan telah meningkatkan pengeluaran pinjaman kepada RM4.4 bilion (2000: RM2.7 bilion).

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pendapatan boleh guna telah menyebabkan pertumbuhan positif dalam **sub sektor kediaman** pada tahun 2001. Pertumbuhun telah disokong oleh permintaan asas yang kukuh bagi unit kediaman, terutamanya terhadap perumahan yang mampu dimilik dan perumahan konvensional di lokasi terpilih dengan kebolehsampaian yang baik. Suasana kadar faedah yang rendah dengan institusi kewangan menawarkan pakej pinjaman perumahan yang berdaya saing dengan keperluan margin yang lebih rendah dan tempoh pembayaran yang lebih panjang juga telah memberikan dorongan tambahan. Galakan lain termasuklah pengeluaran dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli rumah kedua dengan syarat rumah yang pertama telah dijual; pengecualian daripada duti setem, penarikan balik sekatan institusi kewangan untuk membiayai pembinaan harta tanah kediaman yang berharga lebih daripada RM250,000 seunit dan rumah kedai di kawasan kediaman; dan membenarkan perolehan daripada sekuriti hutang swasta untuk digunakan bagi pembiayaan pembangunan harta tanah berkenaan dengan syarat mereka dapat mencapai jualan pulangan modal dalam sebutan nilai.

Pada tahun 2001, permintaan di lokasi terpilih menjadi kukuh sementara prestasi penjualan pelancaran baru skim perumahan di lokasi yang tidak diingini menunjukkan arah aliran yang menurun pada separuh tahun kedua, dengan kadar jualan merosot daripada 53% pada suku tahun pertama kepada 40% pada suku tahun ketiga. Nilai dan jumlah urus niaga harta

tanah kediaman juga merosot sedikit. Namun demikian, langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan harta tanah tidak terjual melalui pengecualian duti setem untuk pembelian harta tanah yang siap dibina daripada pemaju telah mengakibatkan sejumlah 6,100 unit harta tanah bernilai RM1.7 bilion telah berjaya dijual pada tahun 2001. Ini mewakili satu perempat bahagian daripada 24,000 unit harta tanah bernilai RM7.7 bilion yang ditawarkan oleh pemaju yang berdaftar dengan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA).

Petunjuk-petunjuk optimis yang menunjukkan permintaan yang meningkat dalam subsektor kediaman termasuklah peningkatan lesen pemaju baru yang dikeluarkan dengan kelulusan unit yang lebih banyak bagi pembinaan di Semenanjung Malaysia; permit penjualan dan pengiklanan baru serta pembaharuan permit; dan peningkatan pinjaman harta tanah kediaman. Pinjaman gadai janji

Jadual 1.5
Penunjuk Harta Tanah Kediaman

	2000	2001
	Bilangan	
Urus niaga harta tanah kediaman		
Bilangan	170,932	165,309
Nilai (RMb)	21.9	20.8
Kelulusan [1]	214,290	227,260
Lesen pemaju		
Baru	997	1,095
Pembaharuan	416	413
Permit iklan dan penjualan		
Baru	969	1,014
Pembaharuan	1,249	1,461
Pinjaman oleh sistem perbankan - nilai (RMb)		
Belum dijelaskan	74.3	87.1
Diluluskan	24.9	27.1

[1] Unit yang diluluskan untuk pembinaan oleh pemaju swasta di Semenanjung Malaysia

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan sektor pembinaan telah didorong oleh program rangsangan fiskal dan kadar faedah yang rendah.

oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 17.2% (RM12.8 bilion). Begitu juga, pinjaman yang diluluskan oleh institusi kredit perumahan yang lain juga telah meningkat pada tahun tersebut. Khususnya, pinjaman dari Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan meningkat dengan ketara disebabkan oleh kelayakan pinjaman yang lebih tinggi bagi kakitangan Kerajaan dan keupayaan untuk menggunakan baki kelayakan pinjaman untuk membeli rumah kedua. Sejajar dengan kelulusan yang lebih tinggi, jumlah pinjaman perumahan yang belum dijelaskan meningkat pada tahun 2001.


Harga rumah meningkat sedikit pada tahun 2001 setelah meningkat sebanyak 15.4% semenjak separuh tahun pertama tahun 1999. Pada kadar tahunan, Indeks Harga Rumah Malaysia meningkat sebanyak 0.9% pada separuh tahun pertama tahun 2001. Walau bagaimanapun, harga merosot sedikit

Jadual 1.6
Harta Tanah yang Tidak Terjual, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang

	Tidak Terjual		Penawaran Akan Datang	Penawaran Dirancang	Penawaran Akan Datang	Penawaran Dirancang
	Jun-01		Jun-01		Sept-01	
	Unit/'000 meter per.	Nilai (RMb)	Unit/ '000 meter per.		Unit/ '000 meter per.	
Kediaman (unit)	35,203	4.9	477,693	342,972	471,835	359,077
Pejabat binaan khas ('000 meter per.)	2,528	8.8	2,540	1,951	2,453	1,917
Kompleks perniagaan ('000 meter per.)	1,449	9.3	1,508	1,718	1,509	1,715
Kedai runcit (unit)	7,817	2.2	25,154	25,351	25,339	26,180
Harta perindustrian (unit)	3,295	1.3	8,254	23,170	8,395	23,017

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta


Graf 1.14
Penawaran Baru Ruang Pejabat Dibina Khas di Lembah Klang[1]: 1999-2002



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor
[2] Merujuk kepada akhir tempoh
a Anggaran oleh BNM

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Graf 1.15
Penawaran Baru Ruang Perniagaan di Lembah Klang[1]: 1999-2002



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor
[2] Merujuk kepada akhir tempoh
a Anggaran oleh BNM

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Penilaian Harta

berbanding pada tempoh enam bulan sebelumnya. Harga rumah teres dan rumah berkembar telah mencatatkan kenaikan manakala rumah sesebuah dan unit bertingkat tinggi mencatat kemerosotan harga. Walaupun indeks tersebut berada di bawah paras tertinggi yang dicatat pada tahun 1997, harga rumah di beberapa negeri melebihi paras pra-krisis. Secara am, semua negeri mencatat kenaikan harga, kecuali negeri Selangor dan Kelantan di mana harga merosot sedikit. Khususnya, rumah teres di Kuala Lumpur mencatat kenaikan harga yang paling tinggi sebanyak 20.5%.


Keadaan **harta tanah yang tidak terjual** menjadi lebih baik, terutamanya disebabkan oleh jualan harta tanah kediaman. Data terkini yang dikumpulkan pada akhir-Jun tahun 2001 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menunjukkan harta tanah kediaman yang tidak terjual menjadi bertambah baik dengan ianya berkurangan sebanyak 31.4% kepada 35,203 unit sementara dalam sebutan nilai pula, ianya bertambah sebanyak 26.5% kepada RM4.9 bilion. Baki rumah yang tidak terjual terletak di kawasan yang tidak diingini. Permintaan untuk unit kediaman pula lebih menggalakkan di lokasi-lokasi yang baik.

Beberapa langkah telah diambil pada tahun berkenaan untuk mengurangkan harta tanah yang tidak terjual. Dengan liberalisasi garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang berkuatkuasa 25 April 2001, pembelian harta tanah komersil oleh pihak asing meningkat sebanyak 14% kepada RM634 juta. Walau bagaimanapun, penjualan harta tanah kediaman kepada rakyat asing merosot.

Jumlah ruang pejabat dan perniagaan tidak dapat disewa yang besar dan kadar pengisian mereka yang rendah terus membantutkan pertumbuhan **sub sektor bukan kediaman**. Pembinaan **ruang pejabat yang dibina khas dan ruang perniagaan** pada tahun 2001 telah disokong terutamanya oleh projek-projek yang sedang dijalankan. Keseluruhannya, dengan pengurangan penawaran akan datang, kadar pengisian purata untuk ruang pejabat dan kompleks perniagaan di Lembah Klang menjadi stabil pada tahun 2001. Urus niaga harta tanah komersil merosot sebanyak 5% dalam sebutan nilai dan 11% dalam sebutan jumlah.

Akibat daripada permintaan yang meningkat, kadar sewa untuk ruang pejabat dan perniagaan utama meningkat pada tahun tersebut walaupun kadar sewa adalah lebih rendah berbanding dengan paras pada pra-krisis. Kadar sewa untuk ruang pejabat dan perniagaan di lokasi sekunder telah terjejas oleh keadaan lebihan penawaran apabila penyewa semakin memilih ruang komersil di lokasi-lokasi yang strategik sahaja. Walaupun penawaran akan datang untuk ruang pejabat dan perniagaan baru berada pada arah aliran menurun, dianggarkan tempoh masa selama lima tahun adalah diperlukan untuk mengisi sepenuhnya ruang pejabat yang sedia ada, dan 4.4 tahun untuk ruang perniagaan.

Graf 1.16
Purata Sewa Bulanan bagi Ruang pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang[1]



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor
Sumber: BNM, CH Williams Talhar & Wong Sdn. Bhd.

Ini berdasarkan kepada andaian kadar pengisian tahunan purata sebanyak 535,000 meter persegi untuk ruang pejabat dan 327,000 meter persegi untuk ruang perniagaan yang dicatat bagi tempoh 1992-September 2001.

Bagi pembangunan perhotelan, hotel baru yang siap dibina pada tahun 2001 meningkat kepada 288 buah dan menawarkan sebanyak 6,344 bilik. Kadar penginapan hotel meningkat sedikit kepada 59%, disebabkan oleh peningkatan ketibaan pelancong pada tahun 2001 yang mencatatkan paras tertinggi sebanyak 12.8 juta daripada 10.2 juta pada tahun 2000.

Sektor Pertanian

Nilai ditambah **sektor pertanian, perhutanan dan perikanan** (pertanian) meningkat sebanyak 2.5% pada tahun 2001 disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi dan sebahagian kecilnya oleh peningkatan dalam pengeluaran ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Peningkatan dalam pengeluaran ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran menunjukkan kesan awal yang positif daripada langkah Kerajaan untuk meningkatkan sumber pertumbuhan dalam negeri melalui peningkatan dalam pengeluaran makanan. Pengeluaran komoditi pertanian utama yang lain termasuk getah, kayu balak dan koko merosot pada tahun 2001 mencerminkan terutamanya permintaan sedunia yang lebih lemah. Akibatnya, harga komoditi, kecuali harga koko, jatuh pada tahun 2001. Kesan daripada kemerosotan harga serta kuantiti eksport, perolehan eksport sektor pertanian bagi tahun 2001 merosot sebanyak 13.2%.

Pengeluaran **minyak sawit mentah** yang mencakup sebanyak 35% daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian, meningkat sebanyak 8.9% pada tahun 2001. Peningkatan ini disebabkan oleh dua faktor: pertama, kawasan yang baru matang yang bertambah terutamanya di Sabah, dan kedua, kadar saringan

Jadual 1.7
Ruang Pejabat dan Perniagaan-Ruang Tidak Diisi, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang mengikut Negeri (pada akhir-September 2001)

	Ruang Pejabat			Ruang Perniagaan		
	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang	Penawaran Dirancang	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang	Penawaran Dirancang
	('000 meter persegi.)					
Kuala Lumpur	1,388	1,376	1,037	320	767	738
Selangor	460	422	164	194	121	0
Johor	230	262	431	272	178	859
Pulau Pinang	189	141	47	277	290	22
Negeri Sembilan	29	62	140	53	60	64
Perak	43	68	6	62	47	0
Melaka	10	15	0	41	0	0
Kedah	16	23	16	72	18	25
Pahang	13	13	56	48	2	6
Terengganu	7	7	0	5	7	0
Kelantan	13	0	20	2	19	0
Perlis	5	34	0	8	0	0
Sabah	224	3	0	44	0	0
Sarawak	64	26	0	34	0	0
Jumlah	**2,692**	**2,453**	**1,917**	**1,432**	**1,509**	**1,715**

Sumber : NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

minyak yang meningkat sejajar dengan keadaan cuaca yang menggalakkan. Namun begitu, dalam keadaan penawaran minyak sayuran sedunia yang berlebihan, harga eksport minyak sawit Malaysia kekal di bawah paras RM1,000 setan metrik sepanjang bulan Januari-Julai 2001. Seterusnya, harga melepasi paras RM1,000 setan metrik pada bulan Ogos 2001 dan terus kekal di atas paras tersebut sehingga ke akhir tahun. Pemulihan dalam harga komoditi ini disebabkan terutamanya oleh penawaran minyak sawit yang lebih rendah khususnya semenjak bulan Ogos 2001, sementara permintaan luar negara daripada pembeli tradisional Malaysia kekal menggalakkan. Bagi keseluruhan tahun 2001, purata harga minyak sawit adalah RM944 setan metrik (2000: RM1,122).

Harga minyak sawit yang rendah pada separuh pertama tahun 2001 telah mendorong Kerajaan untuk memperkenalkan insentif untuk mengurangkan jumlah penawaran minyak sawit dengan mengurangkan stok yang sedia ada dan menggalakkan tanaman semula. Untuk mengurangkan stok minyak sawit serta menggalakkan eksport, Kerajaan telah memberikan pengecualian duti eksport sepenuhnya bagi satu juta tan metrik minyak sawit mentah serta menghapuskan duti eksport sebanyak 5 peratus ke atas minyak sawit separuh proses. Skim tanaman semula kelapa sawit pula telah diperkenalkan pada bulan Mac 2001, dengan sasaran untuk mengurangkan 200,000 hektar kawasan tanaman pokok kelapa sawit yang berumur lebih daripada 25 tahun. Sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan untuk skim tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan harga minyak sawit yang bertambah baik pada separuh kedua tahun 2001, penyertaan dalam skim tanaman semula, terutamanya di kalangan pekebun kecil, semakin kurang mendapat sambutan. Pada akhir tahun 2001, hanya 58,600 hektar atau hampir 30% daripada jumlah kawasan

Jadual 1.8
Sektor Pertanian: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Eksport


	2000		2001*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**17,687**	**0.6**	**18,129**	**2.5**
Pengeluaran [1]				
di antaranya:				
Minyak sawit mentah	10,842	2.7	11,804	8.9
Getah	615	-20.0	546	-11.2
Kayu balak	23,076	5.9	19,554	-15.3
Biji koko	70	-16.0	58	-17.9
Eksport (RM juta)	**23,014**	**-16.8**	**19,966**	**-13.2**
di antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan metrik)	8,863	-1.1	10,466	18.1
(RM/tan metrik)	1,122	-30.5	944	-15.9
(RM juta)	9,948	-31.3	9,876	-0.7
Getah				
('000 tan metrik)	978	-0.6	822	-16.0
(sen/kilogram)	263	10.4	230	-12.7
(RM juta)	2,571	9.7	1,886	-26.6
Kayu balak				
('000 meter padu)	6,484	-3.8	4,834	-25.5
(RM/meter padu)	384	-2.9	315	-17.9
(RM juta)	2,489	-6.5	1,523	-38.8
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	2,876	2.1	2,411	-16.2
(RM/meter padu)	1,050	5.4	943	-10.2
(RM juta)	3,020	7.6	2,273	-24.7

[1] Semua dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu.


a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia

Graf 1.17
Pengeluaran Pertanian



Graf 1.18
Eksport Pertanian




a Awalan

pokok kelapa sawit yang tua telah ditanam semula. Ini telah mendorong Kerajaan untuk melanjutkan tempoh permohonan skim ini sehingga akhir bulan Jun 2002.

Pada tahun 2001, penguncupan dalam eksport minyak sawit menyederhana kepada 0.7% disebabkan terutamanya oleh jumlah eksport yang meningkat (18.1%) dan kemerosotan yang lebih sederhana dalam harga eksport (-15.9%). Jumlah eksport minyak sawit yang lebih tinggi adalah berikutan import yang meningkat daripada para pembeli utama, iaitu India, Kesatuan Eropah, Republik Rakyat China dan Pakistan. Negara-negara tersebut mencakup sebanyak 60% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia. Dengan permintaan eksport kekal menggalakkan di sepanjang tahun manakala pengeluaran merosot semenjak bulan September 2001, jumlah stok minyak sawit berkurangan kepada 1.2 juta tan metrik pada akhir tahun 2001 (akhir tahun 2000: 1.4 juta tan metrik).


Graf 1.19
Kelapa Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan bagi kawasan matang dan hasil pengeluaran

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperluas dan mempelbagaikan pasaran eksport minyak sawit Malaysia, Lembaga Promosi Minyak Sawit Malaysia bersama dengan unit Perkhidmatan Nasihat Teknikal (TAS), Lembaga Minyak Sawit Malaysia, telah menjalankan kegiatan promosi. Aktiviti promosi oleh unit TAS memberi fokus kepada perkembangan pasaran melalui usaha-usaha bantuan teknikal untuk mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam terhadap ciri-ciri teknikal minyak sawit Malaysia di pasaran luar negara. Hasilnya, minyak sawit telah dieksport ke beberapa buah pasaran baru seperti Ecuador, Liberia, Armenia dan Palau. Sementara itu, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) minyak sawit telah diteruskan pada tahun 2001. Secara umumnya, aktiviti P&P tersebut boleh dikategorikan kepada inovasi produk, teknologi *lipid* serta teknologi minyak dan lemak. Pusat Teknologi Minyak dan Lemak meneruskan tumpuannya terhadap P&P yang berkaitan dengan perumusan produk makanan baru berasaskan sawit yang mempunyai potensi untuk dikomersilkan oleh sektor industri yang berkaitan.

Graf 1.20
Harga Minyak Sawit dan Stok



Pertumbuhan yang lebih kukuh di sektor pertanian Malaysia pada tahun 2001 turut disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran kumpulan pertanian lain. Sektor ini sebahagian besarnya terdiri daripada sub-sektor ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Peningkatan pengeluaran dalam sub-sektor ini adalah sejajar dengan usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri. Sementara pengeluaran **ikan** hampir tidak berubah berbanding tahun lepas, pengeluaran **sub sektor** ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat pada tahun 2001. Pengeluaran **ternakan** meningkat sebanyak 7.4%. Bagi menggalakkan lagi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, Kementerian Pertanian telah menubuhkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan melalui pembangunan tanah yang diperuntukkan oleh kerajaan-kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2001, sejumlah 800 hektar tanah tersebut telah dibangunkan. Kesannya, pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat masing-masing sebanyak 10.2% dan 15.7% pada tahun 2001.

Pada tahun 2001, pengeluaran **getah asli** (getah) Malaysia merosot ke tahap pengeluaran yang terendah iaitu sebanyak 546,180 tan metrik atau 11.2% lebih rendah daripada pengeluaran pada tahun 2000. Kemerosotan dalam pengeluaran getah adalah disebabkan terutamanya oleh harga getah yang rendah, yang tidak menggalakkan aktiviti menoreh khususnya di kalangan pekebun kecil. Pekebun kecil menyumbangkan sebanyak 82% daripada jumlah pengeluaran getah Malaysia. Pengeluaran getah turut terjejas oleh kegiatan menukar kawasan tanaman getah kepada tanaman atau kegunaan lain. Pada tahun 2001, lebih daripada 16,000 hektar kawasan getah milik pekebun kecil telah ditanam semula dengan tanaman lain. Menyedari bahawa pendapatan sebahagian besar pekebun kecil getah telah terjejas akibat harga getah yang rendah dalam tempoh yang panjang, Kerajaaan telah memperkenalkan insentif kewangan sebanyak 30 sen sekilogram untuk susu getah dan 15 sen sekilogram untuk getah beku pada separuh kedua tahun 2001. Insentif ini juga bertujuan untuk menggalakkan aktiviti penorehan di kalangan pekebun kecil. Selain insentif kewangan, pekebun kecil getah juga digalakkan untuk menggunakan teknologi torehan yang moden dan menjimatkan penggunaan buruh yang dikenali sebagai Sistem Torehan Intensiti Rendah (LITS) - dengan menggunakan sejenis gas perangsang untuk meningkatkan produktiviti pokok getah. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM180 juta. Secara umumnya, LITS juga digalakkan di ladang-ladang getah terutamanya bagi mengurangkan masalah kekurangan buruh serta meningkatkan produktiviti.

Mencerminkan harga eksport dan jumlah eksport yang merosot, jumlah perolehan daripada eksport getah (termasuk eksport semula) merosot sebanyak 26.6% pada tahun 2001. Harga getah yang meningkat pada tahun 2000, tidak dapat dikekalkan pada tahun 2001 akibat penawaran getah sedunia yang melebihi penggunaan. Harga purata getah (iaitu harga RSS 1) merosot kepada RM2.27 sekilogram. Harga getah antarabangsa yang rendah dalam jangka masa yang panjang adalah disebabkan terutamanya oleh lebihan penawaran komoditi ini di pasaran antarabangsa. Fenomena tersebut telah mendorong tiga negara pengeluar getah yang utama, iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia (yang mencakup sebanyak 85% daripada jumlah pengeluaran getah asli sedunia), untuk bekerjasama bagi meningkatkan harga getah melalui pengurusan penawaran. Justeru itu, kerjasama antara Kerajaan dengan Kerajaan telah dimeterai melalui penubuhan Pertubuhan Getah Antarabangsa Tiga Pihak (ITRO) pada bulan Julai 2001. ITRO bertanggungjawab terhadap sebuah majlis pentadbir iaitu Majlis Getah Antarabangsa Tiga Pihak. Antara inisiatif kerjasama awal ITRO yang diluluskan pada bulan Disember 2001 adalah pengurangan pengeluaran getah asli tahunan sebanyak 4% dan pengurangan eksport tahunan sebanyak 10%, mulai bulan Januari 2002.

Akibat permintaan luar negeri yang lemah, pengeluaran **kayu balak** merosot sebanyak 15.3% pada tahun 2001. Permintaan dari Jepun, Taiwan, Hong Kong dan

Korea adalah lebih rendah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang lembap. Pada tahun 2001, kayu tropika Malaysia terus menghadapi saingan daripada kayu lembut khasnya dari Rusia, Eropah, Chile dan New Zealand. Harga eksport kayu balak merosot kepada RM315 semeter padu pada tahun 2001 disebabkan oleh permintaan eksport yang lebih rendah. **Kayu siap digergaji** juga mencatatkan prestasi eksport yang lemah, dengan perolehan merosot sebanyak 24.7%. Jumlah eksport yang merosot terutamanya ke pasaran tradisional utama di Asia-Pasifik, dan harga yang lebih rendah telah menyumbang kepada kemerosotan perolehan tersebut.

Pada tahun 2001, Majlis Persijilan Kayu Malaysia (MTCC) yang ditubuhkan pada bulan Januari 1999 dengan objektif untuk melaksanakan satu skim persijilan kayu kebangsaan secara sukarela untuk Malaysia, telah secara rasminya melancarkan skim persijilan kayunya pada bulan Januari 2002. Skim persijilan ini akan dilaksanakan dalam dua fasa. Di bawah fasa pertama, Kriteria, Petunjuk, Aktiviti dan Piawaian Prestasi untuk Persijilan pengurusan hutan Malaysia (MC & I) akan digunakan sebagai piawaian untuk menilai usaha pengurusan hutan di dalam estet hutan kekal di peringkat unit pengurusan hutan. Skim persijilan MTCC memberikan jaminan kepada pembeli keluaran kayu Malaysia bahawa sumber keluaran tersebut adalah daripada kawasan hutan yang diurus secara berhemat. Untuk memastikan penerimaan pasaran yang lebih meluas terhadap skim dan keluaran yang diberikan sijil, MTCC bekerjasama rapat dengan *Forest Stewardship Council (FSC)* dan juga pihak tempatan melalui Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan untuk merangka satu piawaian persijilan yang setaraf dengan *FSC* supaya ianya boleh digunakan di bawah fasa kedua skim MTCC. Berdasarkan perkembangan semasa pelaksanaan skim persijilan tersebut, keluaran kayu yang telah diberikan sijil oleh MTCC, dijangka akan berada di pasaran menjelang pertengahan tahun 2002.


Pengeluaran **biji koko** merosot sebanyak 17.9% pada tahun 2001 memandangkan hasil telah terjejas oleh keadaan cuaca yang tidak menggalakan. Tambahan pula, pengeluaran turut dipengaruhi oleh kegiatan menukar kawasan tanaman koko dengan tanaman lain. Namun begitu, Lembaga Koko Malaysia telah menggiatkan usaha untuk meningkatkan produktiviti koko melalui program pemulihan semula kawasan penanaman koko yang terpilih. Perkembangan yang amat menggalakkan bagi sektor koko pada tahun 2001 adalah kenaikan harga koko sedunia yang nyata yang disebabkan terutamanya oleh penawaran koko sedunia yang merosot akibat kejatuhan yang ketara dalam pengeluaran koko di beberapa buah negara pengeluar utama. Harga koko Malaysia meningkat kepada RM3,494 setan metrik pada tahun 2001 (2000: RM2,879), justeru menyebabkan peningkatan sebanyak 73.3% dalam jumlah perolehan asing daripada eksport koko.

Sektor Perlombongan

Pada tahun 2001, sektor **perlombongan** meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 0.2% disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi meningkat sebanyak 3.2% ekoran permintaan yang lebih tinggi, terutamanya daripada sub sektor jana kuasa tempatan. Sebaliknya, pengeluaran minyak mentah dan timah merosot. Jumlah pengeluaran **minyak mentah** sebanyak 581,000 tong sehari adalah 2.3% lebih rendah berbanding pengeluaran setahun yang lalu akibat permintaan luar negeri yang lebih rendah terutamanya daripada pasaran tradisional di rantau ini. Jumlah pengeluaran tersebut juga adalah rendah sedikit daripada sasaran pengeluaran yang ditetapkan sebanyak 600,000 tong sehari, selaras dengan Dasar Susutan Negara yang bertujuan untuk mengawal eksploitasi rizab minyak negara. Jumlah perolehan eksport galian Malaysia merosot sebanyak 12.6% (2000: +55.9%) disebabkan terutamanya oleh harga minyak mentah yang lebih rendah.

Pada tahun 2001, dalam keadaan penawaran yang berlebihan serta permintaan minyak sedunia yang lemah yang diburukkan lagi oleh peristiwa 11 September, arah aliran harga minyak mentah di pasaran antarabangsa menurun. Harga minyak

Graf 1.21
Pengeluaran Galian



Jadual 1.9
Sektor Perlombongan: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2000		2001*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**14,416**	**3.1**	**14,444**	**0.2**
Pengeluaran				
Minyak mentah dan kondensat (tong sehari)	681,000	-1.5	668,000	-1.9
di antaranya:				
Minyak mentah (tong sehari)	*595,000*	*-2.2*	*581,000*	*-2.3*
Gas asli – bersih (juta kaki padu standard)	1,598,325	10.8	1,649,490	3.2
Timah padat (tan metrik)	6,307	-14.1	4,900	-22.3
Eksport (RM juta)	**26,811**	**55.9**	**23,445**	**-12.6**
di antaranya:				
Minyak mentah				
('000 tan metrik)	16,672	-5.9	15,077	-9.6
(AS$/tong)	29.58	62.7	25.53	-13.7
(RM juta)	14,241	53.0	11,118	-21.9
Gas asli cecair				
('000 tan metrik)	15,430	2.3	15,492	0.4
(RM/tan metrik)	740	75.9	732	-1.1
(RM juta)	11,422	79.9	11,342	-0.7
Timah				
('000 tan metrik)	21	-14.2	27	32.3
(RM/tan metrik)	21,089	3.3	16,900	-19.9
(RM juta)	435	-11.4	461	6.0

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

antarabangsa yang ditanda aras kepada harga minyak Brent, adalah di antara AS$25 - AS$28 setong pada sembilan bulan pertama tahun 2001 sebelum merosot masing-masing kepada AS$21.36, AS$19.19 dan AS$18.80 pada bulan Oktober, November dan Disember. Bagi keseluruhan tahun 2001, harga purata minyak Brent adalah AS$25 setong, iaitu AS$4.00 kurang daripada harga purata pada tahun lepas. Harga minyak merosot walaupun usaha untuk meningkatkan harga minyak telah diambil oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak melalui pengurangan dalam pengeluaran minyak mentah sebanyak tiga kali, yang berjumlah 3.5 juta tong sehari. Sejajar dengan arah aliran pasaran minyak sedunia, purata harga eksport minyak mentah Malaysia merosot kepada AS$25.53 setong pada tahun 2001 (2000: AS$29.58). Dengan mengambil kira kuantiti eksport


Jadual: 1.10
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli [1]

	Pada 1 Januari	
	2000	2001
Minyak mentah		
Jumlah rizab (bilion tong)	3.43	3.39
Rizab/Pengeluaran (tahun)	16	15
Gas asli		
Jumlah rizab (trilion kaki padu standard)	84.4	82.5
Rizab/Pengeluaran (tahun)	30-40	30-40

[1] Dasar Susutan Negara (NDP) telah diperkenalkan pada tahun 1980 untuk mengawalselia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran di medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih).

Sumber: PETRONAS

Graf 1.22
Eksport Galian



a Awalan

minyak yang lebih rendah, jumlah perolehan eksport minyak mentah merosot sebanyak 21.9% (2000: +53%).

Pengeluaran **gas asli** meningkat pada tahun 2001 didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih tinggi, terutamanya daripada sub sektor jana kuasa, yang mencakup lebih kurang 72% daripada jumlah penggunaan gas asli tempatan. Sub sektor sistem loji penyejukan setempat, iaitu satu lagi pengguna utama gas asli untuk tujuan menghasilkan air sejuk bagi sistem penyaman udara serta menghasilkan kuasa elektrik bagi beberapa pusat perniagaan dan pentadbiran yang baru di Kuala Lumpur dan sekitarnya, juga mencatatkan peningkatan dalam permintaan gas. Permintaan luar negeri untuk gas asli cecair turut meningkat, walaupun pada kadar yang kecil sebanyak 0.4%. Sejajar dengan kejatuhan harga minyak mentah yang lebih rendah, harga gas asli cecair merosot pada tahun 2001. Dengan peningkatan jumlah eksport yang kecil dan harga yang merosot, perolehan eksport gas asli cecair merosot sebanyak 0.7% pada tahun 2001.


Pada bulan Disember 2001, satu medan gas baru yang terletak di luar pesisir pantai Terengganu telah memulakan operasi untuk menampung permintaan gas yang dijangka meningkat. Sejumlah 34 buah telaga terokaan dan 56 buah telaga pembangunan telah digerudi sepanjang tahun tersebut, iaitu tambahan kepada 438,702 kilometer garisan data seismik telah diperoleh untuk tujuan penerokaan dan pembangunan. Pada tahun 2001, hanya satu perjanjian perkongsian telah ditandatangani.

Sektor Perkhidmatan

Di dalam suasana pertumbuhan yang menyerderhana, dasar pro-pertumbuhan untuk merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri telah menghasilkan pertumbuhan yang kekal kukuh di sektor perkhidmatan, iaitu pada paras yang tinggi sebanyak 4.9% pada tahun 2001 (2000: 4.8%). Pertumbuhan terus menyeluruh, dengan kumpulan perkhidmatan pengantara berkembang pada kadar yang lebih cepat daripada kumpulan perkhidmatan akhir. Disokong oleh pertumbuhan yang kukuh ini, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK meningkat kepada 55.8% (53.4% pada tahun 2000 dan 51.9% pada tahun 1997).

Perkhidmatan pengantara yang meliputi pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; dan kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.5% pada tahun 2001. Pengembangan yang kukuh di sub sektor **pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** adalah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan yang mendadak di segmen telefon bimbit dan perkhidmatan internet dalam industri komunikasi dan peningkatan dalam aktiviti pemunggahan di pelabuhan tempatan. Saiz pasaran untuk telefon bertalian tetap meningkat kepada 4.7 juta pada akhir tahun 2001 (2000: 4.6 juta), manakala bagi telefon bimbit pula ia telah mencapai sebanyak 7.5 juta (2000: 5.1 juta). Perkhidmatan prabayar telefon bimbit juga meningkat pada tahun 2001 disebabkan keinginan generasi muda dan pengguna sesekali

Graf 1.23
Sektor Perkhidmatan: Pertumbuhan Suku Tahunan



Jadual 1.11
Pertumbuhan dalam Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar 1987

	2000	2001*a*	2000	2001*a*
	Perubahan tahunan %		% bahagian daripada KDNK	
Perkhidmatan	**4.8**	**4.9**	**53.4**	**55.8**
Perkhidmatan pengantara	5.9	6.5	20.5	21.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	7.3	5.2	8.0	8.4
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	5.1	7.3	12.5	13.4
Perkhidmatan akhir	4.1	3.9	32.9	34.1
Elektrik, gas dan air	7.5	5.6	3.8	4.0
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	5.8	3.3	14.8	15.2
Perkhidmatan kerajaan [1]	1.4	5.4	6.9	7.2
Perkhidmatan-perkhidmatan lain [2]	1.5	2.9	7.5	7.7

[1] Termasuk perkhidmatan awam (pentadbiran awam, hal ehwal luar serta keamanan dan keselamatan awam), pertahanan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.
[2] Termasuk bayaran sewa ke atas kediaman yang didiami oleh pemilik; perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian; perkhidmatan pengeluar-pengeluar swasta yang bukan berasaskan keuntungan kepada isi rumah; dan perkhidmatan rumah tangga bagi isi rumah.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

berkomunikasi melalui perkhidmatan ini. Permintaan bagi lain-lain perkhidmatan nilai ditambah yang mempunyai aplikasi dan ciri-ciri tambahan, seperti perkhidmatan mesej pendek (SMS), juga meningkat pada tahun 2001.

Program yang dimulakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan dan mengembangkan sub sektor perkapalan tempatan dan perkhidmatan pelabuhan telah menyumbang kepada peningkatan aktiviti pemunggahan kargo dan kapasiti pengendalian kargo pelabuhan tempatan. Ekoran daripada pelaburan baru yang terus mengalir masuk di samping perkhidmatan yang bertambah baik yang disediakan oleh pihak berkuasa pelabuhan di seluruh negara, aktiviti pelabuhan tempatan terus berkembang pada tahun 2001. Truput kontena di enam pelabuhan utama mencatat peningkatan sebanyak 43.5%.

Prestasi kukuh Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Pelabuhan Klang adalah merupakan hasil daripada pelan Kerajaan yang terancang untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat perkapalan dan perdagangan serantau. Pelabuhan Klang telah mencatatkan kemajuan yang ketara pada beberapa tahun yang lepas. Pada tahun 2000, Pelabuhan Klang telah diletakkan di tempat ke-12 daripada senarai kedudukan pelabuhan kontena sedunia, iaitu meningkat sebanyak dua langkah daripada kedudukan di tempat ke-14 pada tahun 1999.

Pada tahun 2001, PTP telah mencapai jumlah truput sebanyak 2.04 juta TEU (20-kaki unit setara) dengan sejumlah 2,283 kapal kontena yang singgah di pelabuhan tersebut. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak lima kali ganda daripada 424,924 TEU yang dicatatkan pada tahun 2000.

Dari segi pengembangan kapasiti, Westport di Pelabuhan Klang telah meningkatkan kapasitinya daripada 1.8 juta TEU kepada 2.5 juta TEU dengan pembinaan tambahan tempat himpitan kapal sepanjang 600 meter dan pelaburan untuk peralatan melebihi RM100 juta. Northport pula telah melabur sebanyak RM1.3 juta untuk pembinaan Fasa I perkhidmatan *Wireless Application Protocol* yang ditujukan untuk industri logistik dan pengangkutan. Northport juga telah melabur sebanyak 10 pengangkut stradel baru dan telah memesan tujuh lagi pengangkut untuk melengkapkan jumlah pengangkut yang sedia ada.

Prestasi industri pengangkutan udara adalah kurang memuaskan pada tahun 2001 disebabkan terutamanya oleh kelembapan perdagangan antarabangsa. Penghantaran barangan elektronik dan barangan-barangan lain dari Malaysia terjejas disebabkan oleh kelembapan eksport barangan elektronik. Trafik penumpang sedunia juga berkurangan, terutamanya selepas peristiwa 11 September memandangkan kebanyakan penumpang mengelak daripada mengambil risiko. Usaha-usaha semasa untuk memperbanyakkan penerbangan dari KLIA termasuklah perjanjian dasar langit terbuka dengan beberapa negara maju di bidang perkhidmatan penumpang dan kargo,

Jadual 1.12
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

%	2000	2001*a*
	Perubahan tahunan	
Truput kargo di lima pelabuhan utama[1]	14.9	10.4
Truput kargo kontena di enam pelabuhan utama[2]	30.3	43.5
Penumpang KLIA	11.9	-1.3
Kargo KLIA	21.6	-13.7
Bilangan penumpang Transit Aliran Ringan[3]	81.1	16.5
Premium insurans	28.6	12.4
Urus niaga BSKL (jumlah)	–19.7	–27.3
Ketibaan pelancong	28.9	25.0
Kadar penginapan hotel (%)	57.7	58.6
Indeks pengeluaran elektrik	6.1	8.6

[1] Termasuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.
[2] Termasuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.
[3] Termasuk STAR dan PUTRA
a Awalan

Sumber:
Pengendali-pengendali pelabuhan; Sistem Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR); Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA); Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL); Bank Negara Malaysia; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan

dan perkhidmatan yang lain telah meningkat sebanyak 3.9% pada tahun 2001 (2000: 4.1%). Sub sektor **utiliti** mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi walaupun permintaan daripada aktiviti perkilangan yang terus lemah. Nilai ditambah bagi penjanaan elektrik terus meningkat disebabkan permintaan yang lebih tinggi daripada industri berorientasikan tempatan dan sektor komersial. Pertumbuhan sub sektor ini juga disokong oleh peningkatan dalam penggunaan air yang meningkat sebanyak 7% pada 2001.

Sub sektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** mencatat prestasi positif pada tahun 2001, disokong oleh langkah-langkah rangsangan fiskal yang telah menaikkan pendapatan boleh guna sektor isi rumah. Peningkatan ketibaan pelancong juga telah menyumbangkan kepada prestasi positif di sub sektor tersebut. Di samping itu, Malaysia juga mendapat manfaat hasil daripada menjadi tuan rumah Sukan Asia Tenggara (SEA) pada bulan September.

Pertumbuhan di sektor perkhidmatan terus kukuh, dengan peningkatan dalam aktiviti di sektor pertumbuhan baru.

perjanjian dua hala dan perikatan strategik dengan lapangan terbang yang lain untuk membenarkan hak-hak tambahan pendaratan antarabangsa, kekerapan penerbangan dan destinasi baru.


Pengangkutan rel mencatatkan hasil yang lebih tinggi pada tahun 2001 disebabkan terutamanya hasil sumbangan sektor perniagaan kargo. Dengan terbukanya *landbridge* yang menyambungkan Thailand dengan Pelabuhan Klang melalui rel, ia telah meningkatkan hasil kargo KTM Berhad. Bagi LRT pula, bilangan penumpang bagi tahun tersebut meningkat sebanyak 16.5%, dengan jumlah penumpang sebanyak 85 juta orang.

Di sub sektor **kewangan, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan**, pertumbuhan nilai ditambah juga adalah lebih tinggi. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pungutan pendapatan pembayaran insurans yang lebih tinggi dan prestasi sektor perbankan yang menggalakkan. Peningkatan aktiviti yang kukuh di pasaran saham pada separuh kedua tahun 2001 telah membendung sumbangan negatif sub sektor ini.

Pertumbuhan di kumpulan **perkhidmatan akhir** yang meliputi utiliti; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; perkhidmatan kerajaan

Di sub sektor **perkhidmatan Kerajaan**, nilai ditambah adalah lebih tinggi pada tahun 2001. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi berikutan pemberian bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada semua kakitangan awam.

Graf 1.24
Sub sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran, Penggunaan Swasta dan Ketibaan Pelancong



KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI


Pada tahun 2001, langkah-langkah untuk meningkatkan permintaan dalam negeri menyebabkan pengembangan perbelanjaan sektor awam yang lebih kukuh dan mengekalkan pertumbuhan dalam penggunaan swasta. Hasilnya, penyederhanaan **permintaan dalam negeri benar** (tidak termasuk stok) telah dibendung pada 2.3% pada tahun 2001 (2000: 14.5%).

Perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 13.9% pada tahun 2001, disokong oleh belanjawan yang lebih mengembang dan dua pakej rangsangan fiskal tambahan. Usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan perlaksanaan projek berjaya mengawal pelaksanaan supaya berada di bawah 5%. Akibatnya, pertumbuhan perbelanjaan **pelaburan awam** kekal kukuh sebanyak 15.5% pada tahun 2001 (2000: 19.9%). Perbelanjaan modal yang lebih tinggi yang diperuntukkan di dalam Belanjawan dan pakej rangsangan yang pertama, terutamanya bagi pendidikan dan latihan serta pembangunan infrastruktur dan industri, berobjektif merangsangkan pertumbuhan ekonomi untuk jangka masa yang pendek dan juga meningkatkan pembangunan sumber manusia dan meningkatkan pembinaan kapasiti untuk jangka masa yang lebih panjang. Perbelanjaan modal yang diperuntukkan di bawah pakej rangsangan yang kedua adalah terutamanya untuk projek-projek kecil yang mana dana boleh dikeluarkan dengan serta-merta.

Pada tahun 2001, jumlah perbelanjaan modal Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) adalah lebih tinggi disebabkan oleh program pemodenan dan pengembangan beberapa PABK utama, khususnya, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. dan Telekom Malaysia Berhad (TMB). Perbelanjaan modal oleh PETRONAS termasuk pelaksanaan projek Gas Asli Cecair Malaysia Tiga (MLNG 3), kompleks-kompleks petrokimia bersepadu di Kertih dan Gebeng dan pembelian kapal-kapal LNG baru. Perbelanjaan modal oleh TNB adalah terutamanya untuk pengembangan dan peningkatan taraf rangkaian penjanaan kuasa, penyaluran dan pengagihan untuk memastikan bekalan elektrik yang mencukupi bagi memenuhi permintaan jangka masa panjang. TMB kekal menyalurkan perbelanjaan modalnya kepada teknologi informasi dan komunikasi. Perbelanjaan modal oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. adalah terutamanya untuk pusat pentadbiran baru di Putrajaya. Sementara itu, kedua-dua loji rekaan wafer, iaitu First Silicon di Kuching dan **Silterra** di Kulim, kekal mengembangkan kapasiti mereka.

Perbelanjaan sektor awam merupakan penyumbang utama bagi membendung kesan daripada kelembapan permintaan dalam negeri.

Graf 1.25
Permintaan Agregat Dalam Negeri Benar



a Awalan

Pertumbuhan yang kukuh dalam perbelanjaan **penggunaan awam** sebanyak 11.9% pada tahun 2001 adalah disebabkan terutamanya oleh perolehan bekalan pejabat yang berkaitan dengan pelaksanaan *flagship* e-Kerajaan, pembayaran kepada perkhidmatan profesional dan pembayaran bonus bagi tahun 2001.

Dalam keadaan permintaan luaran yang rendah, langkah-langkah rangsangan fiskal memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan yang positif oleh penggunaan swasta. Oleh itu, **penggunaan swasta** meningkat sebanyak 2.8% pada tahun 2001. Kadar faedah yang rendah dan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan

Jadual 1.13
Penunjuk Penggunaan Swasta

	2000	2001				
		Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	Tahun
Jualan kereta penumpang (termasuk pacuan empat roda)						
'000 unit	296.6	76.5	81.8	91.8	93.2	343.3
Perubahan tahunan (%)	15.9	16.2	7.8	18.9	19.9	15.7
Import barangan penggunaan						
AS$ bilion	4.5	1.1	1.2	1.1	1.3	4.6
Perubahan tahunan (%)	14.9	5.0	1.5	–5.8	11.4	3.0
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	6.0	1.1	2.1	1.4	2.8	7.4
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	1.7	0.3	0.6	0.4	0.7	1.9
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang) (RM bilion)	26.8	7.2	7.7	7.8	8.3	31.0
Perniagaan borong, runcit, restoran & hotel (RM bilion)	62.9	16.7	17.0	16.6	15.7	65.9
Jualan runcit MRA						
Perubahan tahunan (%)	10.6	4.8	-1.6	1.6	0.7	1.7
Operasi kad kredit						
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	19.3	5.2	5.6	6.1	6.5	23.4
Perubahan tahunan (%)	39.5	23.2	20.5	20.9	20.0	21.0
Indeks Sentimen Pengguna MIER	–	105.7	96.2	98.7	93.8	–

Jadual 1.14
Penunjuk Pelaburan Swasta


	2000	2001				
		Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan, termasuk pacuan empat roda						
'000 units	46.6	11.1	12.8	15.4	13.8	53.1
Perubahan tahunan (%)	42.7	12.9	5.0	20.4	17.1	14.0
Import barangan modal						
AS$ bilion	11.6	3.2	2.8	2.6	2.9	11.5
Perubahan tahunan (%)	38.6	42.4	–5.2	–24.4	–2.6	-1.1
Permohonan kepada MITI						
Bilangan projek	974	168	201	197	146	712
Pelaburan modal (RM bilion)	46.2	3.6	4.9	3.9	3..4	15.8
Asing	30.2	2.4	3.6	2.4	2.4	10.8
Dalam negeri	16.0	1.2	1.3	1.5	1.0	5.0
Kelulusan oleh MITI						
Bilangan projek	805	240	210	222	141	813
Pelaburan modal (RM bilion)	33.6	11.1	5.3	4.6	3.7	24.7
Asing	19.8	8.1	3.7	3.5	3.0	18.3
Dalam negeri	13.8	3.0	1.6	1.1	0.7	6.4
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan (RM bilion)	94.1	25.1	27.3	25.6	26.0	103.9
Sektor pembinaan (RM bilion)	23.6	5.8	5.5	4.6	4.9	20.9
Sekuriti hutang swasta						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	22.5	5.2	4.9	7.8	12.6	30.6
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	–	46.3	44.0	42.6	42.3	–
Kadar Penggunaan Kapasiti	–	79.2	77.4	79.4	79.6	–

boleh guna isi rumah melalui penurunan sementara kadar caruman pekerja KWSP, pemberian rebat cukai yang lebih tinggi dan kenaikan nilai ambang pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana telah menyumbang secara positif kepada pertumbuhan perbelanjaan pengguna. Penunjuk-penunjuk utama bagi penggunaan, termasuk jualan kenderaan penumpang baru, kutipan cukai jualan dan perkhidmatan serta pinjaman yang dikeluarkan bagi tujuan penggunaan dan perdagangan umum, menunjukkan perbelanjaan penggunaan kekal pada tahun 2001.


Mencerminkan kesan daripada permintaan luaran yang lebih rendah dan lebihan kapasiti di sektor-sektor tertentu, khususnya industri-industri berorientasikan eksport, **pelaburan swasta** menurun sebanyak 19.7% pada tahun 2001. Tren ini juga dicerminkan dalam beberapa penunjuk pelaburan utama, termasuk import barangan modal dan permohonan yang diterima bagi pelaburan di sektor perkilangan yang lebih rendah.

Pelaburan modal dalam sektor perkilangan dianggarkan menurun sebanyak 24.1% pada tahun 2001. Penggunaan kapasiti secara keseluruhan bagi industri-industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan berada di bawah 80% sepanjang tahun

Graf 1.26
Pelaburan Swasta Mengikut Sektor, 2001 (% bahagian)



Graf 1.27
Pelaburan Perkilangan yang Diluluskan




2001. Aktiviti-aktiviti pelaburan baru dalam sektor perkilangan adalah terutamanya dikekalkan oleh projek-projek pertrokimia yang sedang dijalankan, projek-projek elektrik dan elektronik yang diluluskan pada tahun 2000 dan 2001 serta pengembangan kapasiti industri barangan galian bukan logam di mana pengeluar beroperasi pada kapasiti yang tinggi.


Nilai pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berjumlah sebanyak RM24.7 bilion pada tahun 2001 (2000: RM33.6 bilion). Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, lapan projek besar, masing-masing dengan pelaburan melebihi RM500 juta, mencakup sebanyak RM11.5 bilion atau 46.4% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Industri barangan elektrik dan elektronik terus mencakup bahagian terbesar sebanyak 41.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2001. Ini diikuti oleh industri kertas, percetakan dan penerbitan (20.3%); industri barangan galian bukan logam (8%), dan industri kimia dan barangan kimia (4.5%).

Nilai pelaburan asing dalam **sektor perkilangan** pada tahun 2001 berjumlah sebanyak RM18.3 bilion (2000: RM19.8 bilion). Kebanyakan projek

Graf 1.28
Pelaburan Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Sektor, 2001 (% bahagian)



Graf 1.29
Penyertaan Asing dalam Projek Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Negara, 2001 (% bahagian)



baru yang diluluskan adalah dalam industri barangan elektrik dan elektronik (51.4%); industri kertas, percetakan dan penerbitan (16.8%); dan industri barangan galian bukan logam (8.7%). Lima sumber utama pelaburan asing pada tahun 2001 ialah Amerika Syarikat, Jepun, China, Singapura dan Belanda. Kesemua negara tersebut mencakup sebanyak 76% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MITI.

Perbelanjaan modal dalam **sektor pembinaan** pada tahun 2001 adalah disokong oleh pembinaan beberapa projek lebuhraya, termasuk Lebuhraya SPRINT dan Lebuhraya Bertingkat (siap pada tahun 2001) serta Skim Penyuraian Jalan Lingkaran Kajang, Lebuhraya SPRINT (Pakej C), Lebuhraya Kajang-Seremban dan Lebuhraya Koridor Guthrie. Pelaburan dalam subsektor perumahan kediaman kekal tinggi disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembinaan perumahan mampu-milik dan perumahan kos tinggi terpilih di lokasi-lokasi strategik.

Dalam **sektor perkhidmatan**, pelaburan modal dalam subsektor utiliti adalah lebih rendah disebabkan oleh penangguhan beberapa projek loji janakuasa termasuk projek di Sepang, Jimah dan Johor Darul Takzim. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam subsektor tersebut kekal disokong oleh pembinaan beberapa loji janakuasa dan projek bekalan air, termasuk TNB Janamanjung, Nur Generation dan projek bekalan air Sungai Selangor. Perbelanjaan modal dalam subsektor pengangkutan adalah disokong oleh pembinaan projek Lingkaran Rel Ekspres dan KL Monorel. Pengembangan kapasiti yang berterusan oleh pelabuhan-pelabuhan Malaysia, termasuk Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, juga menyumbang kepada penambahan pelaburan di subsektor pengangkutan. Pelaburan dalam sub-sektor telekomunikasi kekal disokong oleh perbelanjaan modal untuk perkhidmatan telefon bimbit, khususnya bagi peningkatan taraf rangkaian.

Pelaburan dalam sektor-sektor pertanian dan perlombongan meningkat pada tahun 2001, walaupun pada kadar yang kecil. Pelaburan dalam **sektor perlombongan** dianggar meningkat sebanyak 2% disebabkan terutamanya oleh pengembangan yang berterusan dalam subsektor minyak dan gas. Pelaburan dalam **sektor pertanian** meningkat pada tahun 2001, disebabkan oleh kesan positif insentif Kerajaan yang menggalakkan sektor swasta mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pertanian bercampur-campur bagi pengeluaran makanan pada skala yang lebih besar, moden dan bersepadu serta peruntukan yang lebih tinggi bagi sektor ini di bawah Dasar Pertanian Negara.

Pada tahun 2001, kedua-dua tabungan sektor awam dan swasta adalah lebih rendah. Tabungan sektor awam menurun sebanyak 15.1% disebabkan oleh pertumbuhan penggunaan awam yang lebih tinggi dan pertumbuhan hasil sektor awam yang lebih perlahan disebabkan oleh hasil yang lebih rendah daripada PABK. Bagi sektor swasta, dasar-dasar Kerajaan untuk meningkat pendapatan boleh guna dan kadar faedah yang rendah memberi kesan dari segi menggalakkan pengguna mengeluarkan tabungan yang tinggi dahulu untuk mengekalkan pertumbuhan positif dalam penggunaan. Secara keseluruhan, bahagian **tabungan negara kasar** kepada KNK menurun kepada 34.9%. Walau bagaimanapun, dengan penyederhanaan aktiviti-aktiviti pelaburan, imbangan tabungan-pelaburan kekal pada paras lebihan bagi empat tahun berturut-turut, mencatat lebihan sebanyak RM27.4 bilion atau 8.9% daripada KNK pada tahun 2001 (2000: RM32 bilion atau 10.2%).

Jadual 1.15
Jurang Tabungan-Pelaburan

	2000	2001*a*
	(RM juta)	
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	45,686	47,094
Tabungan awam	56,522	47,986
Defisit / lebihan	10,836	892
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	45,569	32,657
Tabungan swasta	66,691	59,172
Defisit / lebihan	21,122	26,515
Pembentukan modal dalam negeri kasar	91,255	79,751
(% daripada KNK)	29.2	26.0
Tabungan negara kasar	123,213	107,158
(% daripada KNK)	39.5	34.9
Imbangan akaun semasa	31,958	27,407
(% daripada KNK)	10.2	8.9

a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

HARGA DAN GUNA TENAGA

Harga Pengguna

Inflasi harga pengguna atau inflasi utama[1] kekal rendah pada tahun 2001. Indeks Harga Pengguna (IHP) menyederhana kepada 1.4% pada tahun 2001 (1.6% pada tahun 2000). Inflasi teras[2] atau inflasi asas yang dikira oleh BNM juga menunjukkan arah aliran yang sama, menyederhana kepada 1% (1.5% pada tahun 2000). Sementara perbelanjaan pengguna terus bertahan, adanya lebihan kapasiti di dalam beberapa sektor ekonomi telah menyebabkan penurunan tekanan ke atas harga. Tambahan lagi, kenaikan ringgit yang sederhana berbanding mata wang selain dolar AS pada tahun ini, serta inflasi di negara lain yang lebih rendah, turut menyumbang kepada kadar inflasi yang lebih rendah pada tahun 2001.

Penyederhanaan kadar inflasi pada tahun ini sebahagian besarnya mencerminkan kenaikan harga makanan yang lebih rendah. Makanan, yang mencakup lebih sepertiga daripada bakul IHP, meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 0.7% pada tahun 2001 (1.9% pada tahun 2000). Walaupun permintaan kekal sederhana, pengeluaran dan penawaran makanan meningkat di sepanjang tahun ini berikutan keadaan cuaca yang baik dan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan. Harga import makanan juga lebih rendah berikutan kenaikan nilai ringgit yang sederhana.

Walaupun terdapat lebihan kapasiti, harga untuk minuman dan tembakau; pengangkutan dan perhubungan; dan perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan mencatatkan kadar kenaikan yang lebih tinggi. Sebahagian besar kenaikan ini mencerminkan kesan pelarasan harga daripada:


- Tambang bas yang lebih tinggi (10-30%) yang telah diperkenalkan pada Julai-Oktober 2000;
- Harga yang lebih tinggi bagi beberapa barangan petroleum (7.6-9.4%) mulai bulan Oktober 2000;
- Kenaikan cukai jualan bagi minuman beralkohol (5%), dan barangan rokok dan tembakau (10%) seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2001, berkuatkuasa mulai bulan November 2000;

[1] Inflasi utama merujuk kepada kadar perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) untuk semua barangan di dalam bakul barangan dan perkhidmatan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.


[2] Inflasi teras ialah satu ukuran inflasi asas yang menyinsihkan barangan harga terkawal dan barangan yang mempunyai harga yang tidak menentu, serta barangan yang tertakluk kepada pelarasan daripada bakul IHP asal. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa ukuran alternatif untuk inflasi teras. (Sila rujuk Rencana II di dalam Laporan Tahunan 2000).

Graf 1.30
Inflasi: Kadar Perubahan Tahunan


Ukuran Inflasi Harga Pengguna



Indeks Harga Pengguna



Indeks Harga Pengeluar



Jadual 1.16
Pelarasan Harga

Sub-kumpulan	Wajaran (%)	Kenaikan (%)	Sumbangan (%)
Minuman dan tembakau			
Minuman beralkohol	0.29	2.45	0.01
Rokok dan tembakau	1.72	7.11	0.12
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan			
Barangan perubatan dan farmasi	0.58	1.79	0.01
Pengangkutan dan perhubungan			
Tambang bas	1.10	6.20	0.07
Tambang kapal terbang MAS domestik	0.39	10.75	0.04
Barangan petroleum	4.96	7.82	0.39
Total	**9.04**		**0.64**

- Harga yang lebih tinggi bagi beberapa barangan farmasi (10-20%), berkuatkuasa mulai bulan Mac 2001;
- Tambang kapal terbang domestik yang lebih tinggi (51.8%) mulai bulan Ogos 2001; dan
- Pelarasan ke atas harga petrol (8.3%) dan kenaikan duti import dan eksais ke atas barangan rokok dan tembakau (20%), yang berkuatkuasa pertengahan bulan Oktober 2001, susulan daripada pembentangan Belanjawan 2002.


Barangan dan perkhidmatan ini mencakup sebanyak 9% daripada jumlah keseluruhan raga IHP dan harga yang lebih tinggi bagi barangan dan perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 0.64% kepada jumlah inflasi IHP pada tahun 2001. Sementara itu, kenaikan harga bagi sub kumpulan lain juga kekal stabil secara relatifnya, kecuali pakaian dan kasut, yang harganya terus menyusut pada tahun ini.

Kelulusan terhadap pelarasan harga yang lebih tinggi bagi tambang bas, tambang kapal terbang domestik, barangan farmasi dan barangan petroleum adalah bertujuan untuk mencerminkan keadaan asas pasaran seperti harga import, kos pengeluaran dan harga komoditi yang lebih tinggi. Secara khususnya, harga minyak mentah telah meningkat secara mendadak sejak awal tahun 1999. Bagi mencapai ekonomi yang efisien dan berdaya saing pada jangka masa panjang, adalah perlu bagi harga runcit barangan petroleum diselaraskan apabila terdapat perubahan di dalam keadaan asas pasaran. Pelarasan untuk harga runcit barangan petroleum ketika terdapat lebihan stok dan kapasiti, sedikit sebanyak telah meminimumkan kesan seterusnya ke atas harga barangan pengguna yang lain, khususnya bagi harga makanan.

Harga Pengeluar

Harga pengeluar menyusut pada tahun 2001 berikutan harga komoditi yang lemah. Indeks Harga Pengeluar (IHP) mencatatkan penurunan sebanyak 5.0% pada tahun 2001 berbanding kenaikan sebanyak 3.1% pada tahun 2000. Kejatuhan dalam harga pengeluar ini mencerminkan harga yang lebih rendah yang dikenakan oleh pengeluar tempatan. Ini disebabkan oleh harga yang lebih rendah bagi barangan yang berkaitan dengan komoditi, iaitu bahan mentah yang tidak boleh dimakan; minyak galian, pelicin dan bahan yang berkaitan; dan minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran. Harga yang lebih rendah bagi produk ini adalah selaras dengan harga minyak sawit mentah, getah serta petroleum mentah yang secara umumnya merosot pada tahun 2001. Sementara itu, harga barangan yang dibayar oleh pengimport secara relatifnya stabil sepanjang tahun ini berikutan kadar pertukaran ringgit yang stabil. Secara keseluruhannya, tidak termasuk barangan yang

Graf 1.31
Sumbangan Kepada Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengguna



Jadual 1.17
Penunjuk Harga

	Wajaran	2000	2001
		Perubahan tahunan	
		(%)	
Indeks Harga Pengguna (2000=100)	**100.0**	**1.6**	**1.4**
di antaranya:			
Makanan	33.8	1.9	0.7
Minuman dan tembakau	3.1	2.8	4.8
Pakaian dan kasut	3.4	-1.7	-2.6
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	1.5	1.4
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	0.0	0.1
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	2.0	2.9
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	2.1	3.6
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.9	0.5	-0.1
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.5	0.9	0.7
Indeks Harga Pengguna mengikut Kawasan			
Semenanjung Malaysia	81.6	1.7	1.5
Sabah	8.9	0.6	0.6
Sarawak	9.5	1.5	0.8
Indeks Harga Pengeluar (1989=100)	**100.0**	**3.1**	**-5.0**
di antaranya:			
Pengeluar Tempatan	79.3	3.6	-6.1
Import	20.7	1.1	-0.3
Indeks Harga Rumah (1990=100)		4.7	0.9[1]
di antaranya:			
Lembah Kelang		12.4	-0.4[1]
Johor Bahru		2.8	-2.3[1]
Pulau Pinang		8.3	-3.7[1]

[1] Januari-Jun
Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan harta

berkaitan dengan komoditi, harga pengeluar adalah stabil pada tahun 2001. Dengan itu, ianya telah menyumbang kepada kestabilan harga pengguna pada tahun ini.

Perkembangan Pasaran Pekerja


Pada tahun 2001, kesan kelembapan dalam aktiviti ekonomi telah memberi kesan kepada pasaran pekerja, terutamanya dari segi pemberhentian pekerja di sektor perkilangan. Walau bagaimanapun, berikutan keadaan pasaran pekerja yang fleksibil, langkah-langkah alternatif yang diambil oleh pihak majikan seperti mengurangkan gaji pekerja dan memberhentikan pekerja secara sementara telah dapat membantu membendung bilangan pekerja yang diberhentikan.

Pada tahun 2001, keadaan pertumbuhan yang lebih lembap telah menyebabkan jumlah guna tenaga dan jumlah tenaga pekerja meningkat pada kadar yang lebih sederhana, masing-masing sebanyak 2.6% kepada 9.5 juta pekerja dan 3.2% kepada 9.9 juta orang. Dalam keadaan inflasi yang rendah dan kapasiti yang berlebihan, keadaan pasaran pekerja yang lembap telah menyumbang kepada peningkatan upah yang lebih sederhana pada tahun 2001.

Selaras dengan keadaan pasaran pekerja yang lebih lembap, kadar pengangguran meningkat daripada 3.1% pada tahun 2000 kepada 3.7% pada tahun 2001, dengan bilangan penganggur meningkat sebanyak 63,500 kepada 364,800 orang. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran kekal di bawah paras 4% iaitu tahap yang dianggap sebagai guna tenaga penuh.

Mengikut sektor, pertumbuhan **guna tenaga** yang lebih perlahan pada tahun 2001 adalah disebabkan terutamanya oleh pengurangan guna tenaga yang ketara di sektor *perkilangan*, berikutan kemerosotan permintaan terhadap barangan perkilangan, terutamanya bagi produk elektronik dan elektrikal. Justeru itu, sektor perkilangan yang mencakup bahagian yang besar daripada bilangan pekerjaan baru pada tahun 2000 (156,100) telah mencatat pengurangan yang terbesar dalam guna tenaga (29,900). Walau bagaimanapun, pengurangan guna tenaga di sektor perkilangan telah lebih daripada

Graf 1.32
Guna Tenaga Mengikut Sektor



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Jadual 1.18
Penunjuk Pasaran Pekerja

	1997	1998	1999	2000	2001
Tenaga pekerja ('000)	9,039	8,849	9,178	9,573	9,877
(perubahan tahunan dalam %)	4.6	–2.1	3.7	4.3	3.2
Guna tenaga (perubahan tahunan dalam %)	4.7	–2.9	3.5	4.6	2.6
Kadar pengangguran (% daripada tenaga buruh)	2.4	3.2	3.4	3.1	3.7
Produktiviti pekerja (KDNK/Guna tenaga)					
(perubahan tahunan dalam %)	2.5	–4.6	2.5	3.5	–2.1
Upah benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan					
(perubahan tahunan dalam %)	6.0	–2.4	3.0	5.0	1.5

Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan, Malaysia
Bank Negara Malaysia


diimbangi oleh pertumbuhan pesat yang berterusan dalam guna tenaga di sektor *perkhidmatan* yang mencatatkan bilangan pekerja baru yang terbanyak (90.2% atau 217,300 orang). Dalam sektor perkhidmatan, pekerjaan baru yang diwujudkan tertumpu terutamanya di sub sektor 'perkhidmatan lain' yang merangkumi perkhidmatan sosial, perkhidmatan swasta, perkhidmatan isi rumah yang tidak berasaskan keuntungan serta perkhidmatan domestik isi rumah (41.5%) dan sub sektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran (24.1%). Program penggabungan institusi perbankan hanya menunjukkan gangguan minima guna tenaga di sub sektor tersebut memandangkan guna tenaga di sub sektor perbankan hanya berkurangan sedikit, iaitu sebanyak 2% kepada 93,314 orang pada akhir tahun 2001. Sementara itu, di sektor *pembinaan*, 55,500 pekerjaan baru telah diwujudkan sejajar dengan peningkatan dalam projek-projek rumah kediaman dan infrastruktur awam.

Dalam usaha untuk membendung kemerosotan pendapatan, pihak majikan telah mengurangkan guna tenaga mereka sebagai sebahagian daripada proses perasionalan keseluruhan untuk mengurangkan kos pengeluaran. Berikut adalah penilaian berkaitan **pemberhentian** pekerja pada tahun 2001:

- Sejumlah 38,116 pekerja telah diberhentikan (2000: 25,236), dengan 75.6% adalah daripada sektor perkilangan. Sub sektor barangan elektronik dan elektrikal mencakup lebih kurang separuh (45.7%) daripada jumlah pekerja yang diberhentikan.

- Bilangan majikan yang terlibat dalam pemberhentian pekerja meningkat sebanyak 55.2% kepada 1,380.
- Jumlah pemberhentian pekerja pada tahun 2001 mencakup sebanyak 45.4% daripada jumlah

Graf 1.33
Keluaran dan Guna Tenaga



Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Bank Negara Malaysia

pemberhentian pekerja yang dicatat semasa krisis kewangan pada tahun 1998.

- Sebahagian besar (48%) daripada jumlah pekerja yang diberhentikan adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam permintaan barangan.

- Mengikut kategori pekerjaan, pekerja pengeluaran dan yang berkaitan dengannya mencakup bahagian terbesar daripada bilangan yang diberhentikan (63.6%). Pemberhentian pekerja profesional, teknikal dan pekerjaan berkaitan dengannya meningkat dengan nyata sebanyak 54.8% pada tahun 2001 (2000: -36.2%), menunjukkan bahawa langkah-langkah pengurangan kos memberi kesan kepada pekerja berskil tinggi dan berskil rendah.

- Pekerja tempatan mencakup bahagian terbesar (86.9%) daripada jumlah pekerja yang diberhentikan.


- Dari segi lokasi, Malaysia Barat mencakup sebanyak 96.9% daripada jumlah pekerja yang diberhentikan, dengan Pulau Pinang, iaitu pengeluar utama elektronik, mencatat sebanyak 23% daripada jumlah pemberhentian pekerja, diikuti oleh Johor (20.6%) dan Selangor (15.5%).

- Laporan Kaji Selidik Syarikat-syarikat oleh BNM menunjukkan kadar pemberhentian pada tahun 2001 berbeza berasaskan kepada jenis pemilikan syarikat. Sebahagian besar syarikat milik tempatan yang memberhentikan pekerja melaksanakan pemberhentian dalam semua kategori pekerjaan, seterusnya menyebabkan pengeluaran terhenti secara keseluruhannya. Sebaliknya, syarikat milik asing yang memberhentikan pekerja hanya memberhentikan sebahagian daripada pekerja bahagian jualan dan pengeluaran mereka. Justeru itu, ianya membolehkan pengeluaran diteruskan walaupun terhad kepada jumlah jam bekerja yang lebih pendek. Di samping itu, pemberhentian pekerja didapati lebih tinggi di kalangan syarikat yang mengeksport sebahagian besar daripada barangan mereka ke Amerika Syarikat dan Jepun, berbanding ke Eropah.

- Pemberhentian pekerja memuncak pada bulan September 2001 dengan sejumlah 5,828 pekerja diberhentikan. Namun begitu, pada suku ke-empat tahun 2001, pemberhentian pekerja berkurangan sebanyak 40%, berbanding suku tahun sebelumnya. Keadaan pasaran buruh yang lebih baik menjelang akhir tahun 2001 menunjukkan kesan daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat ke atas aktiviti perniagaan di Malaysia yang sedikit sebanyak telah stabil dan kebanyakan syarikat pula sedang dalam proses pemulihan perniagaan mereka.


Pada tahun 2001, untuk membendung kesan kelembapan ekonomi ke atas pekerja mereka, jumlah

Graf 1.34
Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Graf 1.35
Sebab-sebab Pemberhentian Pekerja



1 Penggulungan syarikat/Syarikat ditutup
2 Penjualan syarikat
3 Pemindahan syarikat ke negara asing
4 Pemindahan syarikat dalam negara
5 Kos pengeluaran tinggi
6 Kemerosotan pasaran produk
7 Penyusunan semula organisasi dan automasi
8 Lain-lain


Sumber: Kementerian Sumber Manusia

bilangan majikan yang mengambil langkah-langkah alternatif kepada langkah pemberhentian pekerja meningkat (941; 2000:144). Oleh yang demikian, upah bagi 36,294 pekerja telah dikurangkan, sementara 91,915 pekerja telah diberhentikan buat sementara waktu. Di samping itu, sebanyak 27,756 pekerja telah menerima tawaran Skim Pemisahan Secara Sukarela (VSS) pada tahun 2001. Di sektor perbankan, sebanyak 4,240 pekerja telah menerima VSS pada akhir bulan Disember 2001.

Tidak termasuk pekerja ekspatriat, Kerajaan telah meluluskan pengambilan sebanyak 258,578 pekerja asing yang baru (2000: 230,608), iaitu peningkatan dalam jumlah pekerja asing yang didaftarkan sebanyak 5% kepada 769,566. Pekerja asing yang diambil bekerja adalah kebanyakannya di sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan dalam negeri. Pada tahun 2001, sebahagian besar (73.7%) pekerja asing berasal dari Indonesia.

Permintaan pekerja seperti yang diukur berdasarkan jumlah kekosongan jawatan meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 6.5% kepada 131,459 pada tahun 2001 (2000: 14%). Bilangan kekosongan jawatan sebenar berkemungkinan adalah lebih tinggi memandangkan firma-firma tidak diwajibkan melaporkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Buruh, Kementerian Sumber Manusia. Kekosongan tersebut tertumpu terutamanya di sektor perkilangan (46%), pertanian, perhutanan dan perikanan (27.6%) dan perkhidmatan (15.7%). Sarawak terus mencakup lebih separuh daripada kekosongan jawatan. Pulau Pinang pula mencatat penguncupan terbesar dalam kekosongan jawatan (46.2%) berbanding tahun 2000.

Graf 1.36
Pemberhentian Pekerja berbanding dengan Langkah-langkah Alternatif



Sumber: Kementerian Sumber Manusia


Jumlah bilangan pencari kerja aktif[1] yang berdaftar dengan Jabatan Buruh meningkat sebanyak 22.9% kepada 34,200 pada akhir tahun 2001 (akhir tahun 2000: -12.6%). Berbanding tahun sebelumnya, peningkatan yang lebih sederhana dalam permintaan terhadap pekerja menyebabkan nisbah kekosongan jawatan kepada nisbah pencari kerja meningkat daripada 1:0.23 pada akhir tahun 2000 kepada 1:0.26 pada akhir tahun 2001. Khususnya, nisbah bagi kategori profesional dan pentadbiran melebar daripada 1:1.40 kepada 1:2.15, sementara nisbah bagi kerja-kerja perkeranian pula melebar daripada 1:1.18 kepada 1:1.72. Pada akhir tahun 2001, sebahagian besar daripada penganggur[2] adalah terdiri daripada lepasan sekolah menengah (65.7%). Walaupun sebahagian besar daripada kekosongan jawatan adalah bagi operator pengeluaran (67%), kebanyakan daripada pekerjaan yang dikehendaki adalah kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang perkeranian (45%). Walaupun sebahagian besar daripada pengangguran adalah bersifat kitaran pada tahun 2001, analisa *Keluk* Beveridge (Pengangguran-Kekosongan[3]) menunjukkan wujudnya ketidakserasian di antara penawaran dan permintaan pekerja pada tahun 2001, seperti yang digambarkan oleh peralihan ke atas dan ke kanan dalam keluk daripada tahun 2000 kepada 2001.

Berikutan pemberhentian pekerja dan pengurangan gaji yang dialami oleh beberapa sektor tertentu pada tahun 2001, tekanan ke atas upah secara umumnya berkurangan:

- Data daripada Kaji Selidik Bulanan Industri Perkilangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan upah benar bagi setiap pekerja, pada asas tahunan, meningkat sedikit pada kadar 1.5% pada tahun 2001 (2000: 4.9%), sementara produktiviti buruh yang diukur berlandaskan nilai jualan barangan sebenar bagi setiap pekerja merosot sebanyak 2.1% (2000:

[1] Data yang dilaporkan adalah dianggarkan kurang daripada keadaan sebenar kerana pencari kerja aktif tidak diwajibkan mendaftar dengan Jabatan Buruh.
[2] Bilangan penganggur pada akhir suku terakhir tahun 2001 adalah tidak sama dengan jumlah penggangur yang dilaporkan untuk tahun 2001 kerana bilangan yang dilaporkan untuk setiap akhir suku dalam tahun yang berkenaan telah diselaraskan untuk mendapatkan bilangan tahunan.
[3] Kadar pengangguran yang digunakan adalah dari Unit Perancang Ekonomi. Kadar kekosongan=(bilangan kerja yang ditawarkan - bilangan penempatan)/(bilangan kerja yang ditawarkan - bilangan penempatan + bilangan pekerja)

Graf 1.37
Keluk Beveridge untuk Malaysia (1998-2001)



Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia
Jabatan Perangkaan, Malaysia

16%). Produktiviti buruh yang diukur mengikut nisbah KDNK kepada jumlah guna tenaga juga merosot pada kadar yang sama. Produktiviti yang rendah pada tahun 2001 menunjukkan pengurangan dalam keluaran disebabkan oleh kemerosotan dalam permintaan luar.

- Kajian Gaji dan Kemudahan Tambahan oleh Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menunjukkan peningkatan dalam purata gaji sektor swasta telah stabil pada kadar 6.9% pada tahun 2001 (2000: 7%). Purata gaji minima yang ditawarkan kepada pemegang ijazah am meningkat sedikit pada kadar 0.5% kepada RM1,671 pada tahun 2001. Mengikut sektor, kenaikan purata gaji di sektor bukan perkilangan adalah juga lebih tinggi (7.1%) berbanding sektor perkilangan (6.7%).

Kerajaan terus memantau dengan teliti keadaan guna tenaga dan mengambil langkah-langkah awalan untuk menangani masalah yang timbul daripada kelembapan ekonomi. Antara lain, pameran pekerjaan telah diadakan di seluruh negara untuk menyediakan platform kepada pencari kerja untuk mendapatkan maklumat tentang kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh bakal majikan. Projek Elektronik Pertukaran Buruh yang dilancarkan pada 19 September 2001 dijangka beroperasi di internet pada tahun 2002. Projek tersebut dirangka untuk menemukan pencari kerja dengan kekosongan jawatan melewati sempadan geografi, seterusnya memperbaiki mobilisasi sumber manusia. Kerajaan juga telah memperuntukkan dana untuk meneruskan pembangunan sumber manusia, di bawah dua pakej rangsangan fiskal yang diumumkan pada bulan Mac dan September 2001 serta semasa Belanjawan Tahun 2002. Dalam hal ini, langkah-langkah dasar telah ditumpukan terutamanya ke arah menggiatkan penggunaan teknologi maklumat, meningkatkan kemahiran pekerja, mengukuhkan program latihan dan pembelajaran, membangunkan pelbagai institusi pembelajaran dan memperbaiki kemudahan pendidikan.

Perjanjian upah baru di antara Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan Kesatuan Pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) telah menghasilkan upah bulanan minimum yang terjamin sebanyak RM325, yang akan dibayar berkuatkuasa 1 Januari 2001, kepada penuai kelapa sawit dan pekerja kilang minyak sawit.

Sebagai langkah untuk mempercepatkan peralihan Malaysia kepada ekonomi yang berteraskan pengetahuan, satu program untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang berkepakaran istimewa yang bekerja di luar negara untuk kembali ke Malaysia telah bermula pada 1 Januari 2001. Pada 1 Julai 2001, pindaan kepada senarai kepakaran, dari segi bidang kepakaran, kelayakan dan pengalaman telah dijalankan. Kajian semula ini dilakukan untuk memastikan kualiti kepakaran yang diluluskan di bawah program adalah selaras dengan keperluan negara untuk bidang kepakaran yang telah dikenalpasti.

Dalam industri kewangan, 'Projek Latihan Semula Kakitangan' atau Projek 'StaRs' telah dilancarkan pada 23 Mac 2001 dengan objektif untuk meningkatkan mobilisasi kakitangan, terutamanya mereka yang menerima VSS. Projek yang diuruskan oleh Institut Bank-bank Malaysia ini dibiayai melalui sumbangan institusi kewangan kepada Tabung Latihan Kakitangan, telah memasukkan beberapa siri program latihan yang berkaitan dengan kemahiran untuk memenuhi kehendak sebuah ekonomi yang lebih berteraskan pengetahuan, dan sebuah sistem sokongan infrastruktur untuk membantu kakitangan yang meninggalkan sektor kewangan secara sukarela mencari pekerjaan baru. Pada tahun 2001, sejumlah 64 program telah dijalankan dan telah memberi manfaat kepada lebih kurang 1,300 pelatih.

Bagi menaikkan taraf kemahiran graduan dan lepasan sekolah yang mengganggur serta pekerja yang

diberhentikan, pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion yang telah diperkenalkan pada bulan September 2001, termasuklah peruntukan sebanyak RM300 juta untuk penubuhan Skim Khas yang mengandungi program latihan IT, matematik dan bahasa; keusahawanan pertanian komersil; pengajian lanjutan; dan penempatan dengan agensi kerajaan, universiti awam, firma profesional swasta dan perusahaan kecil dan sederhana.

Semenjak ditubuhkan pada tahun 1993, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) yang mentadbir Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) untuk latihan semula dan menaikkan taraf kemahiran pekerja telah meluluskan sejumlah 3.1 juta tempat latihan, yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1 bilion. Dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan yang disediakan, MPSM yang telah dikorporatkan pada 16 Mei 2001 telah ditukar namanya kepada 'Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)'. Pada akhir bulan Disember 2001, bilangan pekerja yang berdaftar dengan PSMB meningkat kepada 7,690, dengan bahagian terbesar (71.6%) adalah daripada sektor perkilangan dan selebihnya daripada sektor perkhidmatan.

Memandangkan pendapatan korporat yang lebih rendah sepanjang tahun ini, pada 1 November 2001, levi yang dikenakan oleh PSMB ke atas bil upah bulanan syarikat telah dikurangkan separuh daripada 1% kepada 0.5%. Pada tahun 2001, pungutan levi KWPSM terus meningkat kepada RM209.1 juta daripada RM188.3 juta pada tahun 2000. Berkuatkuasa untuk jangka masa setahun, bermula 1 November 2001, bantuan kewangan kepada majikan telah dinaikkan daripada 85% kepada 100% daripada kos program latihan terpilih yang dijalankan oleh pelatih tempatan, termasuk latihan mengenai pengawalseliaan, pengurusan strategik, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan keselamatan serta kesihatan pekerja.

Pada tahun 2001, sejumlah 420,057 tempat latihan telah diluluskan oleh PSMB dengan bantuan kewangan sebanyak RM189.8 juta. PSMB juga telah dilantik sebagai salah satu agensi penyelaras untuk dua daripada sembilan program di bawah Skim Khas yang ditubuhkan untuk pekerja yang diberhentikan dan graduan yang mengganggur. Ini merupakan "Skim Latihan untuk Pekerja yang Diberhentikan II" dan "Skim Latihan Graduan" yang telah memberi manfaat kepada 5,519 pelatih dengan bantuan kewangan terkumpul sebanyak RM36.1 juta.

Dana Pembangunan Kemahiran (SDF) yang ditubuhkan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan peruntukan sebanyak RM140 juta telah mula beroperasi pada 2 Januari 2001. Dana ini bertujuan untuk memberi pinjaman mudah untuk latihan teknikal dan vokasional yang ditawarkan oleh institusi yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Negara. Pada tahun 2001, lebih kurang 20,000 permohonan telah diluluskan dan sebanyak RM24.2 juta telah dikeluarkan.


Secara keseluruhan, pelarasan yang berlaku di pasaran buruh dalam negara pada tahun ini menunjukkan bagi semua pihak yang terlibat, termasuk Kerajaan, majikan dan pekerja telah menunjukkan fleksibiliti dalam suasana ekonomi yang lebih sukar. Melangkah ke hadapan, peningkatan dalam produktiviti akan terus menjadi agenda utama dalam peralihan ekonomi kepada ekonomi yang lebih berteraskan pengetahuan. Dalam hal ini, usaha yang akan dijalankan termasuklah keperluan untuk menangani ketidaksuaian dari segi kemahiran dan peningkatan yang berterusan dalam mobilisasi pekerja.

SEKTOR LUAR NEGARA

Imbangan Pembayaran

Imbangan pembayaran secara keseluruhan berubah haluan untuk mencatatkan lebihan pada tahun 2001. Kedudukan yang lebih baik ini disebabkan oleh aliran keluar yang lebih rendah dalam akaun kewangan. Lebihan akaun semasa berkurangan pada tahun 2001, namun ianya kekal besar pada RM27.4 bilion

Graf 1.38
Bilangan Tempat Latihan yang Diluluskan oleh PSMB



Sumber: Pembangunan Sumber Manusia Berhad

atau bersamaan dengan 8.9% daripada KNK. Ini mencerminkan kemerosotan yang sederhana dalam akaun perdagangan manakala kedudukan akaun pendapatan dan perkhidmatan adalah lebih baik.

Kesan kelembapan ekonomi sedunia ke atas eksport adalah ketara memandangkan eksport barangan perkilangan dan komoditi merosot pada tahun 2001. Pada masa yang sama, permintaan terhadap import barangan pengantara yang digunakan untuk pengeluaran barangan eksport turut merosot. Ini telah membendung kemerosotan lebihan dagangan. Memandangkan perolehan eksport adalah lebih rendah pada tahun ini, penghantaran pulang keuntungan dan dividen juga lebih rendah pada tahun 2001, lalu menghasilkan kedudukan akaun pendapatan yang lebih baik. Defisit akaun perkhidmatan turut berkurangan, mencerminkan bukan sahaja pembayaran berkaitan dengan eksport yang lebih rendah tetapi juga lebihan dalam akaun perjalanan yang nyata lebih besar.

Kedudukan akaun kewangan yang lebih baik pada tahun 2001 berpunca terutamanya daripada aliran keluar jangka pendek yang lebih rendah dalam kebanyakan komponen akaun modal jangka pendek. Aliran masuk bersih modal jangka panjang menyederhana. Pada asasnya, sebahagian besar aliran masuk adalah modal jangka panjang (pelaburan langsung asing dan pinjaman luar negara).

Jadual 1.19
Imbangan Pembayaran

Perkara	2001*a*		
	+	-	Bersih
	RM juta		
Barangan	334,326	264,472	69,854
Akaun perdagangan	*334,420*	*280,692*	*53,728*
Perkhidmatan	54,929	63,295	-8,366
Imbangan barangan dan perkhidmatan	389,255	327,767	61,488
Pendapatan	6,678	32,626	-25,948
Pindahan semasa	2,059	10,192	-8,133
Imbangan akaun semasa	397,992	370,585	27,407
% of KNK			8.9
Akaun modal			–
Akaun kewangan			-14,841
Pelaburan langsung			1,017
Pelaburan portfolio			-2,489
Pelaburan lain			-13,369
Imbangan akaun modal dan kewangan			-14,841
Kesilapan dan ketinggalan			-8,904
di antaranya:			
Kerugian dari penilaian semula kadar pertukaran			-4,061
Imbangan keseluruhan			3,662
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			117,203
(AS$ juta)			30,843

a Anggaran


Sumber: Bank Negara Malaysia and Jabatan Perangkaan Malaysia

Kedudukan sektor luar kekal kukuh. Lebihan akaun semasa yang besar dan aliran keluar jangka pendek yang rendah telah menghasilkan lebihan dalam keseluruhan imbangan pembayaran. Rizab menunjukkan arah aliran yang meningkat.

Jumlah pelabur portfolio dalam pasaran Malaysia telah sedia rendah dan dengan itu aliran keluar adalah sederhana. Aliran masuk kasar pelaburan portfolio, yang menyederhana pada separuh pertama tahun, meningkat pada suku ketiga apabila sentimen pasaran bertukar menjadi lebih positif berikutan kepesatan proses penstrukturan semula korporat yang telah mengukuhkan prospek jangka panjang bagi Malaysia. Arah aliran ini berubah haluan berikutan peristiwa 11 September serta aktiviti pengambilan untung pada suku terakhir tahun 2001. Pada tahun ini, insentif untuk menyimpan atau mengekalkan dana di luar negara telah berkurangan memandangkan perbezaan kadar faedah beralih untuk memihak kepada Malaysia sejak bulan September 2001. Ini adalah dicerminkan dalam pemberian kredit perdagangan yang lebih rendah kepada pengimport asing dan kejatuhan dalam aset luar negara bersih institusi-institusi perbankan pada separuh kedua tahun 2001 berikutan berkurangnya penyimpanan mata wang asing antara bank kerana berkurangnya aktiviti lindung nilai oleh para pengimport.

Aliran masuk modal jangka panjang mencerminkan terutamanya pengambilan daripada hutang luar negara jangka panjang oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengekalkan kehadiran di pasaran, untuk menyediakan kadar penanda aras bagi syarikat-

Graf 1.39
Malaysia: Imbangan Pembayaran



syarikat Malaysia dan mengambil peluang daripada kadar faedah yang lebih rendah di luar negara. Sebahagian besar daripada pinjaman oleh PABK adalah untuk pembiayaan semula pinjaman luar negara sedia ada yang lebih mahal.

Sementara Malaysia terus menerima kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) pada tahun 2001, FDI bagi tujuan pengembangan dan pelaburan baru adalah lebih rendah kerana lebihan kapasiti, tatkala ekonomi sedunia adalah lembap. Aliran masuk FDI adalah terutamanya dana ekuiti baru bagi penggabungan strategik dalam sektor telekomunikasi dan perkhidmatan kewangan, manakala sebahagian kecilnya dalam sektor perkilangan. Bagi keseluruhan tahun 2001, aliran masuk bersih FDI adalah kecil, terutamanya disebabkan oleh suatu urus niaga besar di sektor swasta yang membabitkan pengambilan milik kawalan oleh syarikat Malaysia daripada rakan bukan pemastautin yang merupakan sebahagian daripada penstrukturan semula korporat. Pembelian ini dibiayai oleh terbitan sekuriti hutang jangka panjang kepada pelabur bukan pemastautin berkenaan dan pinjaman luar pesisir. Memandangkan aliran keluar itu adalah untuk membiayai pertukaran pemilikan, ia tidak memberi kesan kepada rizab atau jumlah aktiviti pelaburan di Malaysia. Pelaburan luar negara kekal tinggi pada suku pertama tahun 2001 tetapi telah berkurangan selepas itu kerana syarikat-syarikat mengambil pendekatan yang berhati-hati dalam rancangan pelaburan mereka di luar negara berikutan kelembapan ekonomi sedunia. Secara keseluruhannya, akaun kewangan mencatatkan aliran keluar yang jauh lebih rendah sebanyak RM14.8 bilion pada tahun 2001.

Kesilapan dan ketinggalan berjumlah sebanyak -RM8.9 bilion. Daripada jumlah ini, kerugian pertukaran asing yang belum direalisasi hasil daripada penilaian semula rizab berikutan naik nilai ringgit berbanding mata wang utama yang terpilih berjumlah sebanyak RM4.1 bilion. Tanpa kerugian ini, kesilapan dan ketinggalan sebanyak RM4.8 bilion mencerminkan kesilapan dan ketidakselarasan biasa yang berlaku semasa pengumpulan statistik imbangan pembayaran. Ini merupakan kurang daripada satu peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia, jelas dalam lingkungan piawai yang diterima pakai sebanyak 5% daripada jumlah perdagangan. Selepas kerugian dan ketinggalan diambil kira, imbangan pembayaran secara keseluruhan mencatatkan lebihan sebanyak RM3.7 bilion atau AS$964 juta. Justeru itu, rizab antarabangsa bersih BNM berjumlah sebanyak RM117.2 bilion atau AS$30.8 bilion pada penghujung

Kompilasi Imbangan Pembayaran berasaskan BPM 5

Sejak suku pertama tahun 2001, imbangan pembayaran Malaysia disusun selaras dengan garis panduan yang termaktub di dalam Buku Panduan Imbangan Pembayaran Edisi Kelima (BPM 5) Tabung Kewangan Antarabangsa. Ringkasan perubahan utama adalah seperti di bawah:

Format terdahulu	Format BPM 5
Barangan	**Barangan**
Perkhidmatan • Tambang dan insurans • Pengangkutan lain • Perjalanan dan pendidikan • Pendapatan pelaburan • Perkhidmatan lain • Urus niaga Kerajaan, t.d.d.	**Perkhidmatan** • Pengangkutan • Perjalanan • Perkhidmatan lain • Urus niaga Kerajaan, t.d.d.
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**Imbangan barangan dan perkhidmatan**
	Pendapatan • Pampasan pekerja • Pendapatan pelaburan
Pindahan	**Pindahan semasa**
Imbangan akaun semasa	**Imbangan akaun semasa**
Akaun modal jangka panjang • Sektor awam Kerajaan Persekutuan PABK Lain-lain • Sektor swasta	**Akaun modal** • Pindahan modal • Perolehan/pelupusan aset bukan kewangan bukan pengeluaran **Akaun kewangan** • Pelaburan langsung • Pelaburan portfolio • Pelaburan lain - Sektor awam - Sektor swasta
	Imbangan akaun modal dan kewangan
Imbangan asas	
Modal jangka pendek swasta	
Kesilapan dan ketinggalan	**Kesilapan dan ketinggalan**
Imbangan keseluruhan	**Imbangan keseluruhan**

Dari segi **akaun semasa,** perubahan utama adalah perpindahan kedudukan pendapatan pelaburan (terdahulu ia adalah komponen akaun perkhidmatan) sebagai akaun baru yang dinamakan Akaun Pendapatan.

Di bawah BPM 5, akaun modal yang terdahulu telah diperluaskan dan digelar sebagai **akaun modal dan kewangan**

- Akaun modal terdiri daripada dua kategori, iaitu pindahan modal dan perolehan/pelupusan aset bukan kewangan bukan pengeluaran.
- Akaun kewangan diklasifikasi menurut jenis pelaburan atau pengkelasan menurut fungsi seperti pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain. Di bawah susunan terdahulu, akaun modal telah diklasifikasi menurut kematangan dari segi perjanjian asal melebihi satu tahun (jangka panjang) dan satu tahun atau kurang (jangka pendek).

Data imbangan pembayaran bagi tahun 1999 dan 2000 telah diklasifikasi menurut format BPM 5.

tahun 2001 dan meningkat lagi kepada RM119.6 bilion atau AS$31.5 bilion pada 28 Februari 2002. Paras rizab ini merupakan 5.2 bulan import tertangguh dan adalah 5.1 kali lebih besar daripada hutang luar negara jangka pendek. Sekiranya pelunasan terjadual hutang jangka sederhana dan panjang yang akan matang pada tempoh 12 bulan akan datang diambil kira, paras rizab adalah lebih daripada tiga kali hutang jangka pendek. Rizab Malaysia tidak membebankan dan boleh diguna dengan serta merta.

Kesan yang dialami oleh Malaysia akibat daripada kitaran menurun elektronik dan kemerosotan dalam ekonomi global adalah menerusi rangkaian eksport. Pertumbuhan dalam eksport kasar, yang kekal positif semenjak tahun 1987 merosot sebanyak 10.4% pada tahun 2001. Eksport menguncup dalam semua sektor, termasuk sektor perkilangan dan komoditi utama. Walau bagaimanapun, oleh kerana struktur eksport yang ada sekarang mempunyai kandungan import yang tinggi, maka import juga merosot sebanyak 9.9%. Dengan itu, **lebihan dagangan** telah berkurangan, tetapi nilainya kekal besar pada RM53.7 bilion (AS$14.1 bilion). Ekoran daripada penyelarasan dalam penilaian dan liputan pada asas imbangan pembayaran, akaun barangan telah mencatatkan lebihan yang besar sebanyak RM69.9 bilion (AS$18.4 bilion). Penguncupan dalam eksport dan import bermula pada bulan Mac 2001, telah mencapai tahap yang tertinggi pada bulan September dan menyederhana pada suku keempat. Penurunan yang lebih sederhana dalam eksport dan pemulihan yang ketara dalam import telah menyokong penunjuk-penunjuk lain, bahawa menjelang akhir tahun 2001, keadaan ekonomi telah berada di tahap awal pemulihan.

Eksport barangan perkilangan, yang mencakup sebanyak 85.3% daripada jumlah eksport Malaysia, merosot sebanyak 10.3% pada tahun 2001. Kemerosotan adalah paling ketara dalam sektor elektronik (-16.3%). Eksport barangan elektrik adalah lebih berdaya tahan pada separuh tahun pertama, dan hanya menguncup pada separuh tahun kedua. Bagi keseluruhan sektor perkilangan, kemerosotan dalam harga (-6.1%) adalah lebih nyata daripada kemerosotan dalam jumlah (-4.1%) kerana firma-firma menurunkan harga secara agresif untuk mengekalkan bahagian pasaran dalam suasana permintaan yang lemah dan stok yang berlebihan. Mencerminkan tanda-tanda perkembangan yang

Jadual 1.20
Perdagangan Luar Negara

	2000	2001	2000	2001
	RM bilion		US$ bilion	
Eksport kasar (f.o.b)	**373.3**	**334.4**	**98.2**	**88.0**
Perubahan tahunan (%)	16.1	-10.4	16.1	-10.4
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	11.6	-3.3	11.6	-3.3
Harga[1]	6.2	-7.7	6.2	-7.7
Import kasar (c.i.f)	**311.5**	**280.7**	**82.0**	**73.9**
Perubahan tahunan (%)	25.3	-9.9	25.3	-9.9
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	15.5	-3.0	15.5	-3.0
Harga[1]	8.5	-7.1	8.5	-7.1
Imbangan perdagangan	**61.8**	**53.7**	**16.2**	**14.1**

[1] Kiraan jumlah dagangan dan harga adalah kiraan.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

positif dalam persekitaran luar negara menjelang penghujung tahun, kadar kemerosotan dalam perolehan daripada eksport perkilangan menyederhana dengan nyata kepada 12.4% pada suku keempat berbanding penyusutan sebanyak 20.4% pada suku ketiga. Berbanding suku sebelumnya, eksport perkilangan mencatatkan peningkatan sebanyak 2% pada suku keempat, iaitu peningkatan suku tahunan yang pertama dalam tempoh lebih daripada setahun.

Sementara pengeluar dan pengeksport terus mempertingkatkan rantaian nilai dan memperbaiki kualiti keluaran untuk meningkatkan daya saing antarabangsa mereka, usaha juga dijalankan untuk meneroka peluang pasaran eksport. Pada tahun 2001, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah berjaya mengelolakan penyertaan pengeksport-pengeksport Malaysia di dalam 26 pesta perdagangan antarabangsa di pasaran tradisional seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman, destinasi Asia Pasifik seperti Australia, Hong Kong SAR, India, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei Darussalam dan pasaran-pasaran baru di negara-negara Timur Tengah, negara-negara Afrika Selatan dan Vietnam. Mencerminkan komitmen Kerajaan untuk mempromosikan barangan Malaysia di pasaran baru, MATRADE telah mengelolakan satu pesta perdagangan di Madagascar. Sementara itu, di bawah Program Bantuan Teknikal Pusat Promosi ASEAN, pengeksport Malaysia mengambil bahagian dalam enam lagi pesta perdagangan antarabangsa yang diadakan di Jepun.


Jadual 1.21
Eksport Kasar

	2001*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan perkilangan di antaranya:	**285,316**	**-10.3**	**85.3**
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	200,307	-13.1	59.9
Elektronik	139,632	-16.3	41.8
Separa konduktor	*60,530*	*-14.9*	*18.1*
Komponen elektronik	*79,102*	*-17.3*	*23.7*
Jentera dan peralatan elektrik	60,675	-4.7	18.1
Barangan elektrik pengguna	*23,591*	*-10.9*	*7.1*
Barangan elektrik perindustrian dan komersil	*23,518*	*-0.6*	*7.0*
Perkakas dan jentera elektrik perindustrian	*12,462*	*-1.0*	*3.7*
Peralatan elektrik isi rumah	*1,104*	*22.3*	*0.3*
Tekstil, pakaian dan kasut	9,054	-13.2	2.7
Kimia dan keluaran kimia	14,879	-0.9	4.4
Keluaran kayu	6,017	-11.5	1.8
Keluaran logam	8,692	0.9	2.6
Kelengkapan pengangkutan	2,427	-16.4	0.7
Keluaran getah	4,466	-4.9	1.3
Kelengkapan optikal dan saintifik	7,802	14.3	2.3
Komoditi pertanian	**19,966**	**-13.2**	**6.0**
di antaranya:			
Minyak sawit	*9,876*	*-0.7*	*3.0*
Kayu siap digergaji	*2,273*	*-24.7*	*0.7*
Kayu balak	*1,886*	*-26.6*	*0.6*
Getah	*1,523*	*-38.8*	*0.5*
Galian:	**23,445**	**-12.6**	**7.0**
di antaranya:			
Minyak mentah	*11,118*	*-21.9*	*3.3*
Gas asli cecair	*11,342*	*-0.7*	*3.4*
Timah	*461*	*6.0*	*0.1*
Lain-lain eksport	**5,693**	**2.8**	**1.7**
Jumlah	**334,420**	**-10.4**	**100.0**


a Awalan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Graf 1.40
Prestasi Eksport Sektor Perkilangan



Graf 1.41
Prestasi Eksport Industri-industri Elektronik dan Bukan Elektronik




Di sektor **komoditi utama**, perolehan eksport merosot sebanyak 12.9% kepada RM43.4 bilion disebabkan oleh kemerosotan eksport kesemua komoditi utama, kecuali koko. Kuantiti minyak sawit yang dieksport meningkat disebabkan oleh peningkatan permintaan daripada pembeli utama iaitu, India, Republik Rakyat China, Pakistan dan Kesatuan Eropah pada tahun 2001. Namun begitu, jumlah perolehan eksport daripada minyak sawit merosot memandangkan lebihan penawaran di pasaran minyak sayuran dunia telah menyebabkan kemerosotan dalam harga eksport komoditi tersebut.

Perolehan eksport daripada **galian** merosot disebabkan oleh harga dan jumlah eksport yang lebih rendah. Khususnya, eksport minyak mentah merosot, mencerminkan terutamanya harga minyak yang lebih rendah, dengan harga merosot sebanyak AS$4 setong kepada AS$25.53 sejajar dengan arah aliran sedunia, serta jumlah eksport yang lebih rendah. Eksport gas asli cecair juga merosot pada tahun 2001 disebabkan oleh harga yang lebih rendah sejajar dengan kejatuhan dalam harga minyak, manakala jumlah eksport hanya meningkat sedikit.

Penurunan dalam **import kasar** dicerminkan dalam jumlah dan harga import yang lebih rendah. Import **barangan pengantara** yang mencakup sebanyak 72% daripada jumlah import merosot sebanyak 13.3%. Sumber utama kemerosotan tersebut adalah penurunan dalam import bagi bahagian komponen elektronik (mencakup sebanyak 65% daripada import alat ganti serta aksesori bagi barangan modal, dan sebanyak 27% daripada jumlah import) dan bekalan industri yang digunakan sebagai komponen alat ganti dalam pengeluaran eksport perkilangan. Industri elektronik mengalami penguncupan yang besar dalam keluaran dan tempahan eksport pada tahun 2001. Kebanyakan industri elektronik telah mengurangkan inventori yang dikumpul semasa pengembangan kapasiti yang pesat pada tahun 2000.

Satu perkembangan yang nyata ialah peningkatan yang berterusan dalam import pengantara yang berkaitan dengan pengilangan barangan untuk pasaran dalam

Graf 1.42
Import



Jadual 1.22
Import Kasar Mengikut Penggunaan Akhir

	2001*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan modal	**43,675**	**-1.1**	**15.6**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	41,000	-2.1	14.6
Alat jentera dan perkakas untuk industri	*12,253*	*-19.1*	*4.4*
Alat kelengkapan pejabat	*6,567*	*75.1*	*2.3*
Alat kelengkapan telekomunikasi	*4,602*	*33.9*	*1.6*
Alat kelengkapan pengangkutan	2,675	17.7	1.0
Barangan pengantara	**201,753**	**-13.3**	**71.9**
Makanan dan minuman, khusus untuk industri	4,179	8.9	1.5
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	63,105	-6.5	22.5
Logam dan barangan logam	*17,083*	*-6.5*	*6.1*
Bahan kimia	*7,043*	*-9.9*	*2.5*
Bahan api dan pelincir	11,659	-3.6	4.2
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	117,391	-18.6	41.8
Elektronik	*6,341*	*-19.1*	*27.2*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan telekomunikasi	*7,239*	*-19.7*	*2.6*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	5,418	31.3	1.9
Barangan penggunaan	**17,555**	**3.0**	**6.3**
Makanan dan minuman, khusus untuk penggunaan isirumah	7,174	11.1	2.6
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	121	25.4	0.0
Baranganan pengguna, t.s.t.l.	10,259	-2.1	3.7
Barangan tahan lama	*2,225*	*10.0*	*0.8*
Barangan separa tahan lama	*3,604*	*-17.5*	*1.3*
Barangan tidak tahan lama	*4,431*	*8.2*	*1.6*
Barangan dua guna	**5,843**	**-8.6**	**2.1**
Minyak	2,462	-0.3	0.9
Kereta penumpang	3,381	-13.8	1.2
Lain-lain	**5,074**	**9.1**	**1.8**
Eksport semula	**6,791**	**4.2**	**2.4**
Import kasar	**280,691**	**-9.9**	**100.0**

a Awalan
t.s.t.l.: Tidak disenarai di tempat lain.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

negeri, yang disokong oleh kesan positif program rangsangan fiskal serta kadar faedah yang rendah. Import bahan utama dan yang telah diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman meningkat, mencerminkan perbelanjaan pengguna yang berterusan bagi barangan makanan dan minuman. Import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan turut meningkat dengan nyata sebanyak 31.3%, sejajar dengan prestasi kukuh dalam industri pemasangan kereta dan jualan kenderaan penumpang. Ini telah menyumbang kepada peningkatan permintaan dalam negeri untuk minyak dan pelincir tetapi nilai import bagi kedua-duanya menurun disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih rendah.

Penangguhan rancangan pelaburan swasta berikutan kelembapan pertumbuhan ekonomi dan lebihan kapasiti pada ekonomi dalam negeri telah menyebabkan kemerosotan sebanyak 1.1% dalam import **barangan modal**. Meskipun pelaburan dalam sektor perkilangan telah menyederhana, pengembangan kapasiti dalam sektor perkhidmatan telah meringankan penurunan dalam import barangan modal. Import barangan modal bernilai tinggi yang merosot, yang digunakan terutamanya dalam sektor perkilangan termasuklah jentera perindustrian dan kelengkapan serta penjana kuasa, motor elektrik dan turbin bagi penjanaan kuasa. Mencerminkan peningkatan dan pemodenan perniagaan dan sektor perkhidmatan yang terus kukuh, import barangan pejabat meningkat dengan kukuhnya. Import kelengkapan telekomunikasi turut meningkat dengan nyata, didorong oleh usaha yang berterusan untuk meningkat dan memodenkan sistem

Jadual 1.23
Haluan Perdagangan Luar Negara

	2001*a*				
	Ekport		Import		Imbangan perdagangan
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahaian	RM juta
Negara-negara ASEAN terpilih	83,107	24.9	63,168	22.5	19,939
Singapura	56,669	16.9	35,313	12.6	21,356
Negeri Thai	12,768	3.8	11,121	4.0	1,647
Indonesia	5,940	1.8	8,517	3.0	-2,577
Filipina	4,893	1.5	6,989	2.5	-2,097
Lain-lain negara ASEAN	2,838	0.9	1,228	0.4	1,610
Kesatuan Eropah (EU)	45,462	13.6	36,075	12.9	9,387
United Kingdom	8,779	2.6	6,872	2.4	1,907
Jerman	7,767	2.3	10,415	3.7	-2,648
Negeri Belanda	15,429	4.6	2,466	0.9	12,964
Lain-lain	13,487	4.1	16,322	5.9	-2,836
Amerika Syarikat	67,672	20.2	44,841	16.0	22,832
Jepun	44,503	13.3	54,002	19.2	-9,499
Republic Rakyat China	14,520	4.3	14,457	5.2	63
Hong Kong SAR	15,299	4.6	7,191	2.6	8,108
Taiwan	12,117	3.6	15,932	5.7	-3,815
Korea Selatan	11,157	3.3	11,240	4.0	-83
India	5,993	1.8	2,935	1.0	3,058
Australia	7,798	2.3	5,944	2.1	1,854
Lain-lain negara di dunia	26,792	8.1	24,906	8.8	1,885
Jumlah	**334,420**	**100.0**	**280,691**	**100.0**	**53,729**

a awalan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

telekomunikasi. Dengan firma-firma pengeluar kelengkapan pengangkutan beroperasi pada tahap kapasiti sebanyak 95%, import kelengkapan pengangkutan untuk tujuan perindustrian turut meningkat dengan ketara. Antaranya ialah import kenderaan perdagangan dan bas, serta lokomotif dan gerabak keretapi, berikutan siapnya pembinaan Lingkaran Rel Ekspres yang menghubungkan KLIA dan stesen Kuala Lumpur Sentral.

Sejajar dengan perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh, import **barangan pengguna** terus meningkat sebanyak 3% pada tahun 2001. Pertumbuhan dalam import barangan pengguna juga adalah disebabkan terutamanya oleh import makanan dan minuman yang lebih tinggi, seperti susu dan keluaran tenusu, ikan, minuman, daging dan sayur-sayuran. Import barangan tahan lama dan tidak tahan lama juga adalah lebih tinggi pada tahun ini. Import barangan pengguna mencakup bahagian yang lebih kecil sebanyak 6.3% daripada jumlah import. Pada tahun 2001, kepentingan relatif **rakan perdagangan** utama Malaysia, iaitu Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Kesatuan Eropah secara amnya kekal tidak berubah. Negara-negara ini mencakup sebanyak 62.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia. **Amerika Syarikat** kekal sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia dengan mencakup sebanyak 18.3% daripada jumlah perdagangan. Import daripada AS menurun sebanyak 13.3% sementara permintaan AS untuk barangan Malaysia turut merosot sebanyak 11.6% sejajar dengan pertumbuhan ekonomi AS yang lebih perlahan. Walaupun lebihan dua hala masih tinggi dan memihak kepada Malaysia, ianya terus menurun kepada RM22.8 bilion.

Jepun mengekalkan kedudukannya sebagai rakan perdagangan yang kedua terbesar dengan bahagian yang rendah sedikit iaitu sebanyak 16% daripada jumlah perdagangan. Jepun kekal sebagai sumber import Malaysia yang paling penting, walaupun bahagian pasarannya menurun kepada 19.2% daripada jumlah import. Ini sebahagiannya mencerminkan kos import yang lebih murah daripada Jepun akibat daripada kesan penilaian semula yen yang lebih lemah. Import daripada Jepun meliputi khususnya jentera, komponen elektronik dan elektrik serta alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan. Eksport ke Jepun turut merosot sebanyak 8.7%, mencerminkan sebahagiannya penerimaan yang lebih rendah daripada eksport

galian bahan api disebabkan oleh harga minyak mentah dan permintaan yang lebih lemah berikutan kemelesetan ekonomi di Jepun. Hasilnya, defisit perdagangan tradisional dengan Jepun menguncup hampir separuh kepada RM9.5 bilion.

Singapura kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia yang ketiga terpenting, mencakup bahagian yang lebih rendah sebanyak 15% daripada jumlah perdagangan. Penurunan perdagangan serantau dan peningkatan kepentingan pelabuhan-pelabuhan Malaysia sebagai pusat pemunggahan telah menyumbang kepada kemerosotan bahagian eksport ke Singapura. Hasilnya, lebihan perdagangan dengan Singapura menguncup kepada RM21.4 bilion. Sementara itu, perdagangan dengan **Kesatuan Eropah** meningkat kepada 13.3% daripada jumlah perdagangan. Lebihan perdagangan yang memihak kepada Malaysia menurun dengan nyata kepada RM9.4 bilion kerana eksport ke EU merosot tetapi nilai import dari EU (terutamanya Jerman) meningkat pada tahun 2001.

Mencerminkan kelembapan pertumbuhan ekonomi di negara-negara serantau, corak perdagangan dengan negara-negara **Asia Timur** (kecuali Republik Rakyat China) menunjukkan tren menurun. Perdagangan dua hala dengan beberapa negara ASEAN, kecuali Brunei Darussalam, merosot pada tahun 2001. Mencerminkan perubahan mendapatkan import daripada pembekal berkos lebih rendah, Malaysia terus mengalami defisit perdagangan dua hala dengan Filipina dan Indonesia. Begitu juga, perdagangan dua hala dengan beberapa negara maju Asia juga adalah lebih rendah pada tahun 2001, disebabkan oleh penurunan yang nyata dalam eksport dan import.


Satu perkembangan yang nyata ialah peningkatan mendadak dalam perdagangan dengan **Republik Rakyat China**, yang menjadi rakan perdagangan Malaysia yang keempat terbesar dengan bahagiannya meningkat kepada 4.7% daripada jumlah perdagangan. Meskipun eksport ke negara-negara perindustrian utama, iaitu destinasi utama lain di rantau Timur Jauh (Hong Kong SAR, Taiwan dan Korea Selatan) dan ASEAN menurun pada tahun 2001, eksport ke Republik Rakyat China meningkat dengan kukuh sebanyak 26.2%, mencerminkan pertumbuhan ekonomi Republik Rakyat China yang kekal kukuh.

Bagi empat tahun berturut-turut, lebihan akaun barangan yang tinggi dan mapan telah menjana pendapatan pertukaran asing yang cukup untuk membiayai defisit akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa. Pada tahun 2001, aliran keluar bersih dalam akaun **pindahan semasa** meningkat kepada RM8.1 bilion. Peningkatan ini mencerminkan penghantaran balik pendapatan pekerja asing yang lebih tinggi, termasuk penghantaran balik hanya sekali pendapatan oleh sebilangan pekerja yang pulang ke negara asal berikutan penyatuan aktiviti-aktiviti dalam industri perkilangan berorientasikan eksport. Sejumlah 769,566 pekerja asing berdaftar di negara ini pada tahun 2001.


Defisit **akaun perkhidmatan** mengecil dengan ketara sebanyak 25.4% kepada RM8.4 bilion atau 2.7% daripada KNK. Pencapaian ini mencerminkan peningkatan yang amat kukuh dalam lebihan akaun perjalanan dan pembayaran yang lebih rendah selaras dengan kelembapan aktiviti eksport dan import.

Lebihan bersih di dalam **akaun perjalanan** meningkat sebanyak 62% kepada RM16.1 bilion. Prestasi yang memberangsangkan dalam akaun perjalanan mencerminkan kenaikan yang nyata dalam ketibaan pelancong (25% kepada 12.8 juta pelawat) dan pelawat harian (46.2% kepada 10.2 juta pelawat harian). Hasil daripada rekod jumlah pelawat asing yang besar dan perbelanjaan per kapita yang meningkat (11.8% kepada RM1,896), perolehan daripada pelancong (termasuk pelawat harian) meningkat kepada paras yang belum pernah dicapai iaitu RM25.8 bilion. Perolehan daripada pelancongan merupakan sumber kedua terbesar pendapatan pertukaran asing selepas eksport elektronik dan elektrik. Penambahan sebanyak 47.5% dalam perolehan pelancongan melebihi matlamat Rancangan Malaysia Kelapan yang mensasarkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 9.5%. Prestasi yang memberangsangkan ini mencerminkan kejayaan dalam strategi dan dasar yang disasarkan dengan betul, khususnya usaha promosi dalam mempelbagaikan bidang yang berpotensi tinggi dan ke pasaran baru di Eropah Timur, Asia Barat, India dan Republik Rakyat China. Industri pelancongan juga mendapat manfaat daripada strategi untuk menyediakan produk beraneka yang meluas bagi pasaran pelancongan seperti eko-pelancongan, agro-pelancongan serta pelancongan perahu layar dan menjadi tuan rumah kepada perhimpunan antarabangsa dan acara sukan penting seperti Formula One Race dan Le Tour de Langkawi, dan pesta yang ditujukan khusus untuk pembeli-belah seperti Karnival Jualan Mega dan pertunjukan *Langkawi International Maritime dan*

Graf 1.43
2001: Komponen Pembayaran Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



Graf 1.44
2001: Komponen Perolehan Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



Aviation (LIMA). Karnival Jualan Mega, khususnya, menyumbang kepada peningkatan ketara kepada jumlah pelawat harian.

Sementara itu, usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau diteruskan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2001, ketidakpastian yang menggugat ekonomi serantau dan peningkatan persaingan daripada Filipina, Singapura dan Thailand telah mempengaruhi jumlah pelajar-pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia. Akibatnya, jumlah pelajar antarabangsa bagi semua peringkat pendidikan (merangkumi pendidikan rendah, menengah dan tinggi) di kedua-dua institusi awam dan swasta menguncup sebanyak 23.5% kepada 20,384 pelajar. Ini dicerminkan dalam penurunan penerimaan pendidikan sebanyak 10.1%. Pelajar daripada Indonesia dan Republik Rakyat China terus mencakup sejumlah besar pelajar asing di Malaysia. Dari segi pembayaran, perbelanjaan ke atas perjalanan dan pendidikan ke luar negeri menunjukkan peningkatan perniagaan perjalanan dan jumlah pelajar yang belajar di luar negeri.

Defisit **akaun pengangkutan** telah dikekang pada RM11.4 bilion disebabkan pengurangan dalam perolehan yang diimbangi dengan penurunan dalam pembayaran. Pembayaran kasar ke luar negara mencatat penurunan yang sederhana selaras dengan pembayaran tambang yang lebih rendah disebabkan oleh jumlah dagangan dan kadar tambang yang lebih rendah. Perolehan kasar juga menurun berikutan kemerosotan perolehan tambang penumpang dan perkhidmatan kargo udara yang disediakan oleh penerbangan nasional, mencerminkan penurunan


Jadual 1.24
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

Subsektor	2000	2001*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	-	Bersih
Akaun Perkhidmatan				
Pengangkutan	-11.4	10.4	21.8	-11.4
Perjalanan	10.0	26.1	9.9	16.1
Perkhidmatan Lain	-9.9	17.9	31.1	-13.2
Urus niaga Kerajaan	0.1	0.5	0.5	...
RM bilion	**-11.2**	**54.9**	**63.3**	**-8.4**
AS$ bilion	**-3.0**	**14.5**	**16.7**	**-2.2**
% daripada KNK	-3.6			-2.7
Akaun Pendapatan				
Pampasan Pekerja	-0.6	1.4	2.4	-1.0
Pendapatan Pelaburan	–27.9	5.3	30.2	-24.9
RM bilion	**-28.6**	**6.7**	**32.6**	**-25.9**
AS$ bilion	**-7.5**	**1.8**	**8.6**	**-6.8**
% daripada KNK	-9.1			-8.5

a Anggaran

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Graf 1.45
Ketibaan dan Perolehan Pelancongan



a Awalan

dalam permintaan daripada negara-negara jiran. Perolehan daripada perkhidmatan sewa khas juga lebih rendah. Walaupun terdapat penurunan dalam dagangan luar, perolehan daripada perkhidmatan kargo yang disediakan oleh syarikat-syarikat utama perkapalan domestik dan aktiviti berkaitan pelabuhan terus meningkat sepanjang tahun. Peningkatan dalam kapasiti perkapalan serta perkembangan kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan menyebabkan meningkatnya truput kontena bagi enam pelabuhan utama sebanyak 43.5% kepada 7.3 juta TEU pada tahun 2001. Peningkatan dalam jumlah yang dikendalikan adalah selaras dengan pertumbuhan dalam dagangan pemindahan kargo, terutamanya pemindahan kargo yang dikendalikan oleh Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP). Gabungan perniagaan strategik dan kemahiran pengurusan yang diberikan oleh rakan kongsi asing membantu meningkatkan kecekapan dan kapasiti pengendalian pelabuhan yang menghasilkan jumlah aktiviti yang lebih tinggi.

Akaun **perkhidmatan lain** mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM13.2 bilion. Kemerosotan berpunca daripada penurunan yang ketara dalam perolehan eksport berikutan permintaan asing yang lebih rendah bagi perkhidmatan kontrak dan profesional yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat Malaysia. Sementara itu, pembayaran bagi perkhidmatan yang diimport menurun secara sederhana disebabkan terutamanya oleh permintaan bagi perkhidmatan pembinaan dan kejuteraan yang lebih rendah sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, perolehan dalam aktiviti sektor berkaitan dengan perkhidmatan komunikasi dan perkhidmatan komputer dan maklumat (peningkatan ICT) dan aktiviti penggabungan dan penyusunan semula korporat, perkhidmatan perbankan dan kewangan kekal mapan. Penerimaan dalam akaun perkhidmatan lain juga mencerminkan peningkatan dalam penggabungan perniagaan strategik menyebabkan import perkhidmatan lain seperti perkhidmatan perniagaan, profesional dan kemahiran teknikal menjadi lebih tinggi.

Defisit **akaun pendapatan** pelaburan menurun sebanyak 9.1% kepada RM25.9 bilion atau 8.5% daripada KNK pada tahun 2001. Pemulihan tersebut mencerminkan pemulangan keuntungan dan dividen terakru kepada pelabur asing langsung, disebabkan oleh pendapatan eksport yang lebih rendah daripada industri berorientasikan elektronik dan elektrikal. Pemulangan keuntungan dan dividen kepada pelabur asing langsung menyumbang kepada 90% daripada pengaliran keluar bersih dalam jumlah pendapatan tersebut. Walau bagaimanapun, pengaliran luar sebenar pendapatan pelaburan adalah lebih rendah oleh kerana sebahagian besar keuntungan dan dividen telah dilaburkan semula dalam negara. Pengaliran keluar bersih keuntungan dan dividen terakru ke atas pelaburan portfolio juga menurun dengan ketara. Walau bagaimanapun, komponen pelaburan lain (terutamanya pendapatan faedah) dalam akaun pendapatan bertukar kepada kedudukan defisit, oleh kerana kadar faedah luar negara yang lebih rendah menyebabkan pulangan yang lebih rendah bagi aset-aset luar BNM dan sektor korporat (termasuk bank perdagangan).

Akaun kewangan imbangan pembayaran menunjukkan perkembangan yang memuaskan pada tahun 2001, dengan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM14.8 bilion. Perkembangan baik ini adalah disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih modal jangka pendek yang lebih rendah serta pinjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta bukan bank yang lebih tinggi.

Mencerminkan komitmen pelabur asing yang berterusan untuk melaksanakan projek baru serta projek pengembangan dan pelbagaian di Malaysia, jumlah cadangan pelaburan asing yang diluluskan oleh Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa kekal kukuh pada tahun 2001, iaitu sebanyak RM18.3 bilion. Dari segi **pelaburan langsung sebenar di Malaysia**, aliran masuk untuk projek-projek baru dan pengembangan adalah rendah pada tahun 2001. Aliran masuk yang rendah dalam sektor perkilangan pada tahun 2001 mencerminkan pelaksanaan penyatuan oleh syarikat multinasional berikutan penurunan permintaan global serta kapasiti yang berlebihan. Walau bagaimanapun, aliran masuk ekuiti baru untuk menubuhkan penggabungan strategik dengan rakan perkongsian di Malaysia, terutamanya dalam sektor telekomunikasi dan Perkhidmatan kewangan, adalah nyata pada tiga suku pertama tahun 2001. Aliran masuk sebegini adalah lebih kecil dari segi purata saiz dolar dan mempunyai kandungan import yang rendah, tetapi membawa teknologi dan kemahiran lain yang akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti negara.

Pelaburan langsung bersih di Malaysia berjumlah sebanyak RM5.2 bilion pada tiga suku pertama tahun 2001. Penjualan hak milik strategik dalam satu syarikat perkhidmatan kepada pemastautin di

Jadual 1.25
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2000	2001*a*	2000	2001*a*
	RM bilion		AS$ bilion	
Akaun Kewangan	**-23.8**	**-14.8**	**-6.3**	**-3.9**
Pelaburan Langsung	**6.7**	**1.0**	**1.8**	**0.3**
Di Malaysia (pelaburan langsung asing)	14.4	2.1	3.8	0.6
Di luar negara (pelaburan di luar negara)	-7.7	-1.1	-2.0	-0.3
Pelaburan Portfolio	**-9.4**	**-2.5**	**-2.5**	**-0.7**
Pelaburan Lain	**-21.1**	**-13.4**	**-5.6**	**-3.5**
Sektor awam	3.9	7.1	1.0	1.9
Kerajaan Persekutuan (bersih)	0.9	6.3	0.2	1.7
Pinjaman kasar	4.8	7.0	1.3	1.8
Pembayaran balik	3.9	0.7	1.0	0.2
PABK (bersih)	3.1	0.9	0.8	0.2
Pinjaman kasar	6.9	10.7	1.8	2.8
Pembayaran balik	3.8	9.8	1.0	2.6
Sektor swasta	-25.1	-20.5	-6.6	-5.4

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Malaysia pada suku keempat telah mengimbangi sebahagian besar aliran masuk bersih ini. Oleh yang demikian, aliran masuk bersih pelaburan langsung di Malaysia menyederhana kepada RM2.1 bilion untuk keseluruhan tahun 2001.

Penjualan hak milik strategik oleh pelabur bukan pemastautin pada suku keempat tahun 2001 mencerminkan keputusan yang dibuat oleh syarikat Malaysia untuk mengambilalih hak milik dari rakan perkongsian bukan pemastautin. Pengambilalihan ini adalah untuk membolehkan syarikat Malaysia tersebut menguasai semula syarikat subsidiarinya, sebagai sebahagian daripada usaha penstrukturan semula syarikat. Pengambilalihan ini dibiayai melalui penerbitan sekuriti hutang jangka panjang kepada pelabur-pelabur bukan pemastautin serta peminjaman luar negara. Oleh yang demikian, urus niaga yang hanya melibatkan pertukaran hak milik syarikat subsidiari tidak mempunyai kesan ke atas rizab antarabangsa ataupun aktiviti pelaburan dalam negeri kerana aliran keluar pelaburan langsung diimbangi oleh aliran masuk dana daripada sekuriti hutang yang diterbitkan kepada bukan pemastautin (pelaburan portfolio) dan pinjaman luar negara.

Kerajaan terus komited untuk menyediakan suasana pelaburan dan perusahaan yang berdaya saing dari segi kos untuk kedua-dua pelabur asing dan tempatan. Sehubungan dengan ini, kerajaan terus menyediakan Pakej Galakan Istimewa yang disusun khas untuk memenuhi keperluan tertentu setiap pelabur yang membawa masuk pelaburan berkualiti dalam sektor ekonomi yang digalakkan untuk meningkatkan daya saing. Beberapa insentif yang sedia ada juga telah ditingkatkan untuk menarik pelaburan yang berteknologi tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi, selaras dengan strategi pertumbuhan Malaysia. Untuk menggalakkan pelabur asing yang sedia ada supaya terus mengembangkan dan mempelbagaikan projek mereka ke tahap pelaburan yang berkualiti tinggi, tempoh elaun pelaburan semula telah ditingkatkan daripada lima kepada 15 tahun dalam Belanjawan tahun 2002. Garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing mengenai pemerolehan harta tanah oleh rakyat asing telah dilonggarkan lagi pada bulan April 2001.

Pelaburan langsung di luar negara oleh syarikat milikan Malaysia kekal tinggi pada RM1.1 bilion pada suku pertama tahun 2001, mencerminkan keputusan strategik yang diambil oleh syarikat di Malaysia untuk meningkatkan sinergi. Sebahagian besar dari pelaburan dalam tempoh ini disebabkan oleh pengambilalihan aktiviti penanaman kelapa sawit di Indonesia. Menjelang pertengahan tahun, pelaburan langsung di luar negara berkurangan, apabila syarikat mengambil pendekatan berhati-hati dalam rancangan pelaburan luar negara mereka berikutan kelembapan ekonomi global. Sebagai sebahagian daripada usaha penstrukturan semula korporat, sesetengah syarikat juga menjual perniagaan mereka di luar negara dan menghantar balik perolehan tersebut ke Malaysia. Perolehan ini telah mengimbangi sebahagian besar aliran keluar pada awal tahun 2001. Untuk keseluruhan tahun, pelaburan langsung di luar negara mencatatkan aliran keluar bersih yang kecil, sebanyak RM1.1 bilion. Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) terus membuat pelaburan di luar negara, terutamanya dalam sektor pertanian dan minyak dan gas, terutamanya di Indonesia dan China.

Pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang nyata lebih rendah sebanyak RM2.5 bilion pada tahun 2001, iaitu lebih kurang satu suku daripada jumlah yang dicatatkan pada tahun terdahulu. Walaupun terdapat ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global, aliran keluar pelaburan portfolio adalah nyata rendah kerana jumlah pelabur portfolio asing telah sedia rendah dalam pasaran Malaysia. Pada separuh tahun kedua, kemajuan yang dicapai dalam proses penstrukturan semula korporat telah membantu meningkatkan sentimen dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, justeru menarik kemasukan aliran dana baru, terutamanya pada suku tahun ketiga. Walau bagaimanapun, ketidakpastian

berikutan peristiwa pada 11 September telah menyebabkan aktiviti pengambilan untung yang mengakibatkan aliran keluar bersih pada suku keempat. Berikutan penyiaran lebih banyak penunjuk-penunjuk yang menyokong pemulihan ekonomi, pelaburan portfolio mengukuh untuk mencatatkan aliran masuk bersih pada dua bulan pertama tahun 2002.

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih yang nyata lebih rendah sebanyak RM13.4 bilion pada tahun 2001. **Akaun sektor awam** mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM7.1 bilion, mengandungi terutamanya ambilan pinjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan. Pembayaran balik pinjaman adalah rendah pada tahun 2001.

Walaupun Kerajaan Persekutuan masih mengamalkan dasar berhemat untuk mengekalkan hutang pada tahap yang rendah, namun Kerajaan telah mengambil peluang dari keadaan pasaran yang memuaskan serta kadar faedah yang rendah untuk memasuki pasaran modal antarabangsa untuk mengekalkan kehadiran dalam pasaran dan menentukan kadar penanda aras untuk syarikat di Malaysia. Perolehan daripada terbitan Nota bernilai AS$1 bilion pada bulan Julai, pinjaman bersindiket sebanyak AS$540 juta pada bulan Disember serta ambilan pinjaman di bawah Inisiatif Miyazawa berjumlah RM7 bilion. Walaupun pinjaman kasar PABK meningkat dengan nyata pada tahun 2001, sebahagian besar dari pinjaman baru ini digunakan untuk membiayai semula pinjaman luar negara sedia ada yang lebih mahal.

Sektor swasta mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM20.5 bilion disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih modal jangka pendek lain yang lebih rendah. Terdapat kurang insentif untuk pemastautin menyimpan dana mereka di luar negara apabila kadar faedah di luar negara dikurangkan untuk menyokong aktiviti ekonomi. Perbezaan kadar faedah yang beralih memihak kepada Malaysia selepas bulan September telah menggalakkan penghantaran balik perolehan eksport yang lebih awal, sementara kredit perdagangan yang diberikan kepada pengimport asing berkurangan. Aset luaran bersih institusi perbankan juga berkurangan pada separuh tahun kedua berikutan berkurangnya penyimpanan mata wang asing di antara bank akibat daripada berkurangnya aktiviti lindung nilai oleh pengimport. Di samping aliran keluar modal jangka pendek yang rendah, terdapat juga aliran masuk bersih pinjaman luar negara oleh sektor bukan bank, terutamanya untuk membiayai pembelian aset bukan pemastautin sebagai sebahagian dari usaha penstrukturan semula korporat.

Hutang Luar Negara

Pengurusan hutang luar negara yang berhemat masih lagi merupakan perkara penting dalam dasar awam pada tahun 2001. Dalam menguruskan risiko dan pendedahan mudah tunai, Malaysia mengekalkan strategi pengurusan hutang luar negara yang telah pun menerapkan garis panduan antarabangsa yang dicadangkan berikutan krisis Asia untuk diterima pakai oleh ekonomi berasaskan pasaran yang baru muncul bagi pengurusan hutang yang berkesan. Syarikat yang mendapat dana luar negara bagi tujuan operasi di Malaysia adalah diperlukan untuk memperolehi pendapatan pertukaran asing bagi membayar balik hutang berkenaan. Pada masa yang sama, mereka juga digalakkan untuk mengambil pinjaman yang mempunyai tempoh matang yang lebih panjang, sementara pinjaman jangka pendek oleh sektor swasta bukan kewangan untuk membiayai pelaburan jangka panjang adalah tidak digalakkan. Dasar ini berkesan dalam membendung hutang luar negara Malaysia pada tahap yang rendah dengan hutang jangka pendek hanya mencakupi bahagian kecil daripada jumlah hutang, manakala profil hutang cenderung kepada tempoh kematangan yang lebih panjang. Kira-kira dua pertiga daripada hutang jangka sederhana dan panjang mempunyai baki tempoh matang yang melebihi tiga tahun. Pada keseluruhannya, strategi pengurusan hutang yang aktif ini telah membolehkan Malaysia memperkukuhkan asas-asas utama dan mengurangkan pendedahan kepada kejutan luar.

Hasil daripada dasar ini dan sistem pengawasan hutang yang cekap, kedudukan hutang luar negara secara relatifnya kekal pada paras yang rendah. Jumlah hutang luar negara yang belum dijelaskan meningkat dengan sederhana iaitu sebanyak 7.6% kepada RM169.8 bilion (AS$44.7 bilion) pada akhir tahun 2001. Nisbah hutang luar negera kepada KNK meningkat kepada 55.4% (tahap tertinggi dicatatkan adalah 64% pada tahun 1997 berikutan krisis Asia). Nisbah bayaran khidmat hutang (tidak termasuk prabayaran) kekal rendah pada 6.2%. Arah aliran dunia yang menunjukkan kadar faedah yang lebih rendah telah memberi kesan yang positif dari segi pengurangan bayaran faedah ke atas hutang luar negara Malaysia yang sedia ada. Namun begitu, jumlah pembayaran khidmat hutang bertambah dari segi nilai iaitu sebanyak 6.1% kepada RM24.4 bilion, mencerminkan kematangan beberapa bon yang

Jadual 1.26
Hutang Luar Negara Yang Belum Dijelaskan

	2000		2001*p*	
	RM juta	US$ juta	RM juta	US$ juta
Jumlah hutang	**157,720**	**41,505**	**169,778**	**44,678**
Jangka sederhana dan panjang	*140,266*	*36,912*	*146,437*	*38,536*
Jangka pendek[1]	*17,454*	*4,593*	*23,341*	*6,142*
% daripada jumlah hutang	*11*	*11*	*14*	*14*
% daripada rizab antarabangsa	*15.4*	*15.4*	*19.9*	*19.9*
% daripada KNK				
Jumlah hutang	50.5	50.5	55.4	55.4
Hutang jangka sederhana dan panjang	44.9	44.9	47.7	47.7
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	36.4	36.4	42.9	42.9
Hutang jangka sederhana dan panjang	32.3	32.3	37.0	37.0
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**5.3**	**5.3**	**6.2**	**6.2**

[1] Merujuk kepada hutang jangka pendek bank dan sektor swasta bukan bank.
a awalan


diterbitkan pada pertengahan 1990an serta pembayaran balik oleh perusahaan awam bukan kewangan untuk melunaskan dengan lebih awal beberapa bon yang lebih mahal.


Pengambilan daripada pinjaman baru terutamanya oleh sektor awam (RM7.2 bilion) dan sebahagian kecilnya oleh sektor swasta (RM2.8 bilion), mencerminkan pelaburan swasta yang lebih rendah pada tahun ini. Keuntungan penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM3.8 bilion telah menyederhanakan peningkatan paras hutang luar negara dalam sebutan ringgit. Oleh yang demikian, hutang luar negara jangka sederhana dan panjang meningkat sebanyak 4.4% kepada RM146.4 bilion (AS$38.5 bilion) pada akhir tahun 2001.

Dari segi komposisi mata wang, sebahagian besar daripada hutang luar negara jangka sederhana dan panjang adalah dalam sebutan dolar Amerika Syarikat iaitu sebanyak 77% daripada hutang yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2001. Bahagian hutang dalam sebutan yen Jepun pula adalah lebih rendah pada 15%, mencerminkan peningkatan pengambilan pinjaman yang disebut dalam dolar AS, sedikit kepelbagaian pinjaman kepada pinjaman yang disebut dalam euro, kematangan bon-bon yen dalam tahun ini, serta penyusutan nilai yen. Hutang selebihnya sebanyak 8% adalah dalam sebutan mata wang antarabangsa yang lain termasuklah euro, dolar Singapura dan paun sterling. Di sektor swasta pula, komposisi mata wang bagi tanggungan pada umumnya adalah sejajar dengan komposisi mata wang bagi pendapatan, lalu membolehkan lindungan nilai secara semulajadi terhadap risiko mata wang. Oleh kerana hutang luar negara telah dipelbagaikan dari segi beberapa mata wang utama, penyusutan nilai yen dan euro telah menghasilkan keuntungan penilaian semula pertukaran asing, seterusnya mengurangkan hutang luar negara dalam sebutan ringgit.

Hutang luar negara sektor awam: Hutang luar negara Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM24.3 bilion pada akhir tahun 2001. Ia terus mencakupi sebahagian kecil (14%) jumlah hutang luar negara. Seperti di tahun-tahun yang lepas, keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperolehi terutamanya daripada sumber-sumber dalam negeri yang tidak mendorong inflasi. Walaupun demikian, kesempatan diambil daripada keadaan pasaran yang memberangsangkan dan kedudukan hutang luar negara yang rendah, di mana Kerajaan telah mengambil pinjaman daripada pasaran modal antarabangsa, sebahagiannya bertujuan untuk mewujudkan kehadiran di pasaran serta mengambil kesempatan daripada kadar faedah AS yang lebih rendah demi untuk menetapkan suatu kadar penanda aras untuk memudahkan sektor korporat menceburi pasaran modal AS, Eropah dan pasaran modal antarabangsa yang lain. Pada bulan Julai, Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan Nota 10 tahun bernilai AS$1 bilion yang matang pada tahun 2011. Bagi mencerminkan permintaan terhadap kertas hutang yang berkualiti, Nota tersebut telah menerima lebihan langganan sebanyak tiga kali ganda dan disebut harga pada 228 mata asas melebihi sekuriti Perbendaharaan AS dengan tempoh matang 10 tahun. Pada bulan Disember, Kerajaan telah mengambil pinjaman bersindiket sebanyak AS$540 juta daripada bank-bank luar pesisir di Labuan. Kerajaan juga telah mengambil pinjaman yang dijanjikan di bawah Inisiatif Miyazawa serta pinjaman projek daripada sumber pelbagai hala seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Islam dan Bank Pembangunan Asia. Pada bulan Mac 2002, Kerajaan Persekutuan membuka semula Nota 7.5% bernilai AS$1 bilion yang matang pada tahun 2011 dengan nilai tambahan sebanyak AS$750 juta. Pembukaan semula ini telah disebut harga pada kadar Perbendaharaan AS yang sebanding, ditambah

Graf 1.46
Hutang Luar Negara





dengan 175 mata asas lagi untuk memberi pulangan sebanyak 6.8% dengan harga tawaran semula pada AS$104.769. Berasaskan terbitan awalan yang bernilai AS$500 juta, Nota ini telah menerima lebihan langganan sebanyak lebih daripada tujuh kali.

Sebagai mencerminkan asas Malaysia yang kukuh, **tebaran** kadar faedah sekuriti penanda aras Malaysia menurun pada tahun 2001. Tebaran Nota bernilai AS$1.5 bilion yang akan matang pada tahun 2009 telah menurun kepada 148 mata asas pada akhir tahun 2001, sementara tebaran ke atas Nota 10 tahun bernilai AS$1 bilion yang akan matang pada tahun 2011 telah menurun kepada 167 mata asas. Minat terhadap terbitan bon dolar AS Malaysia telah juga meningkat sejak bulan Mei 2001 dengan pemansuhan sistem levi dan pengumuman perubahan dasar oleh Moody's yang membolehkan syarikat-syarikat diberi penarafan yang lebih tinggi daripada penarafan Kerajaan. Bagi mencerminkan kedudukan luaran negara yang semakin kukuh, Standard & Poor's telah meminda tinjauan ke atas penarafan prospek hutang mata wang asing jangka panjang Kerajaan daripada stabil kepada positif pada 4 Mac 2002, di samping mengesahkan penarafan BBB ke atas Malaysia.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) juga mengambil kesempatan daripada keadaan kadar faedah yang rendah untuk memperolehi dana jangka panjang daripada pasaran modal antarabangsa untuk membiayai semula hutang luar pesisir sedia ada yang lebih mahal. Ini dicerminkan menerusi peningkatan pinjaman kasar sebanyak RM10.7 bilion pada tahun 2001. Pinjaman baru ini termasuklah Nota 10 tahun bernilai AS$600 juta yang diterbitkan oleh Tenaga Nasional Berhad dan Nota Kadar Terapung bernilai US$250 juta yang diterbitkan oleh 1st Silicon (Malaysia) Sdn.Bhd. Peminjam-peminjam utama yang lain ialah Petronas dan Silterra Malaysia Sdn. Bhd. Tambahan lagi, Tenaga Nasional Berhad dan Bank Pembangunan terus mengambil pinjaman yang ditawarkan di bawah Inisiatif Miyazawa untuk pembangunan projek stesen janakuasa dan infrastruktur pengangkutan.

PABK sebagai satu kumpulan telah mencatatkan aliran masuk bersih pinjaman luar negara yang kecil sebanyak RM0.9 bilion memandangkan pembayaran balik meningkat lebih dua kali ganda, mencerminkan pembiayaan semula hutang dalam mengambil kesempatan ke atas tebaran kadar faedah yang lebih baik serta kematangan bon-bon yang diterbitkan pada pertengahan tahun 1990an. Disebabkan sebahagiannya diklasifikasikan semula oleh Malaysia Airline System Berhad (MAS) dan hutang luar negerinya sebagai sebahagian daripada sektor awam pada tahun 2001, hutang yang belum dijelaskan oleh PABK meningkat sebanyak 13.3% kepada RM66.5 bilion pada akhir tahun 2001.

Hutang luar negara sektor swasta: Sektor swasta terus mencakupi sebahagian besar hutang luar negara Malaysia, iaitu 47% daripada jumlah hutang pada tahun 2001. Sektor swasta mencatatkan pinjaman luar negara bersih sebanyak RM2.8 bilion pada tahun 2001. Pinjaman yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya terbitan sekuriti hutang untuk membiayai pembelian aset bukan pemastautin di Malaysia yang merupakan sebahagian daripada penstrukturan semula sebuah syarikat. Syarikat milik bukan pemastautin terus mencakupi sebahagian besar daripada pinjaman oleh sektor swasta ini, dengan memperoleh sebahagian besar pinjamannya

daripada para pemegang saham di luar pesisir serta syarikat-syarikat induk dan sekutu. Pinjaman seumpama ini biasanya diberi dengan syarat pinjaman yang fleksibil, termasuklah tempoh matang yang lebih panjang serta kadar faedah yang rendah. Pinjaman-pinjaman ini adalah juga dilindungi nilai secara semulajadi, di mana perolehan dalam mata wang asing digunakan untuk membayar khidmat hutang. Dengan mengambil kira klasifikasi semula hutang luar negara MAS sebagai hutang PABK serta keuntungan penilaian semula pertukaran asing, hutang luar negara sektor swasta yang belum dijelaskan telah berkurangan sebanyak 11.4% kepada RM55.6 bilion pada akhir tahun 2001.

Hutang luar negara jangka pendek (dengan tempoh matang satu tahun atau kurang) merangkumi terutamanya pinjaman jangka pendek oleh bank-bank untuk tujuan yang berkaitan dengan aktiviti pembiayaan perdagangan, kredit pusingan dan pinjaman antara syarikat. Pada tahun 2001, hutang luar negeri jangka pendek meningkat kepada RM23.3 bilion (AS$6.1 bilion), mencerminkan terutamanya peningkatan pinjaman oleh bank perdagangan. Sebagai satu langkah berhemat, bank-bank perdagangan perlu mematuhi had kedudukan terbuka luaran. Pada akhir tahun 2001, kedudukan luaran terbuka bersih bank-bank tersebut adalah jauh lebih rendah daripada had yang dibenarkan.

Bahagian hutang jangka pendek kekal berada di sekitar had yang berhemat iaitu 13.7% daripada jumlah hutang luar negara dan 19.9% daripada rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia. Dengan mengambil kira hutang jangka sederhana dan panjang yang akan matang dalam 12 bulan berikutnya, hutang jangka pendek berjumlah sebanyak RM38.5 bilion (AS$10.1 bilion), kurang daripada satu pertiga daripada rizab antarabangsa.


Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM (terdiri daripada emas, pertukaran mata wang asing, kedudukan rizab dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)) meningkat sebanyak RM3.7 bilion atau AS$964 juta pada tahun 2001 kepada RM117.2 bilion atau AS$30.8 bilion pada akhir tahun 2001. Paras rizab meningkat lagi kepada RM119.6 bilion atau AS$31.5 bilion pada 28 Februari 2002. Paras rizab ini cukup untuk membiayai 5.2 bulan import tertangguh dan menampung 5.1 kali hutang luar negara jangka pendek. Peningkatan dalam kedudukan rizab ini mencerminkan pertambahan dalam milikan pertukaran mata wang asing hasil daripada aliran masuk dana perdagangan dan modal jangka panjang.

Pada sepanjang tahun 2001, rizab antarabangsa bersih BNM menunjukkan kebolehubahan yang tinggi. Di bawah rejim kadar pertukaran tetap, kebolehubahan rizab yang lebih tinggi sudah tentu akan berlaku oleh kerana perubahan rizab mencerminkan keadaan penawaran dan permintaan di dalam pasaran pertukaran mata wang asing. Di antara bulan Januari hingga ke pertengahan bulan April, rizab antarabangsa bersih Malaysia menurun kepada RM99.8 bilion (AS$26.3 bilion) pada 15 April 2001, daripada RM113.5 bilion (AS$29.9 bilion) pada akhir tahun 2000. Selanjutnya, paras rizab menjadi stabil dan mula mencatat peningkatan semenjak akhir bulan Jun. Pada akhir tahun, kedudukan rizab telah melebihi paras yang dicatat pada akhir bulan Disember 2000. Pada tahapnya yang terendah, paras rizab masih kekal tinggi dan bersamaan dengan 3.9 bulan import tertangguh dan adalah 5.5 kali hutang luar negara jangka pendek. Rizab adalah tidak membebankan dan boleh digunakan disebabkan Malaysia tidak terlibat dalam kontrak hadapan.

Pada tahun 2001, semasa nilai yen menyusut melebihi paras ¥125 berbanding dengan dolar AS pada akhir bulan Mac dan awal bulan April, terdapat aliran keluar dana yang didorong oleh sentimen memandangkan keadaan pasaran yang tidak stabil. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada kemerosotan rizab mencerminkan permintaan terhadap pertukaran mata wang asing oleh sektor

Graf 1.47
Rizab Antarabangsa Bersih



Jadual 1.27
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir			Perubahan
	1999	2000	2001	2001
	RM juta			
Milikan SDR	330.3	418.7	487.8	69.1
Kedudukan rizab dengan IMF	3,168.2	3,310.9	3,193.5	-117.4
Emas dan pertukaran wang asing	113,766.0	109,835.4	113,542.3	3,706.9
Rizab Antarabangsa Kasar	**117,264.5**	**113,565.0**	**117,223.6**	**3,658.6**
Tolak Tanggungan luar negara BNM	21.0	23.7	20.7	-3.0
Rizab Antarabangsa Bersih	**117,243.5**	**113,541.3**	**117,202.9**	**3,661.6**
Nilai dalam AS$	**30,853.6**	**29,879.3**	**30,842.9**	**963.6**
Bulan import tertangguh	5.9	4.5	5.1	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	5.1	6.5	5.0	

korporat Malaysia untuk tujuan perdagangan dan pelaburan. Terdapat juga pembayaran balik hutang luar negara untuk mengurangkan leveraj syarikat memandangkan terdapat sumber dana dalam negeri pada kos yang lebih rendah. Pembayaran balik hutang berkenaan telah mengurangkan hutang luar negara Malaysia serta memperkukuhkan kedudukan kewangan luar negara Malaysia. Terdapat juga aliran keluar pelaburan luar negara oleh syarikat-syarikat Malaysia yang mencerminkan keputusan strategik perniagaan yang akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti syarikat-syarikat Malaysia. Pelaburan ini juga meningkatkan prospek eksport barangan dan perkhidmatan serta pemulangan pendapatan dan keuntungan ke Malaysia di masa hadapan. Pada tempoh Mac-April, permintaan besar bagi tujuan pembayaran perdagangan mencerminkan aliran keluar yang awal berikutan dolar AS yang "lebih murah" (disebabkan oleh diskaun untuk pembayaran hadapan hasil daripada perbezaan kadar faedah) telah mewujudkan insentif untuk membuat pembayaran hadapan untuk import.

Pada bulan Mac 2001, kerugian penilaian semula pertukaran asing berikutan penilaian semula rizab antarabangsa yang dibuat pada setiap suku tahun juga menyebabkan kemerosotan rizab yang belum direalisasi sebanyak AS$0.9 bilion. Memandangkan rizab BNM terdiri daripada pelbagai mata wang utama, peningkatan nilai dolar AS telah mengakibatkan kerugian penilaian semula yang belum direalisasi ke atas aset-aset yang disebut nilai dalam Euro dan yen. Pada suku ketiga, keuntungan penilaian semula sebanyak RM3 bilion atau AS$0.8 bilion telah dicatatkan berikutan penyusutan nilai dolar AS berbanding dengan Euro dan yen. Bagi tahun 2001 secara keseluruhannya, kerugian penilaian semula sukuan berjumlah sebanyak RM4.1 bilion atau AS$1.1 bilion.

Pada tahun 2001, BNM telah mempergiatkan lagi usaha untuk mempertingkatkan ketelusan dan memberi penjelasan secara mendalam mengenai aliran rizab. Ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman terhadap perubahan rizab, terutamanya yang mencerminkan penyesuaian struktur di sektor korporat yang menyumbang kepada keteguhan asas ekonomi jangka panjang Malaysia.

Rizab adalah stabil di sekitar RM98.8 bilion (AS$26 bilion) pada tempoh pertengahan bulan April sehingga akhir bulan Jun 2001. Sejak akhir bulan Jun, rizab antarabangsa bersih telah meningkat sebanyak RM18.4 bilion atau AS$4.8 bilion. Perbezaan kadar faedah yang memihak kepada Malaysia sejak bulan September telah menggalakkan pemulangan perolehan eksport lebih awal. Sementara eksport merosot berikutan kelembapan ekonomi dunia, kejatuhan ini telah diimbangi oleh penguncupan dalam import, dan dengan itu lebihan dagangan kekal besar. Aliran masuk yang berkaitan dengan perdagangan yang berjumlah besar turut mencerminkan tuntutan bayaran ke atas import yang lebih rendah hasil daripada pembayaran hadapan yang dibuat pada separuh pertama tahun 2001. Aliran masuk pelaburan langsung asing juga berterusan dalam tempoh ini, mencerminkan aliran masuk daripada rakan perniagaan strategik. Sementara itu, pinjaman hutang luar negara Kerajaan Pusat, termasuk Nota 10 tahun bernilai AS$1 bilion dan pinjaman bersindiket sebanyak AS$540 juta daripada bank-bank luar pesisir di Labuan, telah lebih daripada mengimbangi pembayaran balik hutang Kerajaan pada tahun ini. Dengan sentimen pasaran yang bertambah baik, modal portfolio mencatatkan aliran masuk bersih pada sebahagian besar tempoh suku ketiga. Walau bagaimanapun, arah aliran ini berubah haluan semenjak separuh kedua bulan September berikutan ketidaktentuan yang berkaitan dengan peristiwa 11 September serta aktiviti pengambilan untung, menyebabkan aliran keluar bersih modal portfolio pada suku keempat. Namun begitu, aliran ini sekali lagi berubah haluan di mana terdapat aliran masuk bersih pada bulan Januari-Februari 2002.

Milikan rizab Malaysia dalam bentuk **Hak Pengeluaran Khas (SDR)** meningkat sebanyak RM69.1 juta kepada RM487.8 juta pada akhir tahun 2001. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh

Pengurusan Rizab BNM dan Dasar Laporan

Objektif **pengurusan rizab** BNM bertujuan untuk memastikan lindungan modal serta kecairan rizab sementara mengoptimumkan pulangan. BNM telah merumus satu penanda aras yang seragam sebagai panduan dalam membuat keputusan pelaburannya, dengan mengambil kira keperluan untuk memastikan rizab adalah selamat dan memenuhi keperluan kecairan serta paras toleransi risiko. Portfolio penanda aras dan rizab antarabangsa BNM terdiri daripada mata wang asing utama dan emas. Pemegangan rizab adalah dalam bentuk deposit mata wang asing atau pelaburan dalam sekuriti Kerajaan dengan gred pelaburan yang tinggi. BNM tidak terlibat dengan opsyen dalam mata wang asing berbanding ringgit dan tidak mempunyai hutang dalam sebutan mata wang asing yang melibatkan opsyen. Juga, tidak terdapat saluran kredit tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberi oleh atau kepada bank-bank pusat lain, organisasi antarabangsa, bank-bank dan institusi kewangan yang lain. Rizab tidak membebankan dan boleh diguna.

BNM menerbitkan kenyataan akhbar mengenai rizab antarabangsa bersama-sama dengan penyata aset dan liabiliti pada setiap dua minggu dengan satu minggu lat. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan ketelusan dalam sistem kewangan antarabangsa serta memudahkan penilaian terhadap pendedahan kepada risiko pertukaran asing, BNM menerbitkan penyata terperinci mengenai rizab antarabangsa pada penghujung setiap bulan (dengan lat sebulan) sejajar dengan keperluan format data Piawai Penyebaran Data Khas (SDDS) IMF. Ia merangkumi penyebaran maklumat jangkaan tentang saiz, komposisi dan kegunaan rizab rasmi dan aset-aset mata wang asing yang lain serta aliran keluar dan masuk pertukaran asing pada masa hadapan dan potensinya (luar jangkaan) dalam tempoh 12 bulan akan datang.

penerimaan imbuhan daripada IMF berikutan kedudukan Malaysia sebagai pemberi kredit bersih dengan IMF. Pada tahun 2001, **kedudukan rizab Malaysia dengan IMF** kekal tidak berubah. Dalam nilai ringgit, rizab dengan IMF mencatatkan kejatuhan sebanyak RM117.4 juta kepada RM3.2 bilion pada akhir tahun 2001 atas sebab kerugian penilaian semula pertukaran pada tahun ini.

Aliran Dana

Ekonomi negara mencatat lebihan sumber yang lebih kecil sebanyak RM27.4 bilion atau 8.9% daripada KNK pada tahun 2001 (lebihan sebanyak RM31.9 bilion atau 10.2% daripada KNK pada tahun 2000). Dari segi imbangan pembayaran, lebihan sumber yang lebih kecil ini mencerminkan penurunan yang lebih besar dalam eksport barangan dan perkhidmatan berbanding import. Sementara eksport merosot sebanyak 8.8%, import pula jatuh sebanyak 8.7% pada tahun 2001. Dari perspektif jurang simpanan-pelaburan, lebihan yang lebih kecil ini disebabkan oleh kedudukan simpanan bersih yang lebih kecil. Walaupun simpanan bersih sektor swasta adalah lebih tinggi, ia telah diimbangi sebahagiannya oleh simpanan bersih sektor awam yang lebih rendah. Aliran dana di antara pelbagai sektor ekonomi pada tahun 2000 dan 2001 ditunjukkan dalam Jadual 1.24 dan 1.25.

Sementara sektor awam mempunyai pendapatan boleh guna yang lebih rendah pada tahun 2001, program rangsangan fiskal oleh Kerajaan untuk membantu aktiviti ekonomi telah menyebabkan perbelanjaan pelaburan dan penggunaan awam yang lebih tinggi. Oleh itu, lebihan sumber sektor awam adalah lebih rendah, iaitu sebanyak RM0.9 bilion pada tahun 2001 (RM10.8 bilion pada tahun 2000). Lebihan sumber ini mencerminkan lebihan daripada PABK sebanyak RM12.1 bilion, yang lebih daripada cukup untuk mengimbangi jurang sumber sektor Kerajaan sebanyak RM11.2 bilion. Sebahagian besar daripada jurang sumber sektor Kerajaan ini telah dibiayai oleh pinjaman dalam negeri bersih (RM13.4 bilion). Walau bagaimanapun, bersama dengan pinjaman luar negara bersih sebanyak RM7.1 bilion dan lebihan sumber PABK, sebanyak RM6.5 bilion telah dipindahkan kepada sektor swasta pada tahun ini, terutamanya dalam bentuk pinjaman dan geran.

Mencerminkan kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan, pendapatan boleh guna sektor swasta menurun sedikit kepada RM209.8 bilion (RM211.8 bilion pada tahun 2000). Namun demikian, dengan kadar faedah yang rendah serta kemudahan kredit dan dasar Kerajaan yang menggalakkan perbelanjaan penggunaan domestik, perbelanjaan penggunaan swasta adalah lebih tinggi pada tahun 2001. Oleh itu, simpanan sektor swasta adalah lebih rendah, iaitu sebanyak RM59.2 bilion (RM66.7 bilion pada tahun 2000). Walau

Jadual 1.28
Aliran Dana 2000

	Akaun Negara	Ekonomi Domestik			Negara-negara lain	Jumlah
		Sektor awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-304.5	92.7	211.8			0
Penggunaan	181.4	-36.2	-145.2			0
Pelaburan	87.1	-43.6	-43.5			0
Perubahan dalam Stok	4.1	-2.1	-2.0			0
Eksport Barangan & Perkhidmatan	427.5				-427.5	0
Import Barangan dan Perkhidmatan	-359.5				359.5	0
Bayaran Faktor Luar Negara Bersih	-28.6				28.6	0
Pindahan Bersih	-7.5				7.5	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	10.8	21.1	0.0	-31.9	0
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Korporat			6.7		-6.7	0
Peminjaman Asing Bersih		3.9	-28.7		24.8	0
Perubahan Bersih dalam Aset Asing						
BNM				3.7	-3.7	0
Sistem Perbankan				-5.7	5.7	0
Pembiayaan Domestik						
Perubahan dalam Kredit Domestik		4.4	26.0	-30.4		0
Perubahan dalam Bekalan Wang, M3			-21.9	21.9		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		-19.1	19.1			0
Kesilapan dan Ketinggalan			-22.3	10.5	11.8	0
Jumlah		0	0	0	0	

Jadual 1.29
Aliran Dana 2001

	Akaun Negara	Ekonomi Domestik			Negara-Negara Lain	Jumlah
		Sektor Awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-298.5	88.7	209.8			0
Penggunaan	191.4	-40.7	-150.7			0
Pelaburan	83.3	-49.2	-34.1			0
Perubahan dalam Stok	3.6	2.1	1.5			0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	389.8				-389.8	0
Import Barangan dan Perkhidmatan	-328.4				328.4	0
Bayaran Faktor Luar Negara Bersih	25.9				25.9	0
Pindahan Bersih	8.1				8.1	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	0.9	26.5	0.0	-27.4	0
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Korporat			1.0		-1.0	0
Peminjaman Asing Bersih		7.1	-23.0		15.9	0
Perubahan Bersih dalam Aset Asing						
BNM				-3.7	3.7	0
Sistem Perbankan				0.1	-0.1	0
Pembiayaan Domestik						
Perubahan dalam Kredit Domestik		-1.5	20.4	-18.9		0
Perubahan dalam Bekalan Wang, M3			-13.0	13.0		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		-6.5	6.5			0
Kesilapan dan Ketinggalan			-18.4	9.5	8.9	0
Jumlah		0	0	0	0	

bagaimanapun, mencerminkan kemerosotan yang besar dalam perbelanjaan pelaburan swasta dan penurunan kecil dalam simpanan swasta, lebihan sumber sektor swasta meningkat kepada RM26.5 bilion (RM21.1 bilion pada tahun 2000). Tambahan lagi, sebahagian daripada pelaburan swasta pada tahun 2001 telah dibiayai oleh aliran masuk FDI. Secara keseluruhannya, dengan mengambil kira pinjaman bersih daripada sistem perbankan (RM20.4 bilion) dan pindahan daripada sektor awam (RM6.5 bilion), sumber yang diperolehi oleh sektor swasta berjumlah sebanyak RM54.4 bilion (RM72.9 bilion pada tahun 2000).

Sebahagian besar daripada lebihan sumber sektor swasta ini adalah dalam bentuk simpanan deposit bersih dengan sistem perbankan sebanyak RM13 bilion (termasuk pemegangan mata wang). Sebahagian daripada lebihan ini juga mengalir keluar daripada ekonomi, terutamanya dalam bentuk pelaburan keluar negara (RM20.5 bilion) dan aliran keluar portfolio (RM2.5 bilion). Sementara itu, aset luar bersih sistem perbankan kekal stabil. Lebihan akaun semasa yang berterusan serta aliran masuk FDI adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai aliran keluar, dan rizab antarabangsa bersih BNM meningkat sebanyak RM3.7 bilion kepada RM117.2 bilion pada akhir tahun 2001.